

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 50

Selasa

22 Ogos 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2006 (Halaman 27)

Rang Undang-Undang Penduduk dan Pembangunan
Keluarga (Pindaan) 2006 (Halaman 73)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22 Ogos 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) berapakah jumlah pesakit-pesakit buah pinggang mengikut pecahan negeri-negeri; dan
 - (b) adakah kerajaan bercadang mewujudkan pusat hemodialisis di setiap kawasan Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (a), saya mohon jawapan terperinci akan dibekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiga buah negeri yang mempunyai pesakit-pesakit pinggang adalah:

- (i) Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 3,546 orang;
- (ii) Johor – 1,900 orang; dan
- (iii) Perak – 1,292 orang.

Jumlah pesakit-pesakit buah pinggang untuk seluruh negara adalah 11,987 orang sehingga bulan Disember 2005.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (b), pada masa ini dasar kerajaan adalah untuk mengadakan Unit Hemodialisis di semua hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Oleh yang demikian setiap kawasan Parlimen yang mempunyai hospital akan mempunyai Unit Hemodialisisnya sendiri. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Setiausaha Parlimen dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan ini saya ingat sudah berulang daripada dua tahun yang lepas. Lagu lama, cuma kita hendak tahu perkembangan. Kalau jawapan yang menggunakan perangkaan itu kita terima. Masih lagi dibekalkan kepada hospital di kawasan masing-masing. Ada kawasan yang tidak ada hospital ataupun tidak lengkap, jadi kalau sudah dua tahun, saya tahu apabila kita tanya lebih lagi, dia akan menjawab menggunakan peruntukan yang besar.

Adakah sama tiga tahun atau empat tahun, peruntukan ini akan menjadi kurang? Saya mencadangkan kalaulah tidak dapat dibekalkan setiap kawasan Parlimen mesin hemodialisis ini, baiklah kita sediakan bilik mayat banyak-banyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita akan menumpukan untuk mengadakan Unit Hemodialisis ini di hospital kita dahulu kerana bukan setakat mesin sahaja, kita perlu mempunyai pegawai-pegawai dan juga kakitangan-kakitangan yang terlatih untuk menjaga unit-unit hemodialisis ini di hospital, itu yang pertama.

Yang kedua, kerajaan memang sudah mengambil tindakan yang banyak untuk memperbanyakkan lagi pusat-pusat hemodialisis ini. Di antaranya ialah untuk menolong mewujudkan unit-unit hemodialisis yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Setakat ini kita telah dapat menolong untuk menubuhkan 99 unit pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Setiausaha Parlimen, kita tahu trend *end stage renal failure* sekarang ini dia semakin mengenai usia yang muda kalau dibandingkan dengan 10 tahun yang lepas. Usia produktif mereka terpaksa dihabiskan di pusat-pusat hemodialisis untuk mereka aktif seperti biasa.

Persoalan yang ingin saya tanya adakah kerajaan telah menyediakan satu insentif yang tertentu kepada pihak swasta untuk memperbanyakkan unit-unit hemodialisis ini agar kadar bayaran untuk satu dialisis dapat dikurangkan daripada misalnya RM60 untuk sekali dialisis sekarang ini untuk tiga kali seminggu dikurangkan lagi. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat ini kerajaan telah memberi subsidi kepada setiap sesi pesakit-pesakit ini yang telah menjalani rawatan ini iaitu kerajaan akan membayar RM50 setiap sesi. Ini bermakna RM150 setiap minggu kalau mereka pergi tiga sesi. Untuk tahun yang lepas iaitu tahun 2005, kerajaan telah memberi subsidi sebanyak RM17 juta dan kita memang sentiasa mencari jalan bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan hemodialisis kepada *end stage renal failure* ini tetapi kita kena faham juga betapa banyak unit-unit hemodialisis ini kita adakan, tidak akan mengatasi cabaran yang kita hadapi jika kita tidak menjaga atau menengok bagaimana *end stage renal failure* ini akan terjadi iaitu bagaimana kita dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan kerana *end stage renal failure* ini adalah satu penyakit kronik. Ia boleh dicegah jikalau kita amalkan gaya hidup yang sihat. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 2 - Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) tidak hadir]

3. Datuk Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah jalan raya yang telah tersenarai dalam sistem MARRIS (data bank inventory of roads) di Sabah, berapakah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan berapakah pula tuntutan dan yang sudah dibayar oleh kerajaan kepada Kekal Mewah Sdn. Bhd. bagi tahun 2005.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tan Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jalan raya yang berdaftar di Sabah di dalam sistem MARRIS dengan izin, *Malaysian Roads Registration System* sehingga Ogos 2006 adalah seperti berikut, 2,487 kilometer jalan negeri dan 6,822 jalan di bawah bidang kuasa Majlis Berkuasa Tempatan. Jumlah jarak keseluruhannya 14,589 kilometer.

Jumlah peruntukan yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam bentuk "road grant" pada tahun 2005 ialah sebanyak RM229.77 juta. Manakala tuntutan dan pembayaran yang sudah dibayar kepada pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. untuk menyenggara jalan negeri dan jalan majlis perbandaran pada tahun 2005 adalah sebanyak RM103.14 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada lagi. Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah bertanya soalan ini oleh kerana di kawasan saya baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi salah satu daripada kawasan DUN, saya telah bertanya dan bagi jalan di bawah Majlis Daerah sebanyak 77 batang jalan raya dan dalam pemantauan saya terhadap jalan-jalan ini, tidak kesemua 77 jalan ini diselenggarakan oleh Kekal Mewah seperti mana yang diharap-harapkan. Ada juga jalan-jalan raya ini di mana batu-batu kelikir yang digunakan untuk penyelenggaraan, telah sudah bertahun-tahun, ada dua tahun, lebih setahun, berlonggok di tepi jalan tetapi tidak ditabur di jalan-jalan dan mengakibatkan jalan-jalan raya di seluruh kawasan saya ini berlubang-lubang dan sasaran oleh rakyat ialah kami wakil-wakil rakyat mengatakan kami tidak membuat kerja.

Saya telah banyak membangkitkan hal ini kepada pihak pelaksanaan. Tetapi sehingga pada hari ini saya nampak, pelaksanaannya tidak memuaskan, amat tidak memuaskan. Persoalan saya di sini ialah apakah pihak Persekutuan yang memberi peruntukan terhadap penyelenggaraan ini memantau pelaksanaan dan jika sekiranya tidak puas dalam pelaksanaan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan, penyelenggaraan jalan-jalan raya di...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap jalan yang sudah disenaraikan untuk diselenggarakan syarikat-syarikat yang telah dilantik atau ditetapkan oleh kerajaan dipantau oleh kerajaan negeri iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri. Jikalau ada juga seperti apa yang diadukan oleh Yang Berhormat tadi, saya minta satu siasatan penuh, betulkah tidak ada kerja sedang dijalankan di atas mana-mana jalan raya itu.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa memang syarikat Kekal Mewah dan syarikat Kobena Co telah dilantik oleh kerajaan untuk menyelenggarakan jalan-jalan MARRIS di Sabah. Di kawasan saya di mana satu kejadian yang telah menimpa pada 17 Julai tahun lalu, di mana satu jambatan telah dihanyutkan oleh banjir sehingga sekarang ini masih lagi belum dibina. Jadi apakah syarikat yang dilantik ini betul-betul sudah mengendalikan semua jalan yang telah diberi kepada mereka untuk menjalankan tugas ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jambatan yang runtuh akan atau rosak itu tidak masuk dalam kontrak yang telah diberi oleh kerajaan. Kerja-kerja itu akan dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah. Jikalau ada juga perkara-perkara lain yang tidak sesuai saya percaya Ahli Yang Berhormat boleh melapor, kita akan menyiasat.

4. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab kejohanan berbasikal Le Tour de Langkawi perlu diambil alih oleh pihak Kerajaan serta menyatakan semua kos-kos yang terlibat di dalam pengambilalihan tersebut.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum wbt. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Titiwangsa, kementerian ingin menyatakan bahawa sebenarnya, disebabkan oleh keadaan Persatuan Berbasikal Malaysia menyebabkan bahawa kemungkinan Le Tour de Langkawi Tahun 2007 tidak dapat diadakan disebabkan beberapa hutang, telah terhutang oleh pihak syarikat yang mengendalikan pertandingan sukan ini iaitu Syarikat First Cartel Sdn. Bhd. Kementerian telah dimaklumkan bahawa sebanyak RM10.2 juta telah terhutang dan alasannya ialah kerana *sponsorship* dengan izin Tuan Yang di-Pertua tidak dapat melaksanakan janji seperti janji yang diberikan.

Walau bagaimanapun, kementerian telah dimaklumkan hanya sebanyak RM2.3 juta iaitu pecahan RM1,562,38.25 untuk bayaran *cycling related creditor*, dan RM1,251,670.84 untuk *television related creditors*. Kementerian telah dimaklumkan oleh Persatuan Berbasikal bahawa Kesatuan Berbasikal Dunia ataupun UCI telah memberikan amaran bahawa jika jumlah RM2.3 ini tidak dibayar sebelum tarikh 1 September, maka Malaysia tidak dapat dibenarkan untuk menganjurkan sukan Le Tour de Langkawi bagi tahun 2007. Itu sebabnya alasan pertama yang kena kita, kalau hendak meneruskan penganjuran, terutama sekali tahun depan ialah Visit Malaysia Year dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Visit Malaysia Year tahun 2007 dan kedua ialah Le Tour de Langkawi ini Tuan Yang di-Pertua, adalah antara lima pertandingan sukan berbasikal peringkat antarabangsa yang terkenal di dunia. Jadi adalah amat mendukacitakan bahawa Malaysia tidak dapat menjadi tuan rumah sekali jika jumlah RM2.3 juta ini tidak dapat dilaksanakan.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian tidak menjalankan *bailout*. Apa yang dilaksanakan oleh kementerian ialah menjalankan *buyout*. *Buyout* ini ialah kerana kementerian dimaklumkan bahawa syarikat swasta First Cartel Sdn. Bhd. telah mendaftarkan *Trade Mark* nama Le Tour de Langkawi. Jadi kalau kementerian tidak menjelaskan jumlah ini ataupun kementerian menjelaskan jumlah ini, perlu pendekatan iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua mentransferkan *Trade Mark* Le Tour de Langkawi kepada Kerajaan Malaysia. Jadi sebenarnya jumlah RM2.3 juta itu walaupun dibayar untuk hutang-hutang sebenarnya adalah kiraan kepada apa yang disebut *buyout* kepada *Trade Mark* dengan izin Le Tour de Langkawi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekiranya kementerian mengambil alih, adakah kementerian akan mengendalikan *eventnya* sendiri ataupun akan diswastakan kepada mana-mana pihak yang lain.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kabinet telah mengarahkan Kementerian Belia dan Sukan bersama Kementerian Pelancongan untuk mewujudkan satu jawatankuasa bertindak dengan izin *joint taskforce* di mana kedua-dua kementerian akan mengendalikan KPI kepada semua anjuran sukan pelancongan antarabangsa. Disebabkan oleh penganjur Le Tour de Langkawi ini iaitu First Cartel Sdn. Bhd. akan digugurkan oleh itu Jawatankuasa Bertindak antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelancongan, akan melantik satu mungkin syarikat swasta yang baru tetapi dengan syarat-syarat KPI, ia akan dikenakan oleh kedua-dua kementerian.

5. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah rasional mengenakan rakyat negara ini yang gagal membawa MyKad bersama mereka setiap waktu. Tindakan seumpama ini hanya memberi gambaran bahawa negara ini seolah-olah sebuah '*police state*'.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang menghendaki pemegang kad pengenalan membawa kad pengenalan pada setiap masa bukanlah satu peraturan baru. Ini kerana Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 sememangnya menghendaki supaya setiap orang membawa kad pengenalannya pada setiap masa. Cuma peraturan ini tidak dikuatkuasakan sepenuhnya selama ini.

Kad pengenalan atau MyKad adalah suatu dokumen peribadi yang sangat penting kepada setiap individu yang menjadi warganegara ini dan ingatan untuk mengenakan tindakan kepada orang-orang yang tidak membawa kad pengenalan adalah untuk memberi kesedaran mengenai pentingnya dokumen tersebut. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, oleh kerana kepentingan keselamatan negara, warganegara Malaysia yang memiliki kad pengenalan diperlukan membawa bersama kad pengenalannya bagi membolehkan agensi penguat kuasa

dapat mengesan dan membezakan seseorang pemegang kad pengenalan itu warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia atau tidak mempunyai pengenalan diri yang sah.

Di samping itu, adalah penting bagi rakyat negara ini pada setiap waktu membawa MyKad atau kad pengenalan bersama mereka bagi memudahkan identiti seseorang individu dikenal pasti khususnya dalam keadaan-keadaan kecemasan, kemalangan, jenayah, bencana dan seumpamanya, di mana identiti orang tersebut boleh dikenal pasti dengan mudah. Dengan demikian, peraturan mengenakan denda kepada rakyat negara ini yang tidak membawa MyKad bersama mereka adalah dibuat atas kepentingan negara dan rakyat itu sendiri dan ia tidak menunjukkan bahawa negara ini sebagai sebuah negara '*police state*'. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor berminat memberi soalan tambahan.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sentiasa mendengar di Dewan yang mulia ini bahawa MyKad tidak mungkin dipalsukan kecuali pemohon menggunakan butir-butir palsu untuk memohon MyKad. Maka saya ingin bertanya, sejauh manakah sejak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah-langkah sewajarnya, sejauh manakah masalah pemalsuan MyKad ini yang dibuat oleh pemohon-pemohon dapat dibendung.

Satu lagi adalah mengenai kualiti MyKad. Kalau rakyat hilang MyKad mereka ini kena bayar denda bila dia buat permohonan baru untuk gantian, tetapi kualitinya setakat ini tidak begitu memuaskan sebab kalau kita diberikan MyKad, kita simpan dalam poket. Tidak sampai setahun dua MyKad ini rosak ataupun butir-butirnya kadang-kadang lari. So, saya ingin bertanya juga adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi kualiti MyKad yang dikeluarkan kepada rakyat buat masa ini dan kalau rosak tidak payah bayar denda. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Alor Star, sukacita saya nyatakan bahawa setakat ini tidak ada kes MyKad palsu yang dikesan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Palsu bermakna dikeluarkan oleh pihak yang lain. Apa yang dikesan oleh Jabatan Pendaftaran Negara setakat ini, sehingga pagi ini laporan yang saya terima daripada Jabatan Pendaftaran Negara, terdapat 155 MyKad yang diubahsuai permukaan atau di *template*.

Kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti tetapi setakat ini laporan atau aduan yang menyatakan MyKad tidak berkualiti adalah terlalu kecil. Adalah menjadi tanggungjawab pada setiap pemegang MyKad untuk menjaga MyKad masing-masing supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan elok. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya dapat tahu daripada Setiausaha Parlimen, apakah peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sekarang, dalam fikiran saya Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1999 yang berkuat kuasa, bukan 1990? Dan, rakyat yang gagal membawa MyKad ini boleh didenda minimum

RM3,000 dan maksimum RM20,000 atau penjara tiga tahun. Adakah ini yang berkuat kuasa sekarang? Bolehkah saya dapat tahu apakah keadaan pada masa kini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Peraturan Pendaftaran Negara yang dipakai sekarang ialah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah yang terbabit dengan kegagalan membawa MyKad adalah penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20 ribu atau kedua-duanya sekali seperti yang terdapat di dalam Peraturan 25(1) dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan) 2001. Terima kasih.

6. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendekatan Penyata Rahman Talib, Penyata Murad dan Penyata Razak masih lagi diguna pakai dalam Sistem Pendidikan negara kini.

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya memohon dipinda 'Penyata Murad' kepada 'Laporan Murad'. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Pendidikan Kebangsaan yang diguna pakai sekarang masih berlandaskan penyata-penyata yang sedia ada iaitu Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Laporan Kabinet serta Akta Pendidikan 1996. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perakuan-perakuan utama dalam Penyata Razak 56 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menjadi asas kepada Akta Pelajaran 1961.

Akta tersebut memuktubkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang masih dilaksanakan sehingga sekarang. Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan ini telah melalui tiga fasal utama, iaitu:

- (i) Fasal Peletakan Asas dalam tahun-tahun akhir 50-an dan awal 60-an;
- (ii) Fasal Kesenambungan dalam tahun-tahun 70-an; dan
- (iii) Fasal Reformasi dalam tahun-tahun 80-an dan 90-an.

Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam tahun-tahun akhir 50-an dan awal 60-an dan 70-an, memberi tumpuan kepada aspek kuantitatif berteraskan prinsip pendemokrasian pendidikan dalam usaha membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan harmonis. Pelaksanaannya juga sejajar dengan penerapan prinsip dan nilai yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara dan rancangan lima tahun Malaysia.

Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 telah memperakukan beberapa cadangan untuk memperkemas dan memperkukuh Pelaksanaan

Dasar Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan laporan tersebut, mulai tahun 80-an, pendidikan di negara ini telah memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pendidikan. Justeru pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah atau KBSR telah diperkenalkan yang memberi penekanan kepada konsep 3M, iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Manakala pada tahun 1989 pula, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau KBSM telah diperkenalkan yang memberi penekanan kepada konsep sepadu, seimbang dan menyeluruh ke arah mencapai Wawasan 2020 asas perundangan bagi pelaksanaan dasar dan Sistem Pendidikan Kebangsaan diperkukuh melalui Akta Pendidikan 1996 dalam usaha meningkatkan kualiti dan ekuiti serta bersesuaian dengan pendemokrasian pendidikan. Pendidikan wajib di peringkat rendah telah diperkenalkan mulai tahun 2003. Dasar ini adalah bersesuaian dengan Laporan Murad yang juga dikenali sebagai Laporan Keciciran pada tahun 1973 yang mengkaji faktor-faktor keciciran di kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Kementerian Pelajaran untuk jangka masa 2006 hingga 2010. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai kualiti pendidikan yang telah diperkenalkan melalui KBSR dan KBSM, bagi KBSR iaitu membaca menulis dan mengira. Sekarang ini ada pendekatan baru iaitu KIA 2M - Kelas Intervensi Awal iaitu bagi membaca dan menulis. Soalan saya, apakah sebab dan halangan yang tertentu yang menyebabkan masih lagi ada pelajar yang buta huruf.

Contohnya bagi Daerah Temerloh, sehingga Jun 2006 seramai 1,449 orang pelajar Tahun 2 hingga Tahun 6 masih lagi buta huruf iaitu pada kadar 8.42% dan yang terpaksa mengikuti kelas KIA 2M ini bagi Tahun 1 seramai 335 orang iaitu pada kadar 10.23%. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar ini masih lagi buta huruf. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian Pelajaran mengamalkan Dasar 3M iaitu pelajar diberi pendedahan kepada menulis, mengira dan membaca, baru-baru ini satu lagi program baru iaitu KIA 2M telah diperkenalkan. KIA 2M itu bermakna Kelas Intervensi Awal 2M iaitu membaca dan menulis. Antara faktor-faktor yang menyebabkan tidak semua pelajar dapat menguasai 3M atau 2M adalah kemungkinan bahawa tidaklah semua pelajar yang dapat peluang pergi ke prasekolah. Jadi, di antara satu langkah yang telah diambil oleh kementerian adalah untuk menambahkan lagi bilangan prasekolah di semua sekolah-sekolah kebangsaan. Tambahan pula program KIA 2M ini bermatlamat untuk mengasingkan pelajar-pelajar yang belum lagi menguasai 2M ini dan satu *intensive coaching*, dengan izin, akan memberi kepada pelajar-pelajar ini untuk satu waktu yang terhad dan selepas itu pelajar-pelajar ini akan dinilai sama mereka ini dapat menguasai menulis dan membaca. Kami dapati bahawa

mengikut kajian kami setakat ini program KIA 2M ini sangat berkesan untuk membantu murid-murid di tahap permulaan untuk menguasai membaca dan menulis. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ketiga-tiga laporan dan juga penyata ini adalah mengenai perkhidmatan kurikulum dan juga gaji. Begitu juga dengan Laporan Sufian dan juga *Cabinet Committee*. Soalan tambahan saya ialah saya mendapat ada beberapa pelik yang berlaku. Yang pertama, pensyarah maktab adalah seorang pensyarah. Dia mengajar guru tetapi skim perkhidmatannya adalah Skim Guru. Ini menyebabkan banyak timbul tidak puas hati di kalangan pensyarah maktab. Sepatutnya mereka ada skim tersendiri iaitu Skim Pensyarah. Jadi, guru mengajar guru tetapi gajinya adalah guru. Sepatutnya pensyarah mengajar guru, gaji guru adalah gaji guru, gaji pensyarah adalah gaji pensyarah.

Yang kedua, yang peliknya ialah politeknik terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, itu pembahagian tugas tetapi perkhidmatan pensyarah politeknik duduk di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi, pentadbiran politeknik dijaga oleh Kementerian Pengajian Tinggi, pertukaran guru ataupun pensyarah di politeknik dijaga oleh Kementerian Pelajaran, satu perkara yang saya kira sama ada terlupa atau terlindung atau mungkin kementerian tidak sedar. Saya pohon penjelasan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut adalah berkaitan dengan skim perkhidmatan pensyarah di maktab dan juga di politeknik. Saya rasa ini adalah satu soalan yang spesifik, jadi saya memerlukan notis dan masa..*[Disorak]* dan saya akan menjawabnya secara bertulis.

7. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah yang dibelanjakan terhadap cadangan Pusat Sukan Prestasi Tinggi di Brickendonbury, termasuk kos pengajian bersesuaian dengan memberi pecahan dan nama pegawai/juru-juru perunding yang pergi ke London untuk projek ini.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, pada sidang Dewan kali ini terdapat semuanya 13 soalan daripada 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan pertanyaan lisan yang menyentuh mengenai cadangan pihak kerajaan untuk membangunkan Pusat Latihan Sukan Prestasi Tinggi di Brickendonbury, London. Soalan-soalan tersebut termasuklah daripada Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat bagi Kepong (21 Ogos), Ipoh Timur (22 Ogos), Sri Aman (29 Ogos), Kudat (13 September), Bera (14 September), Santubong dan Jasin (8 November), Langkawi dan Segambut (27 November), Ampang (4 Disember), Labuan (5 Disember), Kuala Pilah (11 Disember) dan Kota Bharu (12 Disember). Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian memohon soalan-soalan ini dijawab serentak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin memaklumkan bahawa Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan pada bulan Mac 2006 telah memutuskan persetujuan menerima secara dasar bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet pada bulan Oktober 2005 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku pengerusi supaya diwujudkan pusat latihan berkenaan tetapi tertakluk kepada kajian *feasibility study*, dengan izin, yang perlu dijalankan terlebih dahulu mengenainya. Pada masa kini kajian berkenaan telah pun hampir siap dan akan dijangka dapat dibentangkan untuk penelitian lanjut Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan pada akhir bulan September yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, keputusan muktamad mengenai cadangan pembinaan pusat latihan ini akan hanya dapat diputuskan di dalam mesyuarat yang akan datang. Oleh yang demikian, saya ingin memohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak wakil-wakil rakyat bahawa semua soalan ini akan dijawab serentak selepas bulan September 2006.

Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan dari segi prinsip, jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur iaitu sebanyak RM490 juta adalah tidak benar dan tidak tepat kerana jumlah kos belum lagi ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang pertama, Yang Berhormat tidak menjawab mengenai kos *feasibility study* dan kedua, bukankah ini semua patut dikutuk kerana konsep ini tidak patut ditimbang oleh kerana rakyat dan Ahli-ahli Parlimen tidak kira parti menentang konsep mengadakan satu pusat sukan di Brickendonbury, London. Sungguhpun angka RM490 juta adalah dipertikaikan tetapi ini kita dinafikan dengan sekerasnya, inilah antara lingkungan. Bukankah ini satu konsep sebenarnya mengadakan satu projek 'gajah putih' yang pertama dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menekankan satu falsafah yang mahu lebih *moderate* dalam belanjawan, khasnya apa guna mengadakan beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan di luar negara apabila wang ini sepatutnya lebih baik diguna untuk menubuhkan pusat sukan di seluruh negara, di setiap kawasan Parlimen; di kampung, di bandar, FELDA dan FELCRA supaya bakat sukan boleh dipupuk.

Adakah pernah ditimbang, kalau mahu satu *sport centre* di luar negara, kenapa Australia kalau tidak silap 84 *gold medal* di Commonwealth Games, England 36? Dan bukankah benar bahawa pernah satu cadangan untuk mengadakan satu *golf course* di Tun Razak Research Centre (TRR) di Brickendonbury dahulu dalam masa Kementerian Perusahaan Utama ditolak oleh *planning authorities* di UK? Kenapa dengan latar belakang itu kementerian berkenaan berdegil untuk meneruskan projek? Adakah dengan ini kita akan dapat balik Thomas Cup? Kita boleh mendapat kejayaan dalam mempertingkatkan kedudukan bola sepak di Malaysia? Sekarang kita jatuh ke 148 dalam FIFA *ranking* - 148 *ranking* atau kita boleh pecah rekod Johnny Jacobsson dalam 400 meter?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa fasal pandang sini? Apa fasal pandang belakang?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor minat sukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini semua dicapai apabila kita tidak ada *Sports Center* di London. Bukankah ini akhirnya akan menjadi *center* untuk pelancongan, untuk pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai tinggi sahaja dan satu pembaziran besar.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor untuk bersabarlah sebab saya dah jawab bahawa kita akan jawab semua lepas Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet akhir bulan September yang akan memberikan kata putus kepada tiga perkara saya boleh rumus yang disebut oleh Yang Berhormat tadilah. Pertama isu kos, Yang Berhormat marah fasal kos. Saya jawab kos tak ditetapkan lagi, tak akan Yang Berhormat belum apa-apa pun dah marah. Kami tak kata 490, Yang Berhormat yang kata, mungkin Yang Berhormat nak kan 490.

[Dewan riuh seketika]

Tak akanlah kami ini bodoh sangat Yang Berhormat. Keduanya Yang Berhormat, kita bukan nak bina kompleks sukan. Kita sebenarnya nak menggunakan kemudahan tanah yang sedia ada di sana, bukannya kita nak beli. Tanah ini sebesar 48 ekar dan kita nak menggunakan serta kita mencadangkan. Ketiganya, berkenaan dengan kebenaran daripada kerajaan tempatan, kita telah berbincang bahawa boleh digunakan dengan beberapa syarat. Itu sebabnya ketiga-tiga perkara ini kena dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan sekali lagi untuk mendapat kata putus. Jadi saya berharap sangatlah Yang Berhormat sabar sebelum Yang Berhormat dapat sakit jantung supaya kita dapat jawab selepas bulan September, Dewan masih bersidang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bukan sakit jantung.

Datuk Azalina binti Othman Said: *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa pun datang.

Datuk Azalina binti Othman Said: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

[Dewan riuh seketika]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa Ketua Pengarah MSN telah ada melawat ke tapak ini baru-baru ini mungkin dalam hujung bulan Julai untuk meninjau tentang untuk mendirikan Institut Penyelidikan Getah ini bagi tujuan menempatkan Pusat Sukan Prestasi Tinggi negara. Cuma saya nak bertanya, selain apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, saya tak hiraulah apa yang digambarkan oleh pembangkang, itu memang kerja pembangkang. Kenapa? Kenapa London dipilih untuk dijadikan pusat dengan izin transit bagi atlet kita? Sedangkan kita tahu prestasi Great Britain dalam sukan Olimpik tidaklah sehebat dengan negara-negara lain.

Dan Perdana Menteri sendiri dengan Yang Berhormat ada menyertai rombongan Perdana Menteri ke Jamaica untuk kita menjadikan sebagai satu destinasi baru dalam memartabatkan lagi atlet negara kita. Jadi apakah yang tersurat dan yang tersirat? Atau mungkin Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara mempunyai pelan B dalam mewujudkan Pusat Sukan Prestasi Tinggi ini bagi masa depan atlet kita. Tadi saya tak sempat Tuan Yang di-Pertua untuk bertanyakan tentang kerajaan nak mengambil Le Tour de Langkawi. Kalau boleh saya di sini boleh sekali gus nak bertanya apakah dengan langkah kerajaan mengambil alih kejohanan ini, ia tidak menjejaskan dengan izin TV *right* yang selama hari ini telah banyak menjana pelaburan industri sukan dalam negara kita ini. Jadi apakah yang saya tanya ini memang menjadi satu tindakan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan? Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan isu Le Tour de Langkawi tak ada kena mengena dalam TV *right*. Yang sebenarnya kita nak menganjurkan kerana kita telah berjaya menganjur sejak 11 tahun yang dulu dan kerana *Visit Malaysia Year 2007* kita nak meneruskan penganjuran. Berkenaan kenapa di London ini, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dari segi dasar, bukan sahaja kita akan berhenti di London. Sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah lama menghantar atlet-atlet kita ke luar negara. Atlet-atlet kita di luar negara dihantar dalam satu program yang dipanggil pendekatan *immersion*. *Immersion* ini di mana atlet-atlet tersebut, duduk di tempat tersebut untuk bukan sahaja mendapat latihan dan mendapat bantuan-bantuan sains sukan tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, ialah mengadakan sebanyak pertandingan di kawasan tersebut.

Kita juga tidak akan menafikan bahawa selain daripada England, Kementerian juga melihat kepada Australia, negeri China, Cuba, Jamaica yang baru-baru ini saya kembali dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Amerika Syarikat. Tetapi sebenarnya keputusan itu dibuat peringkat demi peringkat kepada kata putus akhir Jawatankuasa Kabinet. Tetapi yang lebih penting bukan sahaja dalam aspek cuaca, tetapi budaya Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali di London itu sebagai *stop* yang pertama disebabkan ia *forwarding base* kepada Eropah. Kita dapat di dalam senarai kita, atlet-atlet kita yang telah berjaya di negara luar seperti contohnya Nicol David dalam sukan skuasy, beliau berada di Belanda. Tricia Chuah, skuasy berada di Belanda. Sharon Wee, skuasy berada di Belgium. Mohd. Azlan Iskandar, skuasy berada di Britain, Ong Beng Hee, skuasy berada di Britain sebagai contoh dan ada sekumpulan 17 atlet yang telah ditetapkan di luar. Ini adalah atlet-atlet pada peringkat akhir.

Tetapi pendekatan *forwarding base* ini Tuan Yang di-Pertua, ataupun transit base, lebih banyak kepada atlet-atlet di dalam aspek pembangunan. Memandangkan Kementerian atas arahan Jawatankuasa Kabinet Sukan merujuk kepada lapan sukan teras. Kementerian merasakan antara pendekatan yang dapat membantu bila mewujudkan transit base di Eropah

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu sukan bola sepak. Kementerian begitu sedih melihat pendekatan bola sepak di Malaysia di mana Kementerian sedang berbincang dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya pemain-pemain bola sepak di bawah umur 20 tahun diserahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dengan harapan kita dapat mewujudkan satu pendekatan yang baru dan meletakkan atlet-atlet ini di luar negara insya-Allah sepenuh masa supaya mereka dapat membudayakan diri mereka dalam satu budaya bola sepak yang begitu hebat di negara Eropah. Itu sebagai contohnya jenis sukan tetapi terdapat 26 jenis sukan di bawah bidang kuasa Majlis Sukan Negara dan Kementerian bercadang atlet-atlet yang mana aspek pembangunan itu dapat dihantar untuk jangka masa yang panjang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat jangan lupa, saya tanya tadi fasal lawatan Majlis Sukan Negara tadi ke London pada bulan Julai? Sama ada sudah mereka memberi serahan laporan lawatan tersebut?

Datuk Azalina binti Othman Said: Serahan laporan akan dibentangkan pada mesyuarat bulan 9.

[Soalan No. 8 -Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) tidak hadir]

9. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) langkah-langkah kerajaan dalam merealisasikan hala tuju negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara pertanian moden dan pembekal makanan mencukupi terutamanya terhadap golongan pengusaha pertanian berskala besar; dan
- (b) langkah dan mekanisme membantu nelayan kecil dalam menghasilkan tangkapan ikan berkualiti serta mencukupi bagi kegunaan negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan akan melaksanakan konsep pertanian baru untuk memajukan sektor pertanian agar ia menjadi satu sektor yang progresif, kompetitif dan dapat menampung keperluan makanan penduduk Malaysia. Konsep pertanian baru melibatkan perkembangan pertanian komersial berskala besar yang meluas dan penerokaan aktiviti pengeluaran dan pemprosesan berkualiti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam agro-bioteknologi yang dimajukan sebagai satu industri.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil di dalam menjadikan Malaysia sebagai negara pertanian moden dan pembekal makanan serta membantu golongan pengusaha pertanian berskala besar adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pembangunan tanaman atau ternakan berasaskan konsep Zon Pengeluaran dan *Cluster* seperti Zon Industri Akuakultur, "*National Feed Lot Center*" dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan bagi memperolehi faedah ekonomi *soft scale*;
- (ii) meningkatkan produktiviti pengeluaran agro makanan dengan membangunkan R&D bagi mempercepatkan lagi pemindahan teknologi kepada usahawan tani; dan
- (iii) menggalakkan usahawan tani menceburi bidang sumber pertumbuhan baru dan bernilai tambah tinggi seperti industri asas tani pengeluaran halal, agro-bioteknologi dan tangkapan ikan laut dalam dan tuna.
- (iv) melahirkan 10 ribu usahawan asas tani di bawah Program Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (v) menggalakkan penyertaan sektor swasta dan penglibatan *anchor company* dengan izin, bagi mengubah pengurusan rantaian bekalan dan struktur persaingan pasaran;
- (vi) menambah baik sistem penyampaian dan perkhidmatan sokongan, serta meluaskan pemasaran tempatan dan antarabangsa termasuk perluasan pasaran e-Dagang;
- (vii) Menyediakan kemudahan pembiayaan kredit dan pinjaman Bank Pertanian Malaysia serta insentif-insentif pelaburan untuk membantu petani dan usahawan muda bagi memajukan perusahaan pertanian masing-masing; dan
- (viii) Memperkukuh rangkaian pemasaran global dengan membuka lebih banyak laluan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (b), langkah dan mekanisme yang dilaksanakan oleh kementerian ini melalui LKIM bagi membantu nelayan kecil dalam menghasilkan tangkapan ikan berkualiti serta mencukupi untuk kegunaan negara ini adalah seperti berikut:-

- (i) Menyediakan kemudahan pinjaman atau geran. Kemudahan pinjaman atau geran disediakan kepada nelayan pantai atau nelayan kecil untuk membeli bot, enjin, peralatan menangkap ikan, pukat, bekas simpanan ikan dan sebagainya. Supaya kelengkapan yang cukup dan efisien dapat menghasilkan ikan yang berkualiti dan meningkatkan hasil tangkapan. Kemudahan pinjaman atau geran adalah seperti dana nelayan dan juga geran pembelian peralatan untuk golongan PPRT. Skim pembangunan kesejahteraan, peruntukan adalah dari Kementerian Kemajuan Luar

Bandar dan Wilayah dan bantuan peralatan perikanan di bawah dana khas Kerajaan Persekutuan negeri Terengganu, sebagai contoh;

- (ii) Penggunaan teknologi moden. Nelayan digalakkan menggunakan teknologi moden dalam penangkapan ikan. Galakkan dan pendedahan ini dibuat melalui kursus, latihan dan lawatan;
- (iii) Pembinaan ladang ikan di laut. Melaksanakan ladang ikan di laut di perairan pantai untuk meningkatkan sumber ikan bagi memudahkan nelayan pantai atau kecil. Menangkap ikan secara *target fishing* atau *precision fishing*;
- (iv) Menyediakan kemudahan pendaratan. LKIM menyediakan sebanyak 27 buah kompleks pendaratan ikan dan 77 buah jeti pendaratan bagi memberi kemudahan pendaratan yang lengkap dan selesa kepada nelayan;
- (v) Meningkatkan kemahiran. Iaitu melaksanakan program meningkatkan kemahiran nelayan dalam penangkapan ikan melalui kursus, latihan dan bimbingan; dan
- (vi) Program mentransformasikan nelayan. Program ini masih dalam peringkat awal pelaksanaannya. Di mana ia bertujuan untuk menggabungkan nelayan-nelayan pantai atau kecil yang kurang produktif untuk mengusahakan bot yang lebih besar dan mempunyai teknologi penangkapan ikan yang moden dan bersesuaian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada lagi Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jawab panjang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan terlalu panjang. Nombor banyak disebut. Angka, wang berjuta-juta, bilion-bilion. [Disampuk]. Jawapan itu ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam buku. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, menteri bertukar ganti. Pendekatan kementerian lain-lain. Nelayan, petani, penternak di kawasan saya, masih tetap begitu dan tidak berubah...[Ketawa]. Tanah terbiar, terbiar juga. Itu yang kita mahu tanya. Apa strategik kementerian? Turun ke bawah menyelamatkan petani kita, nelayan kita, penternak kita. Memartabatkan mereka. Bukan dengan amaun bilion-bilion. Saya tak tahulah, apa strategik kementerian ini untuk mengurus masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menterinya ganti-ganti. Kemudian gagal terus, gagal terus. Perdana Menteri, ganti lagi menteri baru. Sama juga! Tak tahulah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*. Minta lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*. Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalan tambahan. Saya sedar. Saya sedar saya *backbencher*. Saya sedar. Kerana itu bukan soalan, itu saranan.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai jelas cepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersimpati dengan SUP Kementerian Pertanian. *[Dewan riuh ketawa]*. Kerana selalu beliau berhadapan dengan soalan-soalan yang agak kritikal. *[Dewan riuh Ketawa]*. Kerana saya dapati Menteri Pertanian masih belajar, menuntut di luar negara, berjalan ke luar negara untuk masih mempelajari sistem pertanian dan sebagainya. *[Dewan riuh ketawa]*. Jadi, saya nak tanya kepada SUP Kementerian Pertanian, Yang Berhormat SUP. Apakah dasar pertanian negara ataupun Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu mempertingkatkan pertanian, boleh menjadi kenyataan dan mencapai matlamatnya. Kalau seluruh kementerian dok keluar belajar luar negara Tuan Yang di-Pertua, bila nak turun ke bawah? *[Dewan riuh ketawa]*. Kawasan Parlimen saya kawasan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Apa soalnya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Habuk pun tak dak lagi Tuan Yang di-Pertua!!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalnya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dok *biotech, biotech!!* *[Disampuk]*. Apa yang tek, tek, tu Tuan Yang di-Pertua? *[Dewan riuh ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Soalan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalan dia..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..apakah yang Yang Berhormat SUP kata tadi ini, boleh menjadi realiti ataupun kami meng'sup'kan Yang Berhormat pula? *[Dewan gamat ketawa]*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah..

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada jawapan, bagi jawapan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Yang Berhormat sebab telah..satu, kesian kepada saya sebagai SUP. Keduanya, sebenarnya Yang Berhormat, bersabarlah. Kita sabarlah Yang Berhormat. *[Ketawa]*. Itu yang dapat saya katakan. Selepas itu, terima kasih Yang Berhormat, memang ada perancangan. Perancangan-perancangan untuk kita capai. Siap dengan sasarannya Yang Berhormat. Tetapi pertanian ini, seperti saya katakan, adalah sesuatu yang kita tidak dapat melihat hasilnya dalam sekelip mata. Macam kalau kita membuat jalan. Jalan siap, jalan nampaklah. Tetapi, pertanian ini dari segi hasil, dari segi perubahan sikap.

Peruntukan itu memang Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya tidak dapat menjawab sebab tidak ada soalan. Tetapi Yang Berhormat, memang banyak. Kita seharusnya berterima kasih bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi satu penekanan baru kepada pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga. Jadi selama ini, penekanan adalah kepada bidang-bidang yang lain. Tetapi, sekarang ini bersabarlah Yang Berhormat, dan seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, “bekerjalah bersama-sama dengan kami”. Hendak menukarkan minda. Hendak mengaturkan lagi untuk menstrukturkan semula memakan masa Yang Berhormat. Tetapi Insya-Allah, satu daripada sasaran kita Yang Berhormat iaitu..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini jadi lagu sudah!! *[Ketawa]*.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]: .. iaitu untuk menjelang tahun 2010, Insya-Allah kita... *[Disampuk]*. ... kita menargetkan bahawa melalui dengan izin, *balance of trade* yang kita selama ini mendapatkan defisit, kita mensasarkan bahawa kita akan dapat *positive balance of trade* iaitu menjurus kepada RM2 bilion. Sebab itulah kita tengah mendapatkan pasaran di dalam dan juga di luar negara, dan kita memastikan bahawa kita boleh menjadi negara pengeksport makanan melalui program-program termasuk halal *hub* dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah kolej kerajaan dan swasta menawarkan kursus Diploma Kejururawatan serta berapakah jumlah pelajar yang sedang mengikuti program tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bilangan kolej latihan kerajaan yang menawarkan kursus Diploma Kejururawatan pada masa ini adalah sebanyak 18 buah kolej. Manakala kolej swasta yang menawarkan kursus yang sama adalah 10 buah dan bilangan pelajar yang sedang mengikuti program tersebut di kolej latihan kerajaan adalah seramai 6,214 pelajar, berbanding dengan kolej swasta yang melatih seramai 1,180 pelajar. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar.

Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan itu. Memandangkan profesion kejururawatan begitu laris di pasaran nampaknya. Malah kalau kita renung, negara kita sendiri pun begitu ketandusan jururawat. Sekali gus harus juga diingat bahawa jururawat-jururawat di negara kita dari Malaysia ini mendapat tempat yang begitu luas di negara-negara Timur Tengah, terutama di negara-negara teluk yang begitu mengutamakan jururawat-jururawat dari negara Malaysia. Jadi memandangkan kedua-dua perkara ini di negara kita pun masih begitu berkurangan dan di negara luar pun mengutamakan jururawat dari Malaysia, tidakkah kementerian bercadang untuk mempertingkatkan lagi, mencari langkah-langkah atau jalan-jalan bagi mempertingkatkan lagi keluaran-keluaran ataupun kolej-kolej latihan untuk jururawat ini supaya dapat diperbanyakkan atau diperamaikan jururawat-jururawat ini dikeluarkan dari negara kita ini.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang sedang mengambil tindakan untuk memperbanyakkan lagi bilangan pelatih-pelatih yang kita boleh ambil dalam kolej-kolej kita. Tetapi, kita kena fahami juga bahawa kita tidak dapat mengurangkan kualiti latihan yang kita beri kepada pelatih-pelatih kita. So, dari segi itu, kita kena mengimbangkan kolej yang kita ada dan juga dengan kualiti kursus yang kita beri kepada jururawat kita supaya kita dapat mempertahankan kualiti jururawat kita, sekian.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pusat latihan jururawat. Saya dapati memang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan jururawat yang dilahirkan dari negara kita menerima tawaran-tawaran yang besar dan banyak daripada negara-negara Timur Tengah. Soalan saya ialah, apakah peranan kerajaan dalam memastikan supaya tenaga jururawat ini tidak mengalir ke luar negara dan saya difahamkan juga bahawa kursus ataupun kurikulum antara kolej swasta dan juga kolej kerajaan begitu berbeza yang mana kolej swasta mempunyai kurikulum yang terkini dan terbaik berbanding dengan kolej kerajaan dan adakah kerajaan juga ingin menambah bilangan pelatih-pelatih dalam bidang kejururawatan ini supaya kita dapat melahirkan tenaga kejururawatan yang lebih daripada masa sekarang.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, untuk kursus-kursus yang kita adakan ini kita ada satu standard iaitu kita diakreditasi oleh LAN dan bagi menghalang atau mengurangkan jururawat kita yang mengalir ke luar negara, kita telah mencari jalan bagaimana kita dapat mempertingkatkan pendapatan mereka dan juga bagaimana kita dapat mempertingkatkan latihan mereka di dalam negara kita. Kalau kita bandingkan dengan pendapatan jururawat kita, dia memang menerima pendapatan yang agak lumayan kerana dalam tiga tahun apabila kita memberi latihan kepada mereka, kita akan beri mereka elaun, iaitu lebih kurang RM600 lebih dan dengan tambahan dia mempunyai macam elaun buku dan juga baju seragam dan sebagainya. Apabila mereka bermula kerja, gaji permulaan adalah lebih kurang

RM1,200. Ini adalah satu kalau kita bandingkan dengan profesion-profesion lain di dalam negara kita, pendapatan mereka adalah agak lumayan di negara kita, sekian.

11. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan bandingan jumlah NPL sejak tahun 2004 sehingga pertengahan pertama tahun 2006. Sejauh mana suntikan modal baru dalam RMK-9 dilaksanakan untuk merancang suasana ekonomi, menambah baik RWCR dan NPL.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat secara keseluruhan institusi perbankan telah mempamerkan kedudukan yang lebih kukuh berbanding dengan beberapa tahun yang lalu. Pada akhir tahun 2006, nisbah modal wajaran risiko ataupun RWCR (*Risk-Weighted Capital Ratio*), sistem perbankan berada pada tahap 12.9% berbanding dengan 14.4% pada akhir tahun 2004. Dengan kedudukan kewangan yang kukuh tersebut, institusi perbankan mempunyai kapasiti dan kemampuan untuk terus menyalurkan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan bagi menyokong projek-projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Secara kasar, berdasarkan paras RWCR atau *Risk-Weighted Capital Ratio*, 12.9% institusi perbankan mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan pinjaman melebihi RM300 bilion sambil mengekalkan paras RWCR pada tahap minimum 8%. Selain itu, pasaran Sekuriti Hutang Swasta ataupun *Private Debt Security* juga memainkan peranan yang penting untuk membekalkan dana kepada pelbagai sektor ekonomi pada kos pinjaman yang kompetitif. Pinjaman tidak berbayar ataupun NPL pula terus menurun kepada RM23.5 bilion iaitu 5.5% daripada jumlah pinjaman bersih sistem perbankan. Sektor ekonomi yang dijangka kekal, stabil dan memberangsangkan bukan hanya akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi, malah peningkatan dalam kualiti aset akan membolehkan sistem perbankan mengekalkan tahap keuntungan yang kukuh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan dari pihak kementerian. Kita pernah mewujudkan dana modal nasional berhad dan juga tanah harta yang telah memberi suntikan dalam ekonomi semasa kita menghadapi krisis kewangan Asia. Tetapi, dalam konteks menghadapi krisis kewangan, apakah dalam konteks untuk memastikan adanya laluan pembiayaan ataupun *assess to financing* yang berterusan dan juga meningkatkan keyakinan sektor perbankan, apakah jenis dana yang hendak diwujudkan dan sedang dirancang oleh pihak kementerian yang boleh membantu untuk menjana penubuhan ekonomi dalam tempoh lima tahun ini. Boleh tidak minta pihak kementerian memberi sedikit penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, keadaan kewangan perbankan kita adalah kukuh, setakat ini seperti yang saya sebut tadi, saya

ingin memperjelaskan sedikit lagilah bahawa RWCR (*Risk-Weighted Capital Ratio*) kita berada dalam tahap yang baik. Kalau ikutkan amalan biasa dunia sekurang-kurangnya mesti ada 8%, maknanya setiap ringgit yang diberi pinjaman, bank kena simpan sekurang-kurangnya RM0.08. Dalam hal di Malaysia ini, bank simpan setiap ringgit yang diberi hutang, bank menyimpan RM12.09. Bermakna tahap simpanan tertinggi. Bermakna dari segi itu, bank-bank kita mempunyai kemampuan untuk membiayai apa-apa projek Rancangan Malaysia Kesembilan tanpa kerajaan mewujudkan apa-apa modal baru dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya minta maaf kerana masih di luar soalan kedua berbangkit tadi, yang kedua soalan tambahan pada Setiausaha Parlimen. Di samping kerajaan menyelaraskan nisbah modal berlawanan risiko ini, RWCR, adakah kerajaan melihat juga di samping kita memperbaiki keadaan kedudukan *banking*, tetapi kita tidak melihat *the growth* kepada industri-industri lain yang mana bank tidak oleh memberi sokongan dengan sewajarnya, akhirnya terbantut pembangunan industri-industri lain yang terlibat dengan peminjam kewangan daripada pihak bank.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingat saya pun sudah pernah menjawab soalan-soalan begini, iaitu memang industri-industri yang besar dia boleh mendapatkan dana daripada bank sama ada melalui bond dan sebagainya, tetapi bagi industri-industri kecil, SME, kerajaan telah menubuhkan SME bank dan kerajaan juga mewujudkan pelbagai modal di bawah Bank Negara yang masih lagi ada dan boleh mendapat pinjaman. Maknanya kerajaan *cover* semua sekali, dari yang paling besar kepada yang paling kecil. Masih ada modal-modal itu Tuan Yang di-Pertua.

12. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah kerajaan bercadang mengetatkan lagi kawalan terhadap media, termasuk elektronik dalam negara ini. Tidakkah kawalan media bertentangan dengan prinsip urus tadbir yang telus dan bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), pada masa ini adalah memadai untuk memastikan kawal selia terhadap media elektronik bagi meliputi pemberi-pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan untuk memenuhi kewajipan undang-undang, garis panduan, tata cara amalan dan piawai kandungan yang baik untuk disebarkan untuk orang ramai.

Selain dari tindakan pemantauan dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memperuntukkan undang-undang untuk penubuhan forum kandungan dan kod kandungan di mana stesen penyiaran diberi komitmen

untuk menilai sendiri kesesuaian kandungan mereka. Kod kandungan telah didaftarkan pada 1 September 2004.

Kod kandungan ini membuktikan satu komitmen ke arah kawal selia sendiri oleh industri. Pada dasarnya, kod kandungan ini menggariskan tatacara, kawal selia sendiri yang boleh menghasilkan wadah bagi melahirkan kreativiti, inovasi dan memperjelaskan tanggungjawab penyelia-penyelia perkhidmatan dan kandungan dalam konteks nilai-nilai sosial negara ini. Tatacara kawal selia sendiri adalah sesuai bagi menggalakkan prinsip urus tadbir yang tulus dan bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa, Kementerian melalui SKMM mengadakan sesi dialog dan seminar dengan industri supaya menyesuaikan format rancangan dan bahan penyiaran mengikut keperluan tempatan yang bersesuaian dengan nilai-nilai tradisi, norma-norma sosial Malaysia, perpaduan, budaya tempatan dan agenda nasional. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi saya dapati bahawa tidak ada niat untuk mengetatkan pemantauan ke atas media elektronik. Tetapi saya rasa bukan media biasa kerana media biasa bukan di bawah kementerian Yang Berhormat. Adakah Kerajaan bimbang tentang akhbar-akhbar disiarkan di dalam media elektronik. Adakah Kerajaan memandang media elektronik sebagai satu media yang mengancam keselamatan negara dan adakah Kerajaan ingin mengetatkan media elektronik supaya media biasa iaitu surat khabar, perbezaannya tidak begitu jauh kerana sekarang dilihat bahawa media elektronik lebih memberi akhbar-akhbar yang kurang *dicensor* ataupun lebih telus, lebih tepat kepada rakyat. Adakah mana-mana media yang meminta supaya media elektronik dikawal supaya perbezaan ini tidak wujud lagi. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya telah menjelaskan dalam jawapan yang saya bacakan sebentar tadi bahawa pada hari ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengetatkan lagi siaran berita TV dan sebagainya. Sebagaimana yang saya nyatakan, kita mengamalkan sikap sendiri. Maknanya penyiaran-penyiaran TV ini, mereka *safe regulate* diri mereka sendiri dengan izin, hanya dengan mematuhi kod kandungan yang telah dipersetujui oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sebagai garis panduan untuk siaran-siaran berita yang hendak mereka utarakan. Antara perkara-perkara yang ditekankan dalam garis panduan ini adalah siaran berita hendaklah mengandungi laporan peristiwa dalam dan luar negara yang berlaku dalam tempoh 24 jam.

Kandungan berita mestilah tepat, adil dan bersifat objektif sepanjang masa dan tidak dimanipulasikan. Kemudian menghindarkan visual berita yang mengandungi unsur jijik, ngeri dan kurang murni sehingga mengganggu perasaan sebilangan penonton dan lebih penting, berita-berita yang diutarakan harus menghormati aspek bangsa, kebudayaan dan agama masyarakat majmuk yang terdapat di dalam negara ini. Laporan berita perlulah selari dengan prinsip dasar dan pendirian Kerajaan bagi mengelak kekeliruan di kalangan rakyat dan juga hubungan antarabangsa. Jadi dengan jelas ini menunjukkan bahawa Kementerian ataupun

Kerajaan tidak berhasrat untuk memperketatkan lagi segala yang ada. Malah kita menggalakkan sendiri supaya mereka ini menjadi lebih kreatif dan inovatif cara menyampaikan berita, asalkan mereka bertanggungjawab dengan berita yang mereka siarkan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang kuat untuk kebaikan juga kuat untuk keburukan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, saya nampak iaitu pihak Kerajaan mempunyai apa yang disebutkan kendirinya. Adakah ini bermakna iaitu dengan kod kandungan yang dipunyai oleh pihak Kerajaan, sesiapa sahaja di dalam Internet misalnya, dianggap tidak menyiarkan berita yang tidak diingini, tindakan akan diambil dengan sekeras-kerasnya seperti yang dibuat oleh negara China, iaitu dia ada lebih Internet *copyright*. Adakah ini bermakna pihak Kerajaan akan mengadakan *copyright* seperti negara China. Kalau tidak, apakah dasar yang lebih sesuai untuk mengawalkan media elektronik di negara ini. Sekian lama, kita nampaknya ada berita-berita dan cerita-cerita, bukan sahaja yang baik tetapi yang boleh merosakkan masyarakat. Dan dengan ini, saya tidak nampaklah pihak Kerajaan itu boleh memberi jaminan kepada kita, tidak akan adakan *copyright* seperti yang dilakukan oleh pihak negara China.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong yang mengatakan ada pihak-pihak yang menggunakan Internet untuk tujuan-tujuan yang tidak baik. Sebagaimana yang kita bersama ketahui, kita di negara ini telah memersetujui apabila kita ada MSC, kita ada *Bill*, *MSC Bill Of Guarantee* yang mana kita tidak akan ada *copyright* dalam mana-mana Internet yang ada di negara kita dan masa yang sama, Akta AKM 1998 juga menyatakan kita tidak akan ada pemotongan atau *copyright* segala Internet yang ada di dalam negara kita. Tetapi malangnya pada hari ini, ada sesetengah-setengah pihak, mereka menggunakan Internet, khususnya *blogger-blogger* tertentu untuk menjatuhkan mana-mana pihak. Perkara ini sebenarnya bukan sahaja berlaku di negara kita. Malah, berlaku di seluruh dunia. Ada pihak menggunakan untuk menjatuhkan individu. Ada juga syarikat-syarikat tertentu menggunakan *blogger-blogger* ini untuk menjatuhkan *competitor-competitor* mereka untuk mengatakan produk mereka lebih baik.

Tetapi sebagaimana yang kita ketahui, banyak lagi kegunaan, kebaikan yang boleh dilakukan daripada Internet ini. Jadi bagi pihak Kerajaan, kalau kita hendak *copyright*, kita hendak *stop*, kita kata kita register semua website ataupun *blogger* yang ada di negara kita, mereka boleh register di luar negeri. Mereka boleh duduk di Kuala Lumpur, tetapi register dot.com. Mereka tidak register dot.my.

Ini perkara-perkara yang agak sukar. Kita boleh kata kita boleh *stop* daripada akses *blogger-blogger* tertentu tetapi tidak ada maknanya. Ini terpulanglah kepada rakyat Malaysia menilai sendiri bagaimanakah mereka yang menggunakan *blogger-blogger* ini untuk tujuan-tujuan tidak baik, kerana hari ini kalau dahulu kita ada *Wild Wild West* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sudah ada *Wild Wild Web*. Mereka ini sebagai pencuri-pencuri, penembak-

penembak curi. Mereka tembak orang tertentu dia menyorok. Mereka tidak tampil ke hadapan, menunjukkan siapa sebenarnya pemilik-pemilik *blogger* ini. Kalau mereka ini benar-benar *gentlemen*, orang yang bertanggungjawab, mereka sepatutnya tampil ke hadapan, berhujah secara berhadapan, bukannya menyorok belakang-belakang *blogger-blogger* yang tidak bertanggungjawab ini Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

13. Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah terkini kampung dan rumah panjang (mengikut kaum) di Sarawak dan apakah syarat-syarat bagi ketua kampung dan 'tuai rumah' yang layak menerima elaun bulanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kanowit. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 1,824 buah kampung dan 3,557 buah rumah panjang di Sarawak. Ini bermakna terdapat seramai 5,381 orang ketua kampung dan tuai rumah. Elaun ketua kampung dan tuai rumah di Sarawak hanya dibayar kepada mereka yang dilantik oleh Kerajaan negeri. Ketua kaum di Sarawak merangkumi ketua kampung, tuai rumah, kapitan Cina. Jadi pada masa ini terdapat seramai 1,454 orang ketua kampung kaum Melayu, Melanau dan Bidayuh, 3,557 orang tuai rumah kaum Iban dan Orang Ulu serta 370 orang kapitan Cina. Sekian.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Timbalan Menteri. Di kalangan ketua rumah ini, ramai dalam di antara mereka ini ialah yang mempunyai rumah panjang yang kurang daripada 20 buah pintu. Dan kalau tidak salah saya mengikut syarat-syarat yang diadakan oleh kerajaan negeri, kalau kurang daripada itu, maka mereka tidak layak menjadi Ketua Kampung atau Tuan Rumah. Dan juga ramai di antara mereka ini belum mendapat sijil pengesahan sebagai Ketua Kampung. Jadi, jadi masalah sekarang ini sebab masa Pilihan Raya Negeri yang baru-baru ini, kalau elaun Ketua Kampung ini ialah jadi isu yang hangat dan sampai sekarang mereka juga masih tertanya bilakah elaun ini boleh dibayar kepada mereka. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini, suka saya mengatakan kriteria-kriteria pelantikan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak oleh kerana Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai apa kuasa untuk melantik mereka ini, jadi pelantikan adalah oleh kerajaan negeri. Jadi, di antara kriteria-kriteria yang digunakan adalah umur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih daripada 70 tahun. Mereka mestilah warganegara Malaysia.

Berkenaan dengan rumah panjang, rumah panjang di mana beliau berada tidak kurang daripada 20 pintu iaitu syarat yang mulai berkuasa pada 17 Februari tahun 2000. Dan juga mereka mestilah menetap di bidang kuasa yang diberikan, sihat, tiada rekod jenayah, aktif dalam aktiviti sosial, mendapat perakuan daripada Pegawai Daerah dan juga Residen. Mereka juga

mestilah arif tentang keagamaan dan juga adat resam masyarakat berkenaan, tanah yang diduduki mereka diiktiraf oleh kerajaan negeri sebagai milik mereka dan sekurang-kurangnya pandai menulis dan membaca dalam bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Jadi, sama ada mereka ini mendapat sijil atau menerima elaun, itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri yang menentukan oleh kerana Kerajaan Persekutuan hanya menolong menyumbang kepada elaun yang kita beri kepada mereka. Sekian.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, ada segolongan Ketua Masyarakat, Ketua Kampung, Ketua Kaum yang telah dipilih mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan juga telah dilantik dan telah dipersetujui oleh penduduk-penduduk mereka. Mereka ini sampai bertahun-tahun tidak menerima surat lantikan. Jadi, masalahnya ialah apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan supaya surat pelantikan mereka ini dapat dikeluarkan dengan secepat mungkin supaya mereka boleh juga berpeluang menerima elaun-elaun yang telah diberitahu oleh kementerian baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan itu telah saya jawab tadi oleh kerana Kerajaan Persekutuan hanya menyumbang kepada apa yang telah ditentukan, ditetapkan oleh kerajaan negeri khasnya bagi negeri Sarawak dan sama ada mereka itu dilantik sudah mendapat surat atau tidak, itu terpulang kepada pihak berkuasa. Sekian, terima kasih.

14. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilakah Akta Hak milik Strata akan dipinda untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh skim perumahan yang dikenali '*stratified guarded and gated community*' dan apakah langkah-langkah lain yang diambil untuk membantu para pemaju perumahan sedemikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedar bahawa pembangunan *gated community* skim atau skim komuniti berpagar di negara kita akan terjejas dengan ketiadaan peruntukan undang-undang yang sesuai bagi membenarkan pembangunan tersebut dari terus berkembang.

Oleh itu, kementerian sedang menggiatkan usaha bagi meminda Akta Hak Milik Strata 1985 bagi membantu pihak pemaju-pemaju perumahan dan mereka-mereka yang terlibat dengan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak-pihak berkuasa negeri dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA). Ianya telah pun dijalankan. Dan pindaan kepada Hak Milik Strata 1985 kini sedang berada di dalam peringkat semakan Jabatan Peguam Negara dan akan dimuktamadkan tidak lama lagi untuk dibawa ke persidangan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya amat mengalu-alukan janji yang diberikan bahawa pindaan

akan dibuat. Jadi saya ingin tahu selain daripada pindaan ini, apakah pertolongan atau langkah-langkah yang akan diberikan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk membantu perkembangan komuniti yang berpagar ini dari terus berkembang atau pun Kementerian mengambil pendirian bahawa komuniti sedemikian sebaliknya mungkin ada impak yang negatif kepada pembangunan masyarakat. Apakah pendirian Kementerian dalam perkara ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Apa-apa pindaan undang-undang yang kita buat sama ada di dalam Akta ini sendiri atau pun di akta-akta yang lain sememangnya telah mengambil kira kepentingan pelbagai pihak dan pihak kerajaan sememangnya ingin memberi pertolongan kepada pemaju-pemaju dan juga mereka-mereka yang terlibat di dalam pembangunan *gated properties* ini. Jadi, saya berharap pihak pemaju dan juga pihak Yang Berhormat harap bersabar sebab kita akan *table*, kita akan bentang ke dalam Parlimen ini dan boleh diperbahaskan. Terima kasih.

15. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah positif kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara melebihi unjuran 5% bagi tahun 2006 berikutan penurunan prestasi ekonomi negara kesan daripada kenaikan harga petroleum, tarif elektrik dan kadar faedah bank.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang melebihi unjuran 5% pada tahun 2006 iaitu setelah mengambil kira prestasi bagi suku pertama 2006 sebanyak 5.3%. pertumbuhan ini didorong oleh permintaan agregat dalam negeri terutama perbelanjaan penggunaan dan pelaburan sektor swasta yang memberangsangkan walau pun menghadapi masalah kenaikan harga minyak, tarif elektrik dan kadar faedah.

Bagi sektor luar negara pula, eksport masih kukuh kerana permintaan dunia yang tinggi hasil daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang masih kukuh dan dijangka berkembang sebanyak 4.9%, manakala perdagangan antarabangsa pula sebanyak 8.0% pada tahun 2006. Bagi enam bulan pertama 2006, eksport berkembang pada kadar 10.6% sejajar dengan unjuran yang dibuat pada tahun 2006. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kerajaan sentiasa memberi perhatian dan mengambil langkah proaktif supaya masalah kenaikan harga petroleum, tarif elektrik dan kadar faedah bank hanya akan memberi kesan minimum kepada pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, antara langkah-langkah positif kerajaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2006, ialah:

- (i) menyediakan persekitaran mesra perniagaan bagi mengembalikan peranan penting sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara;

- (ii) membangun sumber pertumbuhan baru seperti pertanian berkaedah moden;
- (iii) membangunkan modal insan melalui sistem pendidikan dan latihan yang lebih berkesan bagi memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan;
- (iv) meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat; dan
- (v) mempertingkatkan sistem penyampaian awam dengan memperkukuhkan tadbir urus, memperkemaskan proses pentadbiran dan meningkatkan kualiti pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Walaupun saya difahamkan tidak bertanggungjawab dalam hal-hal ekonomi. Ok, saya cuba. Soalan tambahan saya ialah Tuan Yang di-Pertua, persepsi atau pun keyakinan orang ramai sekarang dalam pasaran ialah bahawa kelembapan ekonomi yang berlaku sekarang ini adalah berlaku kerana kekurangan kegiatan ekonomi. Dan tambahan lagi sekarang ialah kadar bunga bank telah naik dan juga kadar inflasi pun kalau di banding dengan bulan Julai dengan Jun, di bulan Jun kita ada 3.9%, tetapi di dalam bulan Julai ini kita telah meningkat kepada 4.1%.

Ini bermakna keyakinan atau persepsi orang ramai khasnya sektor swasta yang ingin melabur di dalam ekonomi ini mereka mungkin mempunyai keyakinan yang kurang pada masa sekarang ini, so apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh kerajaan untuk mempergiatkan lagi pelaburan mereka ataupun memberi keyakinan yang lebih kukuh lagi kepada mereka supaya langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi dapat diteruskan ataupun dapat dicapai di masa-masa akan datang.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, kita pasti bahawa keyakinan orang ramai memang ada sedikit menurun, tetapi untuk mengembalikan keyakinan ini dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu kerajaan yakin bahawa semua warganegara penting untuk berperanan sama ada pekerja, pelabur mahupun kerajaan sendiri. Dan semua pekerja diminta bekerja dengan lebih kuat melipatgandakan usaha dan mempertingkatkan produktiviti. Pelabur pula perlu mempertingkatkan pembangunan modal insan, keupayaan penyelidikan dan pembangunan serta menceburi bidang pertumbuhan baru dan menerokai pasaran eksport selain pasaran sedia ada. Manakala di pihak kerajaan pula perlu meneruskan usaha untuk memperbaiki tahap penyampaian supaya pekerja dan pelabur dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan. Andai kata semua pihak ini berperanan, kita yakin akan dapat menyumbangkan kepada peningkatan daya saing dan daya tahan negara. Apa yang lebih penting para peniaga dan pengeluar tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan sewenang-wenang atas alasan kenaikan harga minyak, tarif elektrik dan kadar faedah

kerana perbuatan seperti ini akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Sekian terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahajalah soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[21 Ogos 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Santubong untuk menyambung ucapan.

11.35 pagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, manusia hanya boleh mencadangkan hanya Allah sahaja boleh menentukan apa sahaja berlaku. Umpamanya pagi tadi saya sudah berada di Parlimen 15 minit sebelum pukul 10. Ditakdirkan saya tersangkut di luar jadi tidak boleh menyoal soalan nombor dua. Jadi bukanlah saya mengatakan Allah telah melaksanakan kecuiaan ini. Kecuaian ini dilaksana oleh saya sendiri. Hakikatnya saya telah tergendala. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh banyak soalan yang mungkin kalau dilihat dari segi perundangan ini tidak relevan dan tidak ada sangkut paut dengan persoalan di hadapan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bahkan soalan-soalan yang dibangkit jauh pergi ke kuasa-kuasa ataupun bidang-bidang lain. Saya juga disoalkan soalan *separation of power* dan sebagainya yang tidak ada hubung kait dengan undang-undang yang kita bahaskan, tetapi oleh kerana kuasa Parlimen menggubal undang-undang, kuasa eksekutif melaksanakan undang-undang, merealisasikan tujuan kerajaan, ini telah dikaitkan oleh Yang Berhormat dari Cameron Highlands yang tidak saya jawab semalam.

Jadi kalau tidak ada keberatan daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands saya mohon tidak payah jawab melainkan kalau dia bangkit untuk menyoal.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua memang saya tunggu jawapan itu. Tidak dijawab semalam saya minta penjelasan, penjelasan tidak diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terkeluar daripada tajuk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak ada keluar Tuan Yang di-Pertua, memang tepat sekali ada kaitan dengan kastam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada berkaitan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada, secara tidak langsung ada kaitan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau saya membenarkan semua menteri kena balik hari ini untuk menjawab.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya akan akur dengan arahan Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya kena juga menunaikan hajat seseorang. Kerana dalam dunia Allah memfirmankan supaya hajat itu juga ditunaikan. Betul ke ni? Ustaz boleh untuk memberi petunjuk kepada yang lebih zahir daripada dialah. Tuan Yang di-Pertua di dunia ini sebenarnya tidak ada satu negara pun yang mengamalkan *strict separation of powers* iaitu membezakan kuasa eksekutif, kuasa *legislature* dan juga kuasa legislatif ataupun kuasa Parlimen membuat undang-undang.

Ada sahaja pertindihan ada juga perhubungan umpamanya Parlimen Malaysia di mana Perdana Menteri *the Leader of the House* juga Ketua Eksekutif. Dia juga sebagai Ahli Parlimen biasa. Begitulah juga pelantikan hakim juga dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri menunjukkan ada sahaja tali perhubungan di antara satu dengan yang lain. Dan pihak *judiciary* boleh menginterpretasikan undang-undang yang dilulus oleh Parlimen sama ada undang-undang itu selaras dengan apa dikatakan *the rule of law* ataupun *the method* ataupun cara untuk menginterpretasikan undang-undang. Kerana dalam tanggapan yang sedemikian bahawa Parlimen bukanlah pakar dalam membuat tafsiran undang-undang, tetapi Parlimen untuk merealisasikan impian rakyat, impian negara untuk melaksanakan apa-apa benda yang perlu dilaksanakan.

Jadi dalam keadaan demikian tidak ada, jauh sekali di negara kita memang ada pertindihan di antara badan ini. Tetapi yang penting kita mesti menerima hakikat ialah eksekutif itu satu, *judiciary* itu satu dan Parlimen itu satu. Siapa yang kanan, siapa yang kiri adalah apa dikatakan tidak ada garis panduan yang menentukan siapa yang kanan daripada yang lain. Tetapi hakikatnya mereka mempunyai kuasa-kuasa bidang sendiri yang berasingan. Tuan Yang

di-Pertua sebelum Tuan Yang di-Pertua menegur saya panjang sangat menjangkau ke lautan teduh, saya balik semula ke Santubong dan akhirnya ke sini. Semalam saya sebut Dato....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi ada Yang Berhormat sebutkan adanya pertindihan antara pelaksanaan dan juga legislatif dan juga eksekutif, tapi ada juga dia kata ada pertindihan jadi saya nak tahu apa pertindihan? Selama ini yang saya tahu masing-masing mempunyai garis panduan masing-masing yang mana eksekutif dengan eksekutif kuasa pelaksana dia yang pihak kita, kita yang buat undang-undang dan pihak *judiciary* tetap *judiciary*. Saya rasa apa yang Yang Berhormat maksudkan ialah persepsi. Persepsi sahaja yang kadangkala menimbulkan banyak masalah. Jadi saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat boleh sebutkan beberapa kes yang kata ada pertindihan yang perlu kita ubah. Kita cuba, garis panduan itu sudah jelas bagi saya kerana kita berpandukan kepada Perlembagaan negara kita. Itu sahaja, boleh saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, apabila pak tani menyoal saya soalan sawah saya akan jawab soalan dengan jawapan sebagai seorang peguam dan juga sebagai seorang pelajar dalam bidang lain. Tetapi pak tani mungkin mempunyai interpretasi dia sendiri jadi kalau Profesor daripada universiti menyoal saya dalam konteks ini, jawapan saya masih akan saya jawab dalam bidang undang-undang dan terminologi undang-undang yang saya pelajari dan saya ketahui. Jadi dalam bahasa Inggeris yang saya belajar di universiti, dua universiti mengajar saya dan banyak Profesor macam McGary seorang Profesor terkenal dan juga Lord Deny seorang Profesor yang boleh dikata *the premier Professor* ataupun hakim di England kita selalu menyebut pertindihan ataupun *overlapping* di antara *judiciary*, eksekutif dan juga legislatif. *Overlapping* ini berhubung kait di antara satu sama lain.

Jadi tidak ada *the straight separation* di antara dia, walaupun Amerika cuba mewujudkan badan Kabinet dia, Presiden di lantik dan Presiden melantik orang-orang dia, daripada golongan lain daripada profesor, orang pakar dan dilantik jadi ahli Kabinet dia, bukan daripada badan Kongres dia. Dia cuba hendak buat, tetapi dalam masa yang sama Presiden juga menjadi benda-benda lain dalam itu dewan dia, dia boleh kena *sign* semua bil sebelum jadi undang-undang dia kena *sign* dulu, baru dia menjadi undang-undang, boleh dilaksanakan. Kalau kita lihat dalam undang-undang kita sini, banyak ditentukan sebelum undang-undang itu dilaksana, terpaksa ada *sign* menteri dulu, ada di gazet dulu dan sebagainya. Ini juga kenapa perlu, kenapa tidak dikatakan di *sign* oleh Speaker dan digazet oleh Speaker. Kenapa disuruh menteri, *this is the overlapping part of it*. Maknanya undang-undang kita lulus di Parlimen, boleh ditahan oleh menteri, umpamanya Bil Undang-undang *Anti-terrorism Panel Code*, yang kita luluskan pada dua tahun lepas, belum dilaksanakan sampai sekarang oleh sebab menteri *must put on hold* soalan itu, kerana ada bantahan daripada pemimpin-pemimpin pihak yang tertentu. Padahal Parlimen

telah meluluskan. Dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara sudah lulus. Jadi di sinilah tempatnya *mechanism overlapping* dan *check and balance* di antara dua-dua badan ini. Jadi terminologi Yang Berhormat, minta maaf, ini adalah terminologi pengajaran dalam bidang-bidang perundangan. Menggunakan terminologi menyatakan *overlapping* atau pun pertindihan. Kalau kita hendak cerita banyak ini, lupa kita soalan Kastam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, betullah. Yang Berhormat kita balik ke Kastam.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Balik Santubong dan ke Dewan lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf kalau tidak memuaskan jawapan saya, boleh bincang dekat luar, Insya-Allah kita boleh bincang panjang lebar. Semalam saya katakan bukan sahaja *part* motosikal, barang-barang makanan dan sebagainya boleh di *smuggle* atau boleh di masuk ke negara kita ini, kerana wanita pun boleh di *smuggle*, wanita juga boleh di *repackaging* dan di *re-exporting* daripada negara kita ini. Di sebut saya semalam, kerana saya baru balik daripada *conference* di luar negara. Yang menyatakan Malaysia adalah *transit center* untuk penghantaran wanita daripada Vietnam, daripada Laos, sebelum di hantarkan ke Australia, sebelum di hantarkan ke Amerika, sebelum dihantarkan ke...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ini tanggungjawab Kastam?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:Eropah, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan kalau Kastam menjagakan port kita ini mengikut undang-undang ini, saya baca undang-undang ini, undang-undang besar dia, saya baru baca, panjang ini, inilah terlupa soalan nombor dua tadi, baca undang-undang ini banyak sangat, satu pagi. Mengatakan port, *airport* dan mana sahaja *transit center* itu kena jaga. Jadi kalau Kastam tidak jaga, Polis tidak jaga, Imigresen tidak jaga, saya hendak tanya, siapa yang jaga? Siapa hendak jaga? Minta Setiausaha Parlimen tolong jawab saya, siapa yang jaga, Datuk Wan Junaidi ke yang jaga, Tuan Yang di-Pertua ke atau pun Datuk Bung Mokhtar yang jaga. Jadi kita kena tahu, minta tolong, jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua, siapa yang jaga? Adakah Polis jaga, adakah Kastam jaga, atau pun Imigresen jaga. Mereka ini menerusi landasan-landasan tertentu, di masuk ke sini, *re-program*, *re-export*. Makna dia, kena Kastam jaga jugalah. Kalau tidak ada keuntungan, tangkap barang ini, hantar balik ke negeri dia orang sendiri. Ini saya sebutkan Kementerian Wanita semalam, wujudkan tempat perlindungan untuk wanita-wanita, kanak-kanak yang di *smuggle* ke negara kita ini, dengan secara paksa, sebelum mereka dihantar semula ke negara asal, *re-settling* mereka di negara sendiri dan sebagai bermacam-macam lagi.

Kalau saya buka dalam saya punya komputer itu ada program yang saya sebut Tuan Yang di-Pertua untuk disarankan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Jadi di sini yang tidak saya sebut, ada orang menegur saya bila sudah habis semalam, Yang Berhormat tidak sebut fasal dadah kata dia. Saya juga terlibat dengan *Technical Committee*, AIPO soalan dadah ini, bermesyuarat di Jakarta dan Yogyakarta yang menyatakan Malaysia *is not the producer of drug*,

tetapi Malaysia adalah transit dan *consumer drug*. Jadi persoalannya siapa yang jaga? Macamlah wanita kenal dia, budak-budak yang kena *smuggle* ini tadi, siapa yang jaga? Adakah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, seorang Ahli Parlimen yang hebatlah. Ini bukan soal dadah, tetapi ada persamaan. Soal bagaimana dadah masuk kerana mungkin penguatkuasaan atau cara-cara mencegahnya itu kita lemah. Tetapi satu perkara lagi ialah soal rokok. Tuan Yang di-Pertua, tidak hisap rokok, saya penghisap rokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf, itu salah Yang Berhormat, tidak boleh pilih tidak hisap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mendengar Setiausaha Parlimen di Senat menjawab, Setiausaha Parlimen ada? Walaupun cukai rokok telah dinaikkan, tetapi pendapatan kerajaan dari cukai ini telah berkurangan 15%, harga dinaikkan, saya tidak tahu pada *budget* kali ini apakah harga rokok akan dinaikkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Supaya orang tidak hisap Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: itu tujuan kerajaan, tetapi apa yang berlaku di atas tanah Tuan Yang di-Pertua, apabila harga rokok itu naik, maka penyeludupan rokok bekali ganda. Sedangkan tujuan hendak naikan itu, hendak dapat cukai. Saya difahamkan dalam tahun 2005 cukai ini, kalau salah tolong betulkan, RM4 bilion. Maknanya sumbangan daripada penghisap rokok, termasuk arak sebenarnya, kerana duti dia sudah dinaikkan, tetapi sebenarnya kerajaan kehilangan antara RM500 juta hingga RM700 juta, kerana penyeludupan rokok. Di Sabah dan di Sarawak, minta maaf Bintulu, Kapit dan di mana-manalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu Semenanjung pun ada, mana boleh Bintulu sahaja, Sri Gading itu pun masuk juga Johor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa yang berucap Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sama-sama berucaplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rokok *black market* ini Tuan Yang di-Pertua, yang berharga RM2.50 itu boleh dibeli di merata kedai. Maknanya penguatkuasaan mencegah ini tidak dilakukan. Jadi apabila rakyat boleh beli rokok seludup RM2, RM3 ini, maknanya rokok yang dinaikkan menjadi RM7.50, rokok saya sekarang RM7 satu kotak, rakyat akan pilih rokok RM2.50. Dan apabila rakyat memilih rokok yang di seludup maknanya kerajaan akan hilang cukai, hasil. Jadi ini kalau naikan lagi, maknanya kerajaan tidak dapat apa-apa, dia lebih menggalakkan penyeludupan dan penyeludupan ini tentulah Jabatan Kastam yang

berkewajipan untuk mendekatkan dan kalau di jual secara terbuka, tiada Jabatan lain yang patut menguatkuasakan ialah Kastam, tetapi kalau dibiarkan. Dan Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang paling berbahaya, rokok yang di seludup....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Boleh penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini *flow* saya minta daripada Yang Berhormat bagi Santubong, jadi bukan *flow* saya. Jadi saya pinjam Yang Berhormat bagi Santubong punya *flow*, jadi kalau Yang Berhormat bagi Kalabakan hendak menyoal jadi boleh soal Yang Berhormat bagi Santubong selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Juga perlu mendapatkan kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Of course*, tentulah, itu tentulah Tuan Yang di-Pertua punya kuasa, tetapi Tuan Yang di-Pertua tentu akan beri peluang saya bercakap lebih panjang dalam hal ini, kerana ini kepentingan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi jangan terkeluarlah daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak satu perkara yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, digunakan, dibuat daripada tembakau yang bukan di tanam dalam negara kita, dan kualiti rokok ini dia lebih rendah daripada rokok yang ada ini. Dan ini akan membahayakan kesihatan penghisap-penghisap rokok. Maknanya kesihatan rakyat kita lebih teruk. Jadi lebih baik kerajaan tidak usah naikkan harga rokok ini. Turunkan harga rokok supaya penyeludupan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...tidak berlaku dan hasil kerajaan lebih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada kepentingan dirikah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang ada kepentingan diri Tuan Yang di-Pertua tetapi kepentingan orang macam saya ini sebenarnya mewakili orang-orang yang menghisap rokok secara benar yang membantu kerajaan tetapi orang yang menghisap rokok secara haram ini macam mungkin Yang Berhormat bagi Kinabatangan umpamanya ini Sarawak. Okey, saya tarik balikkah, Yang Berhormat bagi Kinabatangan hisap rokok betul punya. Kota Belud agaknya tempat penyeludupan. Saya tidak tahulah di Kinabatangan dia bukan tepi sungai.

Tetapi macam Sandakan umpamanya, macam agaknya di Kalabakan. Ini semua kawasan-kawasan yang bersempadan. Ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi penjelasan Yang Berhormat bagi Santubong. Balik saya ke pangkal jalan. Apakah Yang Berhormat bagi Santubong dapat agaknya bersetuju dengan pendapat saya dan dapat kiranya memberikan sedikit ulasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tiap-tiap kali terima kasih itu mesti dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua kemudian daripada Yang Berhormat yang bercakap. Itu peradaban dalam Dewan sebenarnya. Jadi minta maaf saya sebut Yang Berhormat bagi Sri Gading dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ambil secara serius persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Persoalan yang kita hendak tanya dengan panjang kepada Setiausaha Parlimen untuk dijawab ialah adakah mekanisme menaikkan cukai kepada rokok mendatangkan keuntungan kepada negara? Adakah mekanisme untuk menaikkan cukai kepada rokok boleh mengurangkan perokok-perokok di Malaysia dan adakah mekanisme menaikkan cukai rokok menggalakkan penyeludupan rokok-rokok ke Malaysia dan akhirnya dia tidak mendatangkan untung kepada negara? Tolong jawab berbangkit daripada soalan ini. Saya ambil secara serius. Selepas jawapan ini diberi... minta tolong Tuan Yang di-Pertua saya hendak habis cakap ini. Setelah dapat soalan ini dijawab, baru kita boleh merangka *taxation structure* yang kita hendak wujudkan untuk menangani masalah rokok oleh kerana manusia ini apabila ditudung kuat-kuat sangat kita hendak tengok dalamnya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau kita haramkan sesuatu benda orang tertarik hendak merasa, hendak mencuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi itulah jenis manusia ingin mengetahui. Jadi akhirnya kita... Sila. Tidak habislah cerita saya ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Lagi lima minit bolehlah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rokok dan benda-benda lain kalau kita nampak di dalam negara kita bukan sahaja rokok bahkan kain-kain batik daripada Indonesia masuk. Kain-kain ini yang sebenarnya diharamkan untuk masuk kerana kita mahu mempertahankan pengeluaran batik kita. Tetapi kain-kain ini di Tawau dan di kawasan sempadan dia masuk juga. Dijual di pasar-pasar secara terbuka. Rokok-rokok, keretek, suria dijual secara terbuka tapi kita nampak ada rampasan. Rokok-rokok ini dirampas.

Jadi saya mahu tahu mungkin Yang Berhormat bagi Santubong boleh menyuarakan ini, benda-benda yang dirampas ini dibuat apa? Kita tidak nampak bila sudah dirampas dia dibakar atau *destroyed* secara besar-besaran. Kita mahu tahu kerana benda-benda ini termasuk Majlis perbandaran merampas benda-benda ini. Jadi di mana benda-benda ini yang dirampas? Itu kita mahu tahu. Itu Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya banyak mendengar persoalan yang dibangkitkan apa yang telah terjadi kepada barang-barang yang dirampas oleh pihak penguat kuasa sama ada ditangkap oleh pihak kastam, ditangkap oleh pihak polis, hanya yang ditangkap oleh Imigresen sahaja jangan dibakar. Yang lain itu semua boleh bakar. Yang ditangkap oleh Imigresen itu kena selamat.

Jadi saya tumpang bertanya kepada Setiausaha Parlimen apakah jawapan kepada persoalan ini. Apa telah berlaku? Berapa banyak barang ditangkap oleh kastam dan polis sebagai barang penyeludupan ini telah dibakar dan nilai yang telah dibakar dan kenapa dibakar? Apa benda yang boleh mendatangkan hasil kepada negara kalau macam rokok memang patutlah dibakar. Kalau kereta di *smuggle* ini, saya rasa jenis tindakan yang perlu dibuat. Kalau kapal seludupan atau kapal yang ditangkap oleh polis dan ditangkap oleh pihak Penguat kuasa Marin ditembak di laut. Dia bom ataupun ditembak. Digunakan sebagai satu sasaran.

Jadi ini saya hendak tanya kriteria-kriteria tangkapan ini, benda-benda yang tidak boleh masuk ke Malaysia apabila ditangkap untuk pembinasaan ataupun pelupusan barang ini apa caranya dan berapa banyak telah dilaksanakan pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada perundangan ini sendiri. Ada persoalan penyeludupan dadah, rokok dan sebagainya termasuk benda-benda yang belum pernah kita bangkitkan. Di Sarawak mempunyai jalan tikus. Apa yang dikatakan jalan tikus itu lori pun boleh masuk. Sebanyak 97 jalan tikus. Ini adalah pengumuman yang dibuat secara dalaman oleh pihak tertentu kepada saya dan 97 jalan tikus ini boleh menggunakan lori dan persoalan yang dibangkitkan di sini, soalan penyeludupan rokok dan dadah ini ke negeri Sarawak apakah pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan sama ada polis. Ini bukan soalan polis tapi soalan kastam, macam mana kastam memantau yang 97 jalan tikus ini dan apa jaminan supaya jalan tikus ini tidak digunakan untuk menyeludup apa sahaja daripada kayu dan pokoknya sampailah ke dadahnya. Dan dahulu Tuan Yang di-Pertua, latar belakangnya sedemikian.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dahulu negara Indonesia sebenarnya bukanlah pengguna dadah hinggalah tahun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu habis dahulu. Hinggalah habis tahun pertengahan tahun 1990. Negara Indonesia juga telah sekarang menjadi negara yang menggunakan banyak dadah. Jadi kita bimbang dadah ini akan dimasukkan kepada Kalimantan dan dibawa ke Sarawak. Jadi dengan senang sahaja yang 97 jalan tikus ini boleh diguna untuk menyeludup dadah daripada Kalimantan ke Sarawak dan sebaliknya juga daripada Sarawak ke Kalimantan. Kita mesti ada kerjasama di antara kita dengan pihak *authority*

di negara Kalimantan supaya penghantaran dadah ini jangan berlaku di negara berjiran. Begitu lah seterusnya. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Kita harus menyokong sepenuhnya pindaan kepada Akta Kastam yang pastinya ditujukan untuk melindungi kepentingan negara dan rakyat. Tapi sepanjang perbincangan kita ini kita dapati bahawa isu sebenarnya yang membangkit ialah isu penguatkuasaan khususnya dalam konteks penyeludupan yang telah kita bicarakan sama ada dalam konteks dengan izin *human trafficking*, dadah ataupun bahan-bahan yang lain.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Santubong, kita sendiri sebenarnya mengetahui sering kali di manakah *point* ataupun tempat-tempat ataupun laluan penyeludupan ini. Sudah tahu sudah dan sudah berkali-kali sudah diberitahu. Apakah seharusnya tindakan yang khusus supaya laluan penyeludupan ini dapat ditutup sebagai satu contoh kritikalnya perkara ini ialah kalau kita lihat kita ataupun pihak kerajaan telah berusaha dengan menggunakan pelbagai dana dan daya yang begitu banyak untuk mengatasi masalah salah guna dadah tetapi masalah yang utama ialah bekalan dadah itu terus masuk ke negara kita. Jadi dalam konteks ini Yang Berhormat bagi Santubong, apakah cadangan daripada Yang Berhormat kepada kerajaan supaya laluan-laluan yang sering kali diketahui ini dapat ditutup untuk memastikan bahawa sudut ataupun tempat *trafficking* ini yang menjadi masalah kepada negara kita ini dapat diatasi dengan seberapa segera demi kepentingan negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama persoalan perlu mendapat jawapan daripada kerajaan ialah nisbah penyeludupan menerusi laluan-laluan yang dikatakan laluan terbuka sebagai port-port kita yang terbuka macam KLIA dan sebagainya apa sahaja lapangan terbang dan port yang terbuka di Malaysia. Kita kena tahu berapa nisbah kemasukan dadah dan barang-barang yang tidak dibenarkan masuk ini ataupun cukai ini dimasukkan menerusi jalan ini.

Yang kedua, kita juga hendak mengetahui berapakah nisbah penyeludupan menerusi jalan-jalan yang haram iaitu jalan yang tidak diiktiraf. Iaitu apa yang saya sebut tadi 'jalan tikus'. Kerana batasan negara kita adalah amat luas sekali khususnya perhubungan kita dengan negara jiran. Umpamanya sepanjang daripada kawasan saya Tanjong Dato' sampai ke Sabah, Tawau kalau tidak salah saya dan juga begitu juga daripada perbatasan Thailand dengan Kelantan dan Kedah, Perlis. Jadi kita kena tahu kemasukan yang menerusi jalan yang tidak diiktiraf ini sebelum kita mengatakan yang mana tutup yang mana tidak tutup.

Ada tutup secara fizikal, yang macam 'jalan tikus' itu tadi sepatutnya ditutup secara fizikal dan *legal*. Ada penutupan kemasukan daripada penyeludupan ini secara *legal* sahaja kalau tidak boleh tutuplah KLIA oleh sebab penyeludupan berlaku di KLIA tidak bolehlah ditutup Port Klang ataupun Tanjong Pelepas oleh sebab penyeludupan berlaku di Tanjong Pelepas dan di Port Klang. Jadi ini penutupan kepada kemasukan barang seludupan secara perundangan. Jadi kita

hendak jawapan terperinci daripada pihak kementerian. Jadi Tuan Yang di-Pertua sebelum kita mendapat persoalan ini kita tidak boleh memberi jawapan. Jadi minta maaf Yang Berhormat saya tidak boleh buat jawapan kepada soalan sedemikian.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sedikit boleh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Santubong. Sebenarnya saya hendak akhirkkan pandangan saya ini dengan satu cadangan. Saya rasa tidak begitu adil untuk kita menyalahkan pihak Kastam sahaja ataupun pihak polis, tidak begitu adil kerana perkara ini sebenarnya kalau setakat hendak diberikan tanggungjawab ini kepada jabatan tertentu sahaja dalam konteks penyeludupan ini dia tidak akan selesai.

Oleh sebab itu saya mengambil pandangan supaya satu bentuk jawatankuasa bertindak, satu bentuk *taskforce* yang melibatkan rakyat perlu diwujudkan di mana rakyat mengambil bahagian yang aktif bukan setakat yang selalu pemimpin sebut, rakyat harus menjadi mata dan telinga kerajaan.

Bagi saya itu tidak cukup, kalau mereka tidak mengambil tindakan. Oleh sebab itu apakah pandangan Yang Berhormat supaya satu jawatankuasa bertindak khusus bagi mengatasi masalah penyeludupan di seluruh negara ini harus segera diadakan yang melibatkan berbagai-bagai jabatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh jawab, Santubong boleh jawab sekali gus? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah sedikit sahaja sebab sebagai contoh hendak menyokong pandangan daripada Sabak Bernam, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua kalau ini hendak musim raya, dua bulan lagi raya, selepas itu raya Cina, sebelum itu Deepavali. Dia raya, bunyi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah berkaitan dengan Bill ini?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada kaitan, penyeludupan. Bila hendak raya akan bunyilah mercun dan lain-lain, bunga api yang tidak terkawal. Seolah-olah itu sebagai tanda, sebagai ukuran bahawa mercun-mercun dan juga bahan-bahan lain boleh masuk ke negara kita tanpa kawalan. Tandanya mudah, bunyi mercun maknanya semua mercun kita tahu memang tidak terkawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, apakah soalan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pada pandangan, tadi Sabak Bernam menyatakan mesti mendapat kerjasama daripada orang ramai. Tetapi persoalannya sekarang sejauh mana pihak kerajaan atau pihak kementerian boleh memberi jaminan kepada orang ramai yang memberi maklumat atau mengadu tentang perkara-perkara

penyeludupan yang berlaku di hadapan mereka termasuklah tentang 'lubang tikus' dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, so, akhir sekali saya mengambil kesempatan hendak mengucapkan selamat datang kepada sahabat-sahabat daripada rombongan daripada Ledang. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang tujuan Yang Berhormat. Yang Berhormat banyak lagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya boleh berhenti dalam masa lima minit dan saya boleh berhenti dalam masa lima jam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan lima minitlah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Lima minit, Alhamdulillah. Alhamdulillah saya boleh berhenti dalam lima minit dan saya akan habiskan. Saya pun dimaklumkan Kementerian Wanita sudah *ready*, Menteri sudah ada di sini, jadi saya bimbang kementerian tidak ada itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam sudah ada Yang Berhormat, ini Kementerian Wanita punya semalam sudah tunggu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sudah tunggu ya? Saya hanya diminta bercakap jadi kalau saya bercakap tidak boleh berhenti itu masalahnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adalah kadang-kadang kita buat *light comment*. Saya menjawab Sabak Bernam, saya bersetuju cadangan ini amat ideal. Tetapi kadang-kadang benda yang ideal itu adalah baik atas kertas, kadang-kadang ia tidak baik daripada terlaksana. Jadi minta maaf Yang Berhormat, itu pandangan sayalah kadang-kadang benda yang kita atur dengan begitu sempurna di atas kertas itu, kadang-kadang tidak mendatangkan hasil secara praktiknya menjadi sempurna.

Padahal sekarang kita sudah mempunyai tentera wataniah, kita juga mempunyai RELA, kita juga mempunyai macam-macam lagilah diwujudkan oleh kerajaan sama ada secara formal ataupun tidak formal. Jadi tujuannya sebenarnya inilah dia dan JKK kampung telah diwujudkan oleh kerajaan dan diiktiraf oleh kerajaan dan diberi sumbangan dan bantuan oleh pihak kerajaan. Jadi maknanya badan-badan dan jawatankuasa ini sudah ada sebenarnya tetapi bukan dikhususkan untuk menjadi mata telinga kepada pihak kerajaan berhubung dengan *smuggle* tetapi menyeluruh.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ada lagi yang berdiri belum habis Yang Berhormat sekejap sahaja. Jadi saya ucap selamat datang kepada orang Ledang, kalau tidak kesian dengan kawan berdiri hanya hendak kata selamat datang itu. Jadi saya berharap kalau ada rangka yang dianggap praktikal dan ideal, ini boleh dilaksanakan saya berharap Yang Berhormat bagi Sabak Bernam boleh menyarankan secara terperinci kepada Dewan ini dan saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri boleh mengambil tindakan.

Kerana saya cukup yakin ini akan diletakkan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Ini jawapan kepada Sabak Bernam. Kepada Ledang apa soalan Ledang tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu dia tidak penting Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saja berdiri hendak kata selamat datang itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mahu ucapkan selamat datang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jaminan kerajaan terhadap mereka-mereka yang membuat pengaduan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaf Yang Berhormat. Ini saya hendak nafikanlah. Saya hendak nafikan satu persoalan. Saya tidak mencemuh ataupun mencacikan pihak Kastam dan meletakkan semua tugas dan tanggungjawab ini kepada pihak polis dan Kastam ataupun badan-badan penguat kuasa yang lain negara ini, berhubung adanya berlaku penyeludupan dan apa-apa kesalahan. Kerana ini adalah tugas dan tanggungjawab semua masyarakat yang mengata diri mereka rakyat Malaysia yang betul-betul mengatakan negara ini kepunyaannya, negara inilah tempatnya, 'di mana kaki berpijak di sini langit dijunjung' dan di situlah kita mengambil tugas ini sebagai tanggungjawab sebagai masyarakat Malaysia.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita tahu Kastam memang sudah ada kaedah-kaedah yang dibuat untuk mencari jalan mengatasi masalah penyeludupan kerana masalah penyeludupan ini begitu besar. Yang Berhormat Santubong kita tahu bahawa Kastam kalau tidak silap saya masih mengamalkan kaedah memberi maklumat, *informer*. Untuk mendapatkan maklumat di mana berlaku penyeludupan di mana tempatnya siapa yang terlibat dan sebagainya. Tetapi kita dapati penyeludupan masih lagi berleluasa. Adakah pada pandangan Yang Berhormat kaedah *informer* ini tidak begitu berkesan kerana bukan ganjaran tidak berapa menarik? Atau pun kekurangan mereka yang dilantik menjadi *informer*? Kerana kalau pada pandangan saya, kalau kaedah yang dirangka oleh Kastam ini iaitu kaedah *informer* ini, saya percaya boleh membantu pihak Kastam untuk mengatasi masalah ini.

Tetapi apa pandangan Yang Berhormat kenapa kaedah ini tidak begitu berjaya, sebab-sebab? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam ...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya janji lima minit tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat pun rupanya macam menteri jugalah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya janji lima minit jadi tidak dapat tunaikan janji saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi minta maaf kepada semua khusus kepada menteri kerana tertunggu-tunggu oleh kerana saya melengahkan keadaan ini.

Jadi persoalan yang dibangkit amat relevan bahkan saya sendiri yang membangkit dua tahun lepas persoalan dalam konteks polis. Polis sebenarnya rakyat Malaysia khususnya pegawai-pegawai dalam bidang penguat kuasa mempunyai satu kepakaran yang luar biasa Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh lihat menangani masalah komunis pada tahun 1948 hingga tahun 1962 di Semenanjung. Daripada tahun 1962.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Negara yang *premier* sekali dalam bidang *intelligent* dia salah satu daripadanya ialah Malaysia bahkan Malaysia boleh dikatakan *one of the best in the world* pada ketika itu. Salah satu daripada fakta yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah dua perkara. Satu *sting*, *sting* ini pegawai daripada jabatan itu sendiri menyeludup masuk ke dalam golongan-golongan penyeludup ini dan memberi maklumat kepada jabatan dia untuk mengambil tindakan selepas itu dan *sting* ini akan menarik diri sebelum dia diketahui *undercover*. Dan satu lagi ialah menggunakan *informers*. *Informers* ini di *protect* oleh undang-undang yang tertentu bahkan di *protect* oleh mahkamah daripada soalan pengeluaran nama-nama mereka. *Informers* ini apabila sistem ini begitu berjaya sekali mengatasi masalah-masalah *intelligent* komunis pada ketika itu selepas tamatnya *emergency* pada tahun 1974. Sumber kewangan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada polis juga ditarik balik begitu mendadak hingga hampir melenyapkan semua *network informers* di seluruh negara.

Jadi saya cukup yakin kalau *informers* ini kalau di pandangan kastam ini adalah satu badan yang kritikal kita kena mewujudkan semua *network informers* ini di seluruh negara khususnya di negeri-negeri yang mana penyeludupan ini didapati banyak berlaku sebagaimana persoalan ini perlu dibangkit dahulu, di tempat mana penyeludupan banyak berlaku yang persoalan saya awal tadi. Lepas kita tahu di mana tempat dia banyak berlaku dan di *point-point* yang banyak berlaku kita wujudkan *sting*, kita wujudkan *information network* kita yang terancang dan keluarkan dana yang mencukupi supaya *informers* ini boleh diberi habuan dan ganjaran yang mencukupi dan berbaloi untuk mereka membantu pihak agensi-agensi pelaksana. Jadi kadang-kadang kita melihat pegawai kastam kena uniform, polis kena uniform siapa hendak buat.

Jadi di samping, kita tidak mengatakan perbuatan yang tidak betul, yang curang kita tidak sebut. Secara nyatanya orang tidak akan berlaku benda kalau melihat pegawai beruniform. Jadi kadang-kadang kalau kita hendak melaksanakan membudayakan *compliance to law* kita kena kuatkuasakan undang-undang kita secara terperinci. Skim untuk *informer*, habuan untuk *sting* ini tadi kena di wujud semula supaya dia boleh menolong pihak agensi pelaksana dan kerajaan.

Ini soalan yang terakhir sebelum saya menjawab soalan saya sendiri yang terakhir. Jadi Yang Berhormat saya minta maafah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cadangkan teruskan ucapan Yang Berhormat sebab ada Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya sedikit sahaja saya hendak minta laluan Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi Yang Berhormat cakap mengenai dengan pengumpulan maklumat dan sebagainya. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kata ada *informers*. Tetapi kita balik kepada pegawai kastam itu sendiri apakah pegawai kastam dia punya insentif itu agak baik atau tidak? Saya dengar untuk insentif tidak ada lagi, ditarik balik. Jadi apakah ini akan menimbulkan banyak kita katakan tadi masalah. Oleh kerana tidak ada galakan tidak ada dorongan jadi bagaimana Yang Berhormat lihat kalau kita kata menimbang semula kembali kepada insentif yang baik ataupun menurut *percentage* dari segi kalau dia dapat merampas banyak, lelongan dibuat *percentage* itu didapati oleh pihak kastam yang berjaya dalam kes itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dalam semua bidang upahan saya mengkaji *human resource management* Tuan Yang di-Pertua dan mengenai buku soalan ganjaran ini imbuhan dan sebagainya kita kena selidik dengan betul khususnya kalau ada kena mengena dengan penguatkuasaan undang-undang. Kita bimbang kalau tidak dibuat satu skim dan sistem yang terperinci dia akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Tetapi secara prinsipnya saya bersetuju kalau kita hendak wujudkan sistem *informers*, sistem *sting* kita kena beri yang mentadbirkan sistem ini juga diberi satu imbuhan yang berpatutan dengan satu skim pengeluaran yang terperinci supaya tidak menjadi satu disalahgunakan mereka. Jadi kita bimbang apa benda yang kita beri itu nanti akan menjadi satu tukul untuk mengetuk kepada mereka sendiri. Kita juga yang akan bising dekat sini nanti oleh kerana ada sebab-sebab yang mungkin nampaknya walaupun bukan realitinya nampaknya semacam telah ada *abuse of power*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua biarlah saya menghabiskan ini. Saya hendak sebutkan soalan mercun tadi Yang Berhormat bagi Ledang sebut. Mercun ini saya boleh bagi cerita panjang lebar Tuan Yang di-Pertua berlaku pada saya sendiri sebagai seorang peguam. Pada tahun masa saya masih menjalankan peguam saya seorang wanita cantik datang jumpa saya hendak beli rumah. Saya kata hendak beli rumah di Batu 15, dia hendak beli tanah di Matang, hendak beli satu biji rumah lagi di Banding. Saya kata berapa banyak rumah yang hendak dibeli hari ini? Dia kata *about RM1.5 million*. Pada ketika itu duit itu begitu besar sekali. Jadi saya proses semua benda ini, sudah proses *sign agreement* malam pukul 11.30 seorang wanita telefon di rumah saya, jawab isteri saya kenapa perempuan telefon you pada pukul 11.30 malam. Rupanya perempuan yang berjumpa saya pada pagi tadi sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang sudah keluar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi cerita saya belum tamat Tuan Yang di-Pertua. Jadi cerita saya sudah dia bukan cerita Ledang lagi sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya beritahulah, beritahu maklumat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi pukul 11 malam rupanya wanita ini sudah ditangkap oleh pihak Kastam yang mengatakan beliau adalah salah seorang daripada keluarga yang membawa mercun masuk ke Sarawak. Jadi saya turun sebagai seorang peguam saya turun ke *Police Station* berbincang dengan dia akhirnya Kastam bersetuju kes itu di kompaun di bawah Seksyen 131 *compounding offences* di bawah Custom Act 1967. Dan beliau telah dihukum 10 kali ganda oleh kerana perkara ini *prohibited good* yang dibawa masuk ke Malaysia dia boleh di kompaunkan dengan 10 kali ganda harga nilai itu. Saya tanya dengan dia kenapa you buat ini pada hal semalam you banyak duit sekarang sudah habis duit semua kena bayar. Dia kata tiap-tiap 10 kali saya *smuggle* kata dia satu kali saya kena tangkap saya masih buat *profit* besar. Jadi ini perdagangan yang *lucrative* perdagangan yang mendatangkan keuntungan.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya berbalik kepada perundangan ini Kastam dan kerajaan mesti menyelidik semula sama mekanisme yang dikena di bawah Undang-undang 131 untuk mengkompaunkan kes-kes di bawah Seksyen 135(1) dikajikan semula daripada segi nisbah-nisbah kompaun pada kes-kes yang berkenaan supaya dia menunjukkan satu realiti daripada cerita wanita yang memberitahu kepada saya tadi kalau dua kali dia ditangkap *profit* margin dia kurang sedikit. Kalau tiga kali dia ditangkap *profit* margin dia kurang sedikit mungkin 50% kena tangkap baru dia *breaking event* sahaja. Jadi dalam keadaan sedemikian kita kena selidik semula undang-undang ini seksyen 131, seksyen 135(1) untuk memastikan kompaun yang dikena oleh pihak Kastam itu selaras dengan pandangan yang sedemikian.

Jadi ini amat penting untuk menjadi satu mekanisme Kerajaan menguatkuasakannya dan supaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ledang tadi akan menjadi satu halangan mental kepada mereka yang mahu menyelidik kerana kalau dipandang dia menyeludup, menyeludup, menyeludup, dia kata kena tangkap dua, tiga kali masih untung berjuta ringgit atau beratus ribu ringgit, tidak apalah, tangkaplah dua kali. Selepas itu lagi, tidak payah hantar *jail*, beri kompaun sahaja, jadi saya hendak tahu apakah *safeguard* yang tertentu supaya kuasa *director general* di bawah Undang-undang 131 ini menjadi satu penghalang kepada pihak yang kompaun. Kadang-kadang kalau orang kaya Tuan Yang di-Pertua, dia *smuggle*, you kata hukum satu juta ringgit, kompaun satu juta ringgit you jual benda yang lama itu yang satu juta itu bayar, duit ada. Jadi dia pun masih macam itu sahaja rekod dia sahaja yang menunjukkan dia seorang *smuggler* tetapi hakikatnya dia bebas. Jadi kita berjaga-jaga menggunakan kuasa di bawah undang-undang, mekanisme yang tertentu mesti diwujudkan supaya undang-undang ini boleh

menjadi satu perkara yang menakutkan, meng.....menakut? Apa lagi perkataan yang elok daripada itu?

Seorang ahli: Menggerunkan!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Menggerunkan, terima kasih Yang Berhormat. Sekali-sekala ada benda yang baik terpaksa saya belajar daripada orang lain. Menggerunkan, pihak-pihak yang mahu melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab menteri saya cukup yakin menteri wanita masih ada di luar sana, boleh dijemput dan saya sekarang meminta pihak Kastam melihat dan kementerian menjawab persoalan-persoalan yang saya bangkit tadi supaya jangan anggap perkara ini walaupun dia dalam keadaan yang tidak serius dan saya bukanlah bercakap marah-marah sangat tetapi permintaan itu, pertanyaan itu dengan tidak marah ini dia mendatangkan persoalan yang meminta jawapan yang sebaik mungkin. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin hendak berucap juga, sila, sila.

12.22 tgh

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak juga dengan rakan-rakan walau macam mana pun saya ucapkan tahniah kepada Santubong dan rakan-rakan kerana banyak kemukakan masalah Kastam yang mana selama ini saya ini sehinggakan digelar orang Dato', MP Kastam.

Beberapa ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Ketawa] Jadi kerja saya ringan sedikit. Ini saya hendak bersama-sama dalam pindaan undang-undang Kastam tahun 1967 yang berkenaan dengan perkara anti.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.....selepas Yang Berhormat pihak Kementerian boleh jawablah ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh Tuan Yang di-Pertua. Tentang *Anti-Dumping* kerana akta ini penting Tuan Yang di-Pertua. Apatah lagi kita akan berhadapan dengan AFTA, hendak menjaga *safeguard*, *safeguard* industri dan barangan negara kita tetapi dalam kita buat *safeguard* ini, cerita fasal kereta penggunaan AP, satu AP diguna dua, tiga kali, masih berleluasa. Walau pun kita sudah timbulkan di dalam dewan yang mulia ini. Itulah sebab saya hendak mencadangkan kepada Kementerian dan juga Kerajaan supaya diwujudkan satu peraturan ataupun rang undang-undang menghalang orang-orang yang bersara daripada Jabatan Kastam ini untuk memasuki dalam bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan Kastam. Jelas kita lihat bahawa banyak syarikat-syarikat pengimport kereta yang menggunakan

AP, yang menyalahgunakan AP, mereka menggunakan khidmat pesara-pesara Kastam sebagai *director* dan juga penasihatnya mencari jalan bagaimana hendak menipu Kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau dia bekas pengarah Tuan Yang di-Pertua, pergi di pelabuhan Kelang yang duduk di Pelabuhan Kelang ini adalah pegawai-pegawai rendah dia dahulu, dia harus hormat lagi walaupun sudah pencen. Dalam menghormati itulah kita lihat banyak masalah-masalah timbul. Sebagai contoh, satu AP yang untuk membuat masuk sebuah kereta digunakan dua, tiga kali bermakna satu AP ini boleh masuk dua, tiga kali. Ini belum termasuk AP-AP klon yang telah ditimbulkan.....

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat , Kinabatangan bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Raden [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang rasa saya, perkara ini memang merugikan kerajaan dan membimbangkan. Kalau orang kecil rasuah, curi di *supermarket* dua puluh ringgit, ditangkap dipenjara, didenda, ini perompak di siang hari, merompak kemewahan negara kita, tidak ada hukuman, yang saya hairan kenapa dasar Kerajaan kita orang sudah bersara, diambil lagi, diangkat lagi jadi Pengerusilah, *board director* lah tidak ada orang barukah? Dia sudah bersara 56 tahun, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pencenlah!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Bagilah peluang orang lain....saya hairan sudah, mahu mati pun situ juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] : Bagilah orang baru, darah baru, janganlah amal polisi sebegini, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada Kerajaan bahawa perkara ini perlu diselidik dan mengamalkan sistem yang sudah bersara, bersaralah. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini yang sedang kita menghadapi problem ini hari ini, kerana kita lihat banyak ketirisan, pencukuaian kita yang kita perlukan ini hilang macam itu, hilang! Hilang lenyap kerana bekas-bekas pekerja-pekerja di jabatan ini memasuki bidang yang dia jaga dahulu dan kita tahu undang-undang kita ini bukan lengkap Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya Yang Berhormat Puchong pun minat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dengan izin, banyak *loopholes* kita punya undang-undang dan merekalah pakar mencari *loopholes* bagaimana hendak menipu Kerajaan, sila Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari saya dengar percakapan ataupun ucapan daripada Yang Berhormat Jasin. Memang saya keadaan sekarang ialah orang ataupun pesara-pesara dari Jabatan Kastam ini kalau dijadikan sebagai Pengerusi ataupun Pengarah di syarikat-syarikat pengimport kereta-kereta mereka tahu apakah *loopholes* atau undang-undang yang ada sekarang ini, mereka tahu apa kelemahan-kelemahan yang ada di bawah undang-undang Kastam ini. So adakah Yang Berhormat bercadang bahawa undang-undang Kastam kita memberi satu pernafasan yang baru supaya *loopholes* ini kita diperketatkan orang lain ataupun pesara-pesara ini tidak akan mempunyai peluang yang baik ataupun yang berkesan untuk orang kata mencuri ataupun menipu Kerajaan daripada segi cukai dan juga pendapatan-pendapatan yang lain, apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Puchong, memang saya setuju sangat. Ini masalah hasil negara yang disebut oleh Sri Gading tadi bertanya kepada Santubong berkenaan dengan rokok, saya pun hairan macam mana. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ikut daripada amatan saya dan *research* yang saya buat, kenaikan rokok bagi belanjawan tahun sudah dijangkakan Kerajaan akan mendapat lebihan cukai 800 juta ringgit, rokok sahaja. 800 juta ringgit.....

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] : *[Bangun]* Lagi sekali.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi.....nanti sekejap Bung belum habis *sentence* lagi ini.....tetapi pada hari ini saya dapat juga tahu, daripada pasaran, daripada industri rokok pada hari ini rokok seludup sedang menguasai 28 peratus daripada pasaran rokok yang ada hari ini. Kalau 800 juta yang diharap oleh Kerajaan oleh sebab pasaran rokok yang diseludup ini 28 *per cent* bermakna, Kerajaan hari ini telah rugi 244 juta ringgit, oleh sebabnya rokok seludup, sila Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] : Ya, saya hairan, kita ada Kastam, kita ada marin polis, ada *maritime*, semua ada. Rokok masih juga limpas.....

Saya duduk sembang-semang di gerai-gerai, saya terdengar masyarakat berkata, saya tidak tahu, saya mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat, dia kata saya dengar, tabik tentera dia kata begini, *[Membuat aksi tabik]* tabik polis begini *[Membuat aksi tabik]*, tabik wakil rakyat begini. *[Membuat aksi tabik]* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala pening.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pening kepala. Tabik kastam dia kata begini. *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu, masyarakat yang cakap. Jadi sejauh manakah kebenaran tuduhan-tuduhan masyarakat ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dengarlah bab-bab tabik. Yang saya dengar di pelabuhan-pelabuhan, kastam maksud dia “kalau ada, sambar, tidak ada, minta”. *[Ketawa]* Itu yang saya dengar. Yang tabik ini belum lagi, Tuan Yang di-Pertua. Baru hari ini saya dengar. “Kalau ada, sambar, tidak ada, minta.” Jadi saya bukan bertujuan hendak memburuk-buruk tetapi ini hasil negara ini.

Rokok ini pun saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada penyelesaian. Makin banyak, makin lama makin berleluasa. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, hari ini boleh pergi di Chow Kit, boleh pergi di mana-mana, di kampung-kampung, boleh beli rokok itu *any way*. Seolah-olah negara ini tidak mempunyai undang-undang. Saya setuju juga yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Puchong tadi, kerana Akta Kastam ini kita harus lihat balik soal *reward* memang ada dalam aktanya tetapi hanya kerajaan ambil balik.

Yang sebenarnya ini yang timbul masalah, saya hendak minta kerajaan kena kaji balik soal *reward* ini. *Reward* ini diberi kepada yang memberi maklumat dan juga diberi kepada kakitangan yang ditarik balik dalam masa 3, 4 tahun kebelakangan ini. Yang jadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kastam yang pangkat rendah. Mereka ini dahulu sudah biasa dengan *reward*. Kadang-kadang *reward* yang mereka dapat ini RM5,000 atau RM10,000 sebulan dan dia sudah dapat benda itu, bila kerajaan tarik balik *reward*, timbul masalah. Timbul masalah kerana Jabatan Kastam ini tidak ada larangan sebagaimana polis.

Polis walaupun dia pangkat besar, DSP ke atas ataupun bapa dia ini *millionaire*, mampu memberi anak dia yang jawatan polis ini kereta *Mercedes*, tetapi mengikut peraturan polis, “walaupun engkau pangkat besar, engkau tidak boleh menggunakan kenderaan *Mercedes* ataupun *Volvo* yang berkuasa tinggi”. Tetapi kastam tidak. Pangkat rendah, saya juga kenal, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nanti sekejap, belum habis lagi. Duduk sekejap. Saya boleh tunjukkan kepada kementerian, ada pegawai kastam yang gaji RM2,000, mempunyai rumah mewah, kereta tiga biji, isteri tidak bekerja. Saya juga kenal pegawai kastam yang gaji RM1,400 yang tidak mempunyai anak, isteri tidak bekerja, tetapi mengambil bank *loan* untuk rumah dia, sebulan bayar RM1,800.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bintulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sekejap. Yang Berhormat bagi Bintulu, bolehlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memanglah cukup sedih kita nampak perkara ini berlaku. Tetapi saya hairan juga dalam kastam punya masalah ini tidak nampak begitu hebat. Kalau polis punya rasuah RM50 atau RM100, heboh habis-habis. Kastam sekali masuk, ratus-ratus ribu, tidak ada apa benda pun. Kementerian Kewangan diam sahaja, tidak ada apa-apa tindakan yang serius diambil. Biarkan.

Tadi saya mahu bertanya ini, Yang Berhormat bagi Jasin, kastam-kastam itu ada kereta *Mercedes* ataupun *BMW*, mereka dapat dari mana – daripada kereta lelong ataupun rampas? Ada lagi, baru-baru ini kita dengar ada beberapa Ahli Parlimen dapat kereta lelong daripada kastam, itu 6, 7 orang, siapa dia? Sila tolong bagi sedikit senarai di Dewan ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya? Mahu tanya sekali?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya hendak menyampuk, Yang Berhormat, sambung daripada Yang Berhormat bagi Bintulu. Ini untuk kebaikan kitalah. Saya setuju pandangan tersebut. Saya ingat perlu dikaji balik. Janganlah hanya kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Masalah tentang kemudahan, kereta-kereta yang dirampas ini – ini pandangan sayalah, ini pandangan yang diberi – tidak semestinya oleh kerana hanya nila setitik, rosak susu sebelanga. Barangkali mungkin ada mereka yang layak untuk dipertimbangkan ke atas kereta-kereta yang dirampas ini untuk diberi kepada yang memohon, barangkali! Tidak perlulah oleh kerana apa yang berlaku, kita sudah ambil keputusan supaya kereta ini dilelongkan. Bagilah peluang. Tidak semestinya orang-orang politik. Mungkin juga kakitangan kerajaan yang lain.

Saya hendak sebut di sini tentang kakitangan kastam, pegawai rendah ini. Kita perlu tengok dan lihat kerja mereka memang teruk kadang-kadang. Tentang maklumat, dahulu ada *reward*, sekarang sudah tidak ada. Apa salahnya mereka yang dalam percutian, barangkali mereka dalam percutian itu mereka ada maklumat yang perlu diberikan. Ini kita mesti timbang. Bagikan balik mereka *reward* tentang segala maklumat yang diberikan.

Saya masih hendak sebut di sini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tentang saranan Perdana Menteri, sistem *delivery* dan birokrasi ini perlu kita atasi. Kita bercakap, Perdana Menteri bercakap tetapi masalah ini masih berlaku. Saya sendiri cuba mendapatkan penjelasan daripada seorang ketua jabatan untuk kepentingan masyarakat, saya tidak dilayan. Pegawai negeri menyebut beliau berada di luar negara, akan menelefon saya balik, sampai hari ini tidak pernah menelefon saya balik. Saya tidak mahu menyebutlah daripada jabatan mana.
[Disampuk]

Faham sahajalah. Maknanya selain daripada Jabatan Kastam, kita juga ada agensi-agensi penguat kuasa yang lain. Jadi inilah gambarannya. Kalau kita sendiri tidak dilayan untuk

mendapatkan penjelasan atau penerangan, bagaimana masyarakat yang lain di bawah ini untuk...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin sudah tidak sabarlah, sudah bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...mendapatkan maklumat yang tepat. Jadi saya mintalah supaya kementerian berkenaan melihat supaya tidak berulang kali kita apabila membahas, berdebat dalam akta yang dibawa ke Parlimen ini, masih bercakap perkara yang lama dan yang serupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak menjawab Yang Berhormat bagi Bintulu tadi. Itulah sebabnya kenapa kita tolak IPCMC yang dituju khas kepada polis sahaja. Yang masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan polis sahaja. Kastam ini sedikitkan masalah dia? Agensi-agensi lain? Jadi itulah sebabnya kita minta kerajaan kaji. Jangan dengar desakan daripada pembangkang, hendakkan IPCMC, suruhanjaya untuk polis. Habis, masalah kastam yang kita hadapi pada hari ini adakah kita hendak adakan satu suruhanjaya khas pula untuk hendak mengkaji kastam yang mana hasil negara banyak hilang. Oleh yang demikian saya berharap kerajaan kena kaji balik dan kita buat satu gaya *ombudsmen* yang merangkumi polis, kastam, JPJ dan semua pihak penguat kuasa ini, jangan dituju khas kepada polis sahaja. Tidak adil!

Yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu dan juga yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, ini syor daripada Jawatankuasa supaya kereta-kereta yang dirampas oleh kastam ini dilelong awam dan permintaan daripada kita di dalam Dewan ini juga kerana apa gunanya kereta kononnya dijual kepada khas ataupun diberi keutamaan kepada ahli-ahli politik sebagaimana yang disebut dalam surat khabar yang lepas.

Daripada 159 buah kereta yang dijual kepada individu hanya tujuh buah sahaja kepada orang politik. 152 diberi kepada rakan-rakannya sebagaimana yang saya dakwa. Tujuh sahaja kepada orang politik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hanya saya minta yang nama-nama tujuh orang ini, saya bukan seorang menteri Yang Berhormat. Kita mintalah kementerian menjawab yang tujuh orang ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Wah! Ini hari ada baiklah sebab ada Setiausaha Parlimen, tidak sakit. Semalam dia sakit, lewat datang, Dewan tangguh 15 minit.

Saya hairanlah, patut kita ada satu Timbalan Menteri yang jaga Kastam, betul tak Setiausaha Parlimen?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana itu Timbalan Menteri pergi? Mana itu Yang Berhormat bagi Raub pergi? Tak nampak pun? Selalu minta Setiausaha Parlimen, bukan kita jawab tidak boleh. Tetapi kasihan, kalau tidak, kata sedikit pening, jadi mana dia jaga?

Saya mahu tanya ini, saya dengar ada satu Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat kereta lelong dua biji.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Huh! Huh!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah menunjukkan satu kelemahan kita sebagai ketua jaga Kastam. Tetapi kita tidak tunjuk *leader by example*. Semua barang lelong kita pun mahu. You sebagai ketua kenapa tidak menunjukkan satu - *leader by example*. Yang contoh baik, ya?

Kenapa ini boleh berlaku dalam Kementerian Kewangan? Itulah tadi saya kata Kementerian Kewangan tidak mengambil tindakan berat. Inilah rakyat selalu bagi tahu dan marah kita, kata kita kalau ada kepentingan untuk orang politik memang tindakan tiada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berucapakah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekali-sekalilah. Ini mustahak sebab mahu bagi tahu, saya mahu tanya pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak tanya, hendak tanya boleh tetapi jangan berucap.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak berucap, tetapi mahu tanya sedikit.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hah, ini kacau, nanti idea habislah?

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa kacau?

Seorang Ahli: Siapa kacau.....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta ampun.. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tertarik ya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, inilah kita mesti menunjukkan satu tindakan yang serius kepada rakyat terutama sekali Kementerian Kewangan. Banyak perkara berlaku isu-isu atas Kementerian Kewangan, tindakan keras tidak ada. Ini memang tunjuklah memanglah tunjuk semua kepada rakyat. Ini memang kita takut ambil tindakan mungkin ada orang terlibatlah, cakap kita selalu tidak serupa bikin. Minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya ini memberi saya kerja yang amat berat. Tetapi walau macam mana pun Tuan Yang di-Pertua, saya kira Kementerian Kewangan lebih arif daripada saya.

Tetapi yang sedih itu, mengapa orang politik dapat nama busuk! 159 buah kereta yang diberi hanya tujuh buah sahaja kepada orang politik, tetapi nama orang politik ini dibusuk-busukkan. Surat khabar muka surat depan, orang politik tidak boleh lagi membeli kereta khas daripada Kastam. Walhal orang politik berapa *percent* sangat sahaja yang dapat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak minta juga, hendak minta supaya siasat balik dan minta Dewan yang mulia ini senarai penuh 159 orang ini siapa dia dan harga yang ditawarkan. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baru balik dari London.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *No, no, no, no. I am locally born ... [Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik, kelmarin saya baca dalam akhbar Utusan, dia kata ini masalah nasib orang politik Yang Berhormat. Dia kata, orang politik, ini Utusan temu duga dengan masyarakat, guru, pemandu teksi dan sebagainya. Dia kata orang politik tidak layak menjadi Datuk Bandar, bandar Kuala Lumpur, saya terbaca dan saya berasa sedih.

Saya ini mudah sedih Tuan Yang di-Pertua dan juga mudah *hot* tetapi sedih banyak daripada *hot*. Saya berasa sayu sedangkan saya fikirkan kemerdekaan negara kita ini kerana orang politik. Menteri-menteri orang politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fahamkah sekarang apa bil yang kita bangkitkan? *[Dewan riuh] [Disorak]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Menteri yang menjaga Kastam orang politik.... *[Dewan semakin riuh] [Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kastam?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Datuk Bandar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Tetapi pasal saya hendak kaitkan balik tadi, kadang-kadang hendak menunjukkan yang orang politik ini begitu jahat, begitu jahilnya, begitu tidak amanahnya, begitu tidak cekap. Sedangkan orang lain mengambil kesempatan. Kalau 150 lebih

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, ini *floor* Yang Berhormat bagi Jasin. Kalaulah 150 lebih yang mendapat, kemudian orang politik hanya tujuh tetapi di *highlight*kan orang politik seolah-olah mendapat lebih daripada tujuh. Ini menjatuhkan Tuan Yang di-Pertua, menjatuhkan maruah kami orang-orang politik.

Orang politik bukan bodoh. Orang politik cerdik Tuan Yang di-Pertua. Kalau bodoh kita tidak duduk di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Buat undang-undang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita menggubal undang-undang. Tok hakim itu menjalankan undang-undang yang kita gubal. Pegawai-pegawai menjalankan undang-undang yang kita gubal. Bermaknanya yang menggubal itu lebih bijak daripada yang menjalankan tugas. Pasal ini idea daripada kita tetapi kita bukanlah hendak marah. Tapi janganlah kalau guru sendiri pun menjadi guru itu adalah kerana atas perjuangan politik, akhirnya mengatakan orang politik tidak layak.

Ini menghina orang politik Tuan Yang di-Pertua. Menghina orang politik, menghina Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang politik juga.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Hendak jaga masyarakat siapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak jaga masyarakat siapa? Yang Berhormat bagi Arau, orang politik.

Seorang Ahli: Pegawai kerajaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pegawai kerajaan menguruskan, macam kata kelmarin, kita kena pakat. Tetapi rakyat kena faham. Pemandu teksi dia kata tidak layak juga orang-orang politik jadi [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Persoalannya..... [*Disorak*]
Adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju dengan pandangan saya bahawa janganlah menghina orang politik. Jangan meletakkan apa juga kesalahan kepada orang politik sedangkan orang politiklah yang meletakkan negara kita merdeka pada hari ini. Orang politiklah yang memberikan anak-anak yang di atas itu belajar di sekolah pada hari ini.

Orang politiklah yang membina negara ini bersama-sama dengan pegawai-pegawai kerajaan tetapi janganlah menghina Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Orang politik paling tinggi ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.... [*Mengetuk-ngetuk meja*] Maksudnya walaupun kami ini boleh bertolak ansur tetapi jangan terlalu menolak. Sebelum kami tersungkur, kalau kami bangun, tidak cukup tanah hendak lari Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setuju atau tidak setuju Yang Berhormat bagi Jasin. [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju sangat Yang Berhormat bagi Jerai. Tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Jerai..... ini Kastam jangan kena macam saya dahulu, lima hari muka surat depan. Ingat! Kena dekat saya tidak mengapa kerana saya dalam apa keadaan pun saya akan hadap kerana kita hendak kebenaran dan ini ialah masalah rakyat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau kita tidak kemukakan, orang politik tidak kemukakan masalah rakyat, siapa lagi yang hendak kemukakan? Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jasin, saya meneliti ucapan Yang Berhormat tadi tentang kualiti kereta-kereta yang dirampas. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, sebelum ini kita pernah membincangkan kenapa Kastam perlu menggunakan kereta peronda BMW. Jawapan yang digunakan Kancil tak laju, jadi susah untuk mengambil tindakan terhadap penyeludup. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, penyeludup ini kalau menyeludup dengan lori kita tidak perlu menggunakan BMW. Jika begitu polis perlu menggunakan Rolls-Royce ataupun kereta lebih laju, Ferrari. Saya hendak meminta pandangan Yang Berhormat dimanakah logik dan kewajarannya perkara ini dan kedua tidak bolehkah kita menjual kereta ini untuk menambah hasil kerajaan. Itu mungkin satu perkara yang patut dilakukan oleh Kastam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Ayer Hitam. Yang ini saya kena sokong Kastam kerana dia pakai BMW ini kerana mengikut peraturan JPJ. Mana enjin-enjin yang telah diubahsuai dan agak sudah bertukar enjin tidak boleh didaftarkan. Daripada kereta BMW ini buruk, tidak boleh didaftarkan dan tidak boleh dijual kepada awam, lebih baik jabatan pakai. Ini yang dibuat, yang kereta-kereta BMW yang dipakai oleh Kastam tidak boleh didaftarkan. Yang mana boleh didaftarkan akan dilelong kepada orang ramai.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Tanya sikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Batu Pahat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [*Bangun*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*] [*Dewan gamat*]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bila sebut kata kereta-kereta dipakai disebabkan BMW dia punya *chassis*, nombor enjin semua ditukar

jadi saya hendak kepastian jugalah, mungkin Yang Berhormat lebih arif bila berkaitan dengan Kastam, siapa yang tukar ini. Ditukar oleh pembeli ataupun ditukar oleh pihak-pihak tertentu, mungkin tahu lah kot..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini yang pernah saya bercakap kepada jawatankuasa yang saya menghadapinya. Saya minta supaya kereta-kereta yang ditahan oleh Kastam, yang dirampas oleh Kastam, jangan letak di dalam halaman Kastam kerana kita dah ada sekarang *private warehouse*, too warehouse, apa *warehouse* yang boleh jaga kereta. Kalau letak dekat Kastam, ya..alamat *chassis* bertukar, apa bertukar, lebih-lebih lagi sekarang kereta-kereta Mercedes yang baru ini ada komputer. Komputer akan hilang disimpan oleh seseorang, akhir sekali apabila nak buat dilelong, oleh kerana komputer dah hilang harga tak dapat yang tinggi, kerajaan pun akan rugi. Bila orang itu dapat dengan harga rendah oleh kerana komputer tidak ada, komputer yang disimpan tadi akan dikeluarkan balik. Ini masalah yang kita hadapi tadi...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Assalamualaikum.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan, Labuan. [*Dewan gamat*] [*Ketawa*]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan-pandangan yang diberikan daripada sahabat-sahabat dan juga Yang Berhormat bagi Jasin, untuk pertama kalinya menyokong Kastam pasal [*Ketawa*] penggunaan kereta BMW itu. Saya nak rekod, *for the record* Tuan Yang di-Pertua, *I think* bukan semua *bad apple* sebenarnya, ada *apple* yang bagus. Untuk rekod, saya tujuh tahun jadi Yang Berhormat, *my working relationship* dengan Kastam *very good* di Labuan. Tetapi saya tertarik di sini, tertarik kerana Yang Berhormat bagi Bintulu menyebut ada Timbalan Menteri dapat dua biji kereta dan beliau pula sentuh tentang *leadership by example, this interest me*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jadi kita mencadangkan, saya hendak meminta pandangan Yang Berhormat bagi Jasin, sahabat saya. Tadi kita mencadangkan ada 7 daripada 150 lebih, kita minta supaya Kementerian Kewangan senaraikan seperti Yang Berhormat bagi Jasin katakan tadi, seluruh yang menerima kereta-kereta lelong berserta dengan harga tawaran. Soalannya ialah saya ingin minta penjelasan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan sulit, sulit, senaraikan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Kalaulah benar ada Timbalan Menteri, ada orang dalam Kastam, ada TKSU kementerian dan sebagainya terlibat mendapat kereta-kereta lelong dan *deprive* orang awam yang juga turut serta, ini kena merekod ke dalam, saya nak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Setujukah Yang Berhormat jika ini berlaku dan ada *element conflict of interest*, kerajaan ambil balik kereta tersebut walaupun dia Timbalan Menteri, kalau tidak ambil tindakan kepada mereka yang menyalahgunakan kuasa sehinggakan mempamerkan satu imej yang buruk tentang Kastam. Seperti yang saya katakan tadi, bukan semua orang Kastam jahat. Bukan semua orang Kastam terlibat dengan rasuah dan sebagainya, tidak. Jadi

bagaimana yang tidak terlibat, secara *morally* mereka *down*, jadi *we have to protect* yang tak terlibat. *So, we must catch those* yang terlibat termasuklah Timbalan Menteri ini, jika dia menyalah guna kuasa, ambil tindakan, kalau perlu lucut, lucutkannya.. setuju?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya amat bersetuju permintaan Labuan ini kerana, kerana warga Kastam pun telefon saya, tok dia pun menunggu-nunggu kerana selama hari ini orang pandang sinis kepada warga Kastam yang lain-lain. Yang buat kerja ini yang atas-atas... yang bawah semua baik... [*Dewan gamat*] [*Tepuk*] ..dia pun tak dapat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*] [*Dewan gamat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara Yang Berhormat. Pertama, apabila diminta senarai kementerian kata atau Kastam kata sulit. Apa yang sulit? Menipu sulitkah? Jadi saya mahu minta Yang Berhormat, minta kepada kementerian senaraikan, jangan ada sulit, sulit, tiada sulit dalam penyamun yang dilaksanakan, ini perompak nama dia, kereta harga RM400,000 dia bagi RM40,000. Dia kata untuk orang politik, apa politik?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Perompak siang hari.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...curang, dia guna orang politik. Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat, Kastam sudah canggih, guna BMWlah, apalah tapi penyeludupan berleluasa. Mana kecanggihan dia? Memang semua bukan pegawai-pegawai Kastam itu rasuah, tetapi memang banyak yang rasuah. [*Dewan ketawa*]. Tarik tabir pun sudah rasuah, apa lagi. Kalau tiada rasuah, minuman yang murah tidak ada berlaku, rokok berlonggokan di tepi jalan tidak akan berlaku... macam mana boleh lipas... minta penjelasan...

Seorang Ahli: Lipas tu apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Jasin ada setuju atau tidak. Kalau kita boleh dapat itu senarai-senarai keluar di Dewan yang mulia ini, ini bukankah boleh menunjukkan satu kepada rakyat, siapa salah guna kuasa, orang politik ke ataupun segelintir pegawai kerajaan. Pasal kita selalu kena tuduh. Kita orang politik selalu salah guna kuasa, semua MP dapat, jadi satu lagi saya mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, kita ini kereta tadi kata nak sewa itu *private go down* itu semua tempat simpan kereta itu, tak usah kata itu *go down*, dalam itu Kastam *yard* itu semua mana-mana kalau Kastam ada simpan barang, selalu saya terima aduan ataupun complain daripada orang pengimport. Selalu pada masa dia mahu pergi ambil itu barang memang tetap kotak itu akan bocor, kereta tiada komputer, itu CD ka, semua, ..[*Disampuk*]..bukan rosak, hilang terus! Kenapa boleh berlaku ini? Mana itu Kastam punya

penguat kuasa, mana pergi? Tadi kita kata, mahu itu Kastam mahu guna itu BMW yang laju, sekarang tak payah BMW punya, macam mana itu barang pun boleh hilang? [*Dewan gamat*] Jalan kaki pun boleh jaga, mana pergi? Minta penjelasan daripada Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin boleh jawab dan terus sambung semula ucapan pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.00 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung ucapan saya dengan menjawab perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi berkenaan dengan penggunaan kereta-kereta kuasa tinggi yang dimohon ataupun yang digunakan oleh Kastam, seperti BMW dan yang terbaharu ini Kastam juga menggunakan *Naza Sorento*. Sama standard dengan Yang Berhormat bagi Jerai sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat. Saya beli *Sorento* dengan *loan* kerajaan, saya gunakan pinjaman kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, saya tidak cakap.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak tender. [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak cakap, itu bukan tender. Yang Kia *Sorento* ini pun dibeli oleh Kastam di pasaran, beli khas. Tetapi apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, walaupun dengan kereta-kereta yang berkuasa tinggi tetapi penyeludupan masih berleluasa. Macam dakwaan saya dan saya mendakwa sekali lagi. [*Disampuk*] Merata! Di bandar baik, di kampung baik penyeludupan rokok-rokok seludup ini merata-rata.

28% daripada pasaran rokok di dalam negara pada hari ini adalah daripada rokok yang di seludup dan saya tegaskan sekali lagi kenaikan harga rokok, cukai rokok di belanjawan tahun sudah harapan kerajaan dengan kenaikan harga cukai ini kerajaan akan memperoleh RM800 juta, yang menjadi mangsa orang macam saya, perokok. Macam Yang Berhormat bagi Sri Gading yang perokok yang menyumbang kepada kerajaan. Tetapi malangnya kalau sudah 28% daripada pasaran rokok ini dikuasai oleh rokok-rokok seludup, akhirnya kerajaan kerugian RM244 juta.

RM244 juta kalau diberi kepada semua ahli-ahli wakil rakyat, Yang Berhormat –Yang Berhormat semua kita boleh menyelesaikan banyak masalah kita di luar bandar. Jalan-jalan kampung ratusan kilometer yang kita dapat bina. Bukan begitu! Tetapi malangnya, walaupun kereta-kereta yang berkuasa tinggi digunakan, sampai hari ini saya menunggu dalam akhbar, saya menunggu di berita-berita televisyen, berapa ramaikah, berapakah orangkah penyeludup-penyeludup rokok ini yang telah ditangkap oleh pihak Kastam dan didakwa di dalam mahkamah.

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau hendak tengok masalah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kelihatan ceria pada petang ini. Maknanya tubuh badan Tuan Yang di-Pertua memang sihat. Yalah pemain golf jadi dia cerialah. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Jasin....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat main *golflkah?* *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita bersembang di '*coffee room*'. Kadangkala.... *[Disampuk]*. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan melalui akhbar penangkapan penyeludupan rokok, rampasan di buat kepada tongkang-tongkang, bot-bot yang membawa rokok, malangnya nakhodanya tidak ada. Tekong dia tidak ada. Ada kenyataan yang menyatakan, orang katalah ini, ini kata orang, saya tidak tengok tetapi Yang Berhormat bagi Jasin berpengalaman *[Ketawa]* katanya sudah lepas 20, 30 tongkang. Tangkap satu, dua untuk menunjukkan tindakan telah diambil. Tetapi malangnya tekong ini tidak ada. Jadi, apakah ini salah satu lagi '*kong kali kong*'. *[Ketawa]* Tidak tahu maknanya, kalau Yang Berhormat bagi Jerai tahu maksud '*kong kali kong*', dengan izin. Jadi, megahlah kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai ini Yang Berhormat bagi Jasin punya ucapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Jerai, jangan. Ini *floor* Yang Berhormat bagi Jasin, bukan *floor* Sri Gading,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak memperjelaskan '*kong kali kong*' *[Ketawa]* tetapi sudah *floor* orang lain, tidak boleh. Saya ikut peraturan, terima kasih. Kalau tidak penjelasan yang cukup baik, '*kong*' itu apa, '*kali*' itu apa, '*kong*' itu apa. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Nang boo tinang, lah. [Ketawa]* Jadi nampak ada tangkapan, nampak ada kerja dibuat. Sudah lepas 20, 30 tongkang. Nilainya saya tidak tahu. Tangkap, tekong tidak ada, jadi macam ada wayang gambar di sini kerana tongkang yang ditangkap. Selepas itu, rokok-rokok yang diseludup ini berapa banyak, ke mana pula selepas itu. Ke mana pula? Saya akui, macam juga kawan-kawan yang lain juga bercakap, Yang Berhormat bagi Jasin juga bercakap, anggota Kastam Diraja ini ramai yang baik-baik, ramai yang setia, ramai yang begitu komited dengan tugas dan tanggungjawab. Kita tidak nafikan tetapi segelintir ini boleh menyebabkan bolos. Apa itu Yang Berhormat bagi Jerai, bolos? Teres, bocor. Bocor yang besar kepada pendapatan negara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ketirisanlah, Yang Berhormat. Ketirisan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak dapat menyebut perkataan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ia bocor. Jawa kata apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dari sekolah – Johor ini Jawa, jadi bolos.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Jasin. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima teguran Tuan Yang di-Pertua yang ikhlas itu. Yang Berhormat bagi Jasin punya *floor* ini, saya tujulah kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Tetapi Yang Berhormat bagi Jerai ini suka mencelah-celah. Tetapi hendak diapakan, fiil dia macam itu. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Budaya kita orang Melayu, budaya Malaysia ini kalau orang tanya kita kena jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya terpaksa menjawab kalau Yang Berhormat tuju kepada saya. Nanti tidak menghormati orang tua-tua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat bagi Sri Gading habiskanlah. Yang Berhormat bagi Jasin yang punya, nanti Yang Berhormat sudah berucap panjang. Tanya Yang Berhormat bagi Jasinlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam ini tadi, yang dikatakan ada 159 buah kereta, tujuh sahaja kepada Ahli Parlimen. Dua daripada tujuh itu katanya Timbalan Menteri. Wallahuallah. Dengar kata Timbalan Menteri yang jaga Kastam pula. Astaghfirullahalazim. Ini apa yang diperkatakan! Senarai ini Setiausaha Parlimen yang menjawab ini. Setiausaha Parlimen hendak kena jaga-jaga sikit. Jangan hendak melindungi sesiapa, engkau pula aku tala esok. *[Ketawa]* Lebih baik selamatkan diri saja. Pasal ini pergi

jauh ini. Kalau Timbalan Menteri boleh menyeleweng, boleh menyalahgunakan kuasa, kita minta Perdana Menteri pecat saja. Ramai ini, yang ada dalam Parlimen ini yang layak. *[Disampuk]*

Ha, ini Yang Berhormat bagi Kota Belud, kus semangat! Yang Berhormat bagi Jerai pun kus semangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Serdang pun boleh! Macam-macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat bagi Gelang Patah pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah. Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya patuh, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kadang-kadang orang bercakap saya ini jadi 'Ahli Parlimen Kastam'. Hanya saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, saya berniaga sebagai ejen perkapalan (*shipping agent*) dan penghantaran. Pejabat saya di dalam Kompleks Kastam Negeri Melaka sejak tahun 1991. Lebih daripada 15 tahun.

Jadi, kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading dengar cerita-cerita macam ini, saya ingat kalau hendak ceritakan seribu satu malam pun tidak habis. Kadangkala tergerak di hati saya, jangan supaya kerajaan mengadakan Suruhanjaya Diraja untuk polis sahaja. Jangan diadakan IPCMC untuk polis sahaja. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan terpaksa tubuhkan juga satu suruhanjaya untuk Kastam *[Tepuk]* kerana kita tidak mampu lagi hendak melihat ketirisan hasil negara.

Saya bertanya kepada kementerian, sesi yang sudah, 10 soalan yang dikemukakan untuk anggota Dewan, saya tanya 10 soalan untuk Kastam. Kesepuluh-sepuluh soalan saya tujukan kepada Kastam kerana saya rasa bertanggungjawab. Hari ini kita diuar-uarkan negara kita menjadi *trading nation*. Tahun sudah kita berjaya dalam import-eksport sebanyak RM967 bilion dan insya-Allah pada tahun ini RM1 trilion lebih. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan lihat buku Kastam, cukai yang paling murah ialah 5%. Kalau kita pergi dalam AFTA, yang mana kita katakan bahawa kita kurangkan cukai tetapi cukai eksais kita naikkan. Macam mana pun kerajaan dalam kewangan kita, tendang terajang 5% itu tetap ada. Tetapi macam mana RM967 bilion cukai hanya dikutip RM25 bilion. Tahun 2004 - RM25 bilion, 2005?

Sepatutnya dengan kenaikan perdagangan negara yang naik begitu mendadak seharusnya kita kena kutip cukai lebih daripada itu. Tetapi belanjawan tahun sudah yang

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita naikkan cukai rokok, kita naikkan lagi macam-macam cukai, 'sin taxes' semua kita naikkan. Kita memperkuatkan lagi pula *sales tax*, kita wajibkan hotel-hotel dengan *sales tax* sehinggakan kedai-kedai dekat *highway* pun kita minta di *collect sales tax*, tetapi mana *tax tax* ini? Ke mana perginya?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Kalau di rumus persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jasin ini pada *element under declaration* yang berlaku, saya ingin mengimbas satu perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Penampang di Dewan ini pada sesi yang lalu terhadap satu syarikat yang bernama Magnifying Sdn. Bhd. yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah dalam kedudukan Kota Kinabalu Industrial Park di Menggatal. Syarikat ini mengimport beg poly dan juga beg simen. Tetapi ramai yang mengetahui bahawa cukai yang dikenakan oleh Kastam di bawah *tax under declaration* dan tentulah banyak wang kerajaan yang terlepas daripada Syarikat Magnifying Sdn. Bhd. ini.

Ini sudah dibawa ke dalam Parlimen ini pada sesi yang lalu tetapi nampaknya masih bergerak cergas di Kota Kinabalu, Sabah. Kita hairan kenapa tidak ada tindakan yang diambil oleh Kastam terhadap syarikat ini yang secara nyata ada laporan polis, melakukan *under declaration* tetapi masih bergiat cergas dalam perkara ini. Yang Berhormat bagi Jasin, adakah Yang Berhormat melihat bahawa perkara ini harus disiasat oleh Jabatan Kastam?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya mahu sambung sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah sikit tentang apa yang diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Beluran. Pemilik syarikat ini telah berjumpa dengan saya mengenai kawan dari Taiwan. Dia buka ini melalui program *Malaysia My Second Home*. Dia buat duit di sini - Malaysia, buat pelaburan di sini, dia berbelanja sudah berjuta-juta ringgit untuk membantu perindustrian di negeri Sabah. Beliau telah menyediakan pekerjaan bagi budak-budak kita yang sedang menganggur. Tetapi malangnya bila dia mengeluarkan beg-beg poly ini atau nama sainsnya tidak tahu - beg gula, beg simen itulah. Dia mengeluarkannya harga pengeluaran kos dengan harga 90 sen.

Tetapi apa yang terjadi, ada satu syarikat lagi yang mengimport beg-beg ini yang mana dia sendiri tahu berapa kos pengeluaran di Taiwan lebih mahal kosnya daripada kos yang dia keluarkan di Sabah. Tetapi ada satu benda, ini betul atau tidak, kalau dia mengimport sebanyak 10,000 beg-beg itu dia hanya kena *declare* 1,000. [Disampuk] Bagaimana tidak dapat untung!

Jadi, orang yang betul-betul ikhlas membantu kita perindustrian kita gagal. Dia tidak lama lagi tutup. Jadi, bagaimanakah satu cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin kita dapat mengatasi, kita dapat menyekat supaya perbuatan seperti ini tidak berlaku lagi.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Penampang bangun.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Ini perkara yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya mohon maaf kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah berucap Yang Berhormat. Buat penjelasan.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: ...Dewan yang mulia ini dengan kementerian kerana tidak hadir dalam sesi soal jawab pagi tadi.

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya apa yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi itu, Syarikat Magnifine Sdn. Bhd. ini adalah syarikat yang berada, bertapak di Tawau dan penyeludupan, *under declaration* yang disebutkan tadi itu berlaku di Tawau Port. Sebenarnya dalam masa satu setengah tahun ini, saya telah mengadu kepada pihak-pihak tertentu termasuklah Jabatan Kastam, termasuklah BPA, termasuklah MIDA. Tetapi jawapan yang saya dapat setakat ini adalah mereka di bawah penyiasatan, *investigation* dengan izin. Yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, Magnifine Sdn. Bhd. ini masih lagi beroperasi, masih lagi memegang pasaran beg *polypropylene* ini, beg yang digunakan untuk simen, beg yang digunakan untuk *fertilizer* dengan izin.

Jadi, masih lagi memegang 7% daripada pasaran yang spesifik di Sabah ini iaitu 2.2 milion beg sebulan. Jadi apa yang kita tidak mengerti ini, tidak ada penjelasan, tidak ada tindakan dari pihak Kastam. Dalam Dewan ini, sudah ternyata Ahli-ahli Parlimen sangat-sangat prihatin kepada masalah ini. Apakah Yang Berhormat bagi Jasin setuju bahawa kementerian dan Jabatan Kastam ini mengadakan dialog khusus secara terbuka dengan Ahli-ahli Parlimen, kerana jika kita berhujah di Parlimen, berbahas di Parlimen, jawapan singkat sahaja. Apabila kita menulis surat, jawapan yang diterima dalam penyiasatan. Tiada penyelesaian, tiada ketelusan hati. Bagaimana Yang Berhormat bagi Jasin? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Hendak cakap salah, tidak cakap pun salah. Tetapi tidak ada saya cakap pun, umum sudah tahu dah. Umum sudah tahu. Ini ada 'kautim' itulah. Masalah 'kautim' ini. Ada kira. Ada kiraan. Ini yang jadi persoalan sekarang. Yang dapat nama, anggota kastam yang berpangkat rendah. Yang untung duit, yang pangkat atas. Sudahlah dalam bab itu dia untung, yang kereta murah, saya berani cabar Kementerian Kewangan, nama 150 ini, kebanyakan pangkat dia Pengarah,

Penolong Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah. Yang terbaru Timbalan Ketua Pengarah pencen S280 RM40,000 sahaja. Pasaran dia RM300,00.

Beberapa Ahli: Ooh!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak sebut nama pun saya boleh sebut nama.

Seorang Ahli: Sebut, sebut.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Relax*. Nama dia lebih kurang dengan nama Speaker kita juga. [*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*]. Kalau sudah orang pencen hendak pakai S280kah orang sudah pencen? Gaji sudah tinggal separuh. Mana mampu. Jawabnya dia akan jual balik RM300,000 masuk bawah. RM300,000 untung. Tetapi pernahkah tidak Kastam memikirkan kakitangan di bawah ini? Yang duduk di lapangan, yang berpanas, berhujan, risiko nyawa dan sebagainya. Tidak, dia tidak fikir itu semua. Yang atas-atas sahaja. Itulah sebabnya saya tegur lagi daripada dahulu dan hari ini saya ulang balik. Satu *reshuffle* besar-besaran harus berlaku di Jabatan Kastam ini. Kalau tidak, penat kita. Ketirisan hasil yang begitu besar, wang pembangunan negara tertiris banyak. Kerana pada hari ini, saya hendak beritahu dengan Menteri, 80% daripada kalangan warga Kastam hari ini bekerja dengan hati yang gundah-gulana, tidak seronok bekerja.

Selepas itu, ucapan-ucapan yang terbaru daripada Ketua Pengarah lagi. Nanti orang kata saya bermusuhan dengan Ketua Pengarah. Apa kata dia depan khalayak kakitangan dia. 9 bulan dia jadi Ketua Pengarah, dia pun sudah puas menepis, inilah masa dia untuk menikam. Bayangkan kalau ketua jabatan sebut macam itu, hendak menikam siapa? Hendak menikam Ahli Parlimen Jasin? Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ooh!.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi hendak menikam kakitangan, bagaimana kakitangan dia yang begitu besar dapat menjalankan kerja dengan amanah, dengan kerja yang betul supaya dapat mengutip hasil-hasil untuk negara. Saya tengok di Jasin, mungkin kedai ikan bakar di Umbai. Bayangkan sederet kedai, hanya satu kedai yang dia kena *sales tax*. Bolehkah macam itu? Satu kedai sahaja dikenakan *sales tax*? Yang lain tidak kena. Agensi saya, saya seorang sahaja yang bayar *sales tax*, yang lain tidak perlu bayar. Mengapa ada pilih kasih ini? Mungkin dengan Ahli Parlimen bagi Jasin ini tidak dapat hendak di'kautim'. Itu mungkin.

Jadi kita berharaplah, kita berharap supaya warga-warga Kastam kita ini dapat bekerja dengan lebih baik, dengan suasana yang lebih bagus, dengan keadaan hati yang senang, hati yang gembira, supaya hasil masuk negara ini, masuk terus dalam kantung negara. Baru kita tidak hendak dengar lagi dengan adanya *under declaration*, kita tidak hendak dengar lagi. Klon AP. Ini AP punya cerita. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini AP, dahulu kita heboh AP RM20,000, RM30,000 tetapi *market* pada hari ini AP ada syarikat-syarikat tertentu, dia

punya AP itu harga dia lebih daripada RM60,000. RM60,000 AP sahaja. Jadi orang yang dapat AP pada hari ini, apa guna lagi hendak berniaga kereta? Jual AP sahajalah, AP kereta. Itulah sebabnya pada hari ini lambakan kereta berlaku di dalam negara. Yang RM60,000 punya AP ini ada syarikat-syarikat tertentu, yang mana satu AP ini boleh pakai dua, tiga kali. Sepatutnya satu AP ini boleh bawa masuk satu biji kereta sahaja tetapi oleh kerana dia ada orang kuat, satu AP ini boleh guna tiga kali.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini berlaku. Kementerian siasat. Kalau perlu, adakan satu menteri khas untuk menjaga Kastam ini, kita wujudkan. Sebelum 'nasi menjadi bubur' kata orang. Kalau Menteri sudah "kong kali kong", wallahualam, saya tak berani nak cakap. Itu Yang Berhormat bagi Sri Gading cakaplah. *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat bagi Sri Gading cakap. Tetapi kita pandang, yang dikejar ini, yang menjadi hal kepada saya Tuan Yang di-Pertua, bab Kastam ini dahulu, itu yang saya mempertahankan sampai hari ini. Yang dok kejar kayu ini fasal apa? Kayu ini, kerajaan bukan rugi apa-apa. Bukan lari cukai. Tidak ada cukai untuk kayu. Tidak ada cukai. Yang pergi kejar beria buat apa? Yang kita rugi gudang garam, yang kita rugi rokok-rokok. Yang *smuggle* ini berapa ratus juta, pergilah kejar.

Habis kita nak marah! Nak marah, Menteri Sumber Asli! Dia nakkan kayu, fasal hari ini banyak kerajaan negeri tidak keluarkan lesen kayu, lesen hutan baru. Banyak *sawmill* tidak ada kayu. Itu sebabnya kita tengok akhir-akhir ini, banyak pengusaha-pengusaha kayu Tuan Yang di-Pertua, pergi mencuri di sini, curi di sana. Tebang liar, itu yang liar. Lepas itu Sumber Asli bising pula. *Environment*, bukit kau gondolkan buat apa? Yang ini balak ke negeri kita, kita tidak mengajak, dia datang nak jual? Ratus tahun! *Barter trade* ada dekat Melaka ini, beratus tahun! Suka tidak suka, dia datang bawa kayu. Yang kita persulitkan, kenapa? Persulitkan mengapa? Nah, ini baru dia keluar lagi *circular* daripada Ibu Pejabat Kastam, kes-kes melibatkan pengimportan dan pengeksportan kayu balak. Saya sudah terangkan. Kita pun tahu balak ini dah diharamkan yang kita bawa pada hari ini, yang orang dok bawa, yang pelabuhan Kuala Linggi dok ambil ini, kayu gergaji!

Jadi, saya mintalah, kementerian yang terlibat MTIB, oleh sebab kastam ini tidak kenal mana satu kayu balak, kayu gergaji? Yang kenal kayu balak, kayu gergaji ini, hanya MTIB, mintalah dia hantarkan pegawai MTIB ini stesenlah dekat pelabuhan-pelabuhan yang masuk balak ini. Kerana orang kastam, dia dah tidak kenal lagi dah. Kelabu biji mata dia. Mana satu kayu balak, mana satu kayu gergaji pun dia tidak kenal. Hantar *circular*, kayu balak lagi. Dapat pula nasihat macam-macam. Kes-kes melibatkan pengimportan balak, eksport kayu balak. Kita sudah tidak ada balak dah. Yang dibawa masuk hanya kayu gergaji. Hanya yang hari itu, yang saya minta tutup mata sebelah itu, saiz sahaja! Saiz terbesar sikit. Tak boleh ke? Benda bukan rugi! Menguntungkan negara. Kerana industri perabot pada tahun sudah sahaja, menyumbang sebanyak RM7 bilion!! Kalau kita dah tidak ada kayu, macam mana nak buat perabot?

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Minta laluan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila. Menteri minta laluan? Bukan main lagi kah?

[Dewan riuh ketawa].

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih. *[Ketawa].* Tidak, saya nak tanya Yang Berhormat sahaja, yang kata bergergaji itu, betulkah tidak, yang bergergaji itu maknanya mereka hanya buang kulit sahaja? Dia tarah kulit dan dia istilahkan sebagai bergergaji. Bukan sebenarnya kayu itu dibelah empat secara bergergaji? Jadi, tolong beri penjelasan di mana Yang Berhormat lebih faham.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Gergaji itu, bila belah dua itu pun dah kira gergaji. Kerana kayu yang bawa masuk daripada Malaysia, yang banyak bawa masuk di pelabuhan ialah kayu jenis bintangor. Bintangor ini, dia boleh naik lebih kurang 12 inci sahaja. Kalau dah besar lagi, dia sudah buruk. Batang buruklah, dia buruk tengah. Berlubang. Jadi, kalau sudah 12 inci bintangor. Bintangor ini satu jenis kayu yang mahal. Kebanyakan digunakan untuk buat *panel link*, kayu *panel link*. Bilik-bilik, apa semua, kayu *panel link* ini, Bintangor. Cantik kayu itu. Di Malaysia kurang, di Indonesia banyak. Kebanyakan daripada Pelabuhan Melaka, Batu Pahat, kebanyakan kayu ini, kayu bintangor.

Kalau dia punya bulatan, 12 inci, kalau nak dibelah empat, apa tinggal dia, Yang Berhormat Menteri? Apa tinggal dia, kalau nak belah empat? Tengah-tengah dah pulur. Jadi, bagaimanakah kita nak dapat itu? Akhir sekarang, berpakatliah dengan MTIB, berpakat dengan MTIB oleh sebab kayu itu kecil, jadi dikepang-kepang, digergajinya lapan segi. Kadang-kadang kita belah dua, tapi nampaklah bulat. Tapi bila MTIB dah disergah oleh kastam, dah disergah oleh BPR, MTIB pun tidak berani nak mengaku. Dia kata, "Balaklah itu".

Jadi yang sebenarnya, kebanyakan ini kayu bintangor yang mempunyai nilai eksport yang tinggi di luar negara, memberi pekerjaan kerana kita buat perabot kayu, lebihkan kayu warna putih. Kita kekurangan kayu getah sekarang ini. Industri perabot kita. Jadi, bintangorlah salah satu kayu yang boleh *substitute* kayu getah. Jadi mengapa dipersulitkan? Itu sebabnya, saya minta dalam kastam ini oleh sebab dia tidak berapa kenal kayu, saya minta kementerian MTIB. MTIB ini kena hantar wakil dia, stesen di pelabuhan-pelabuhan kayu. Macam di Kuala Linggi, di Muar, di Batu Pahat, supaya mengesahkan untuk membenarkan kayu ini masuk dalam negara. Jadi benda ini tidak ada membebankan Kastam sangat. Mengapa pula MTIB boleh adakan satu pejabat dekat Rantau Panjang, yang mana khusus untuk mengeksport bahan-bahan kita, mengapa boleh? Mengapa tidak di Pelabuhan Melaka? Jadi oleh demikian, masalah Kastam yang tidak berapa faham berkenaan dengan kayu ini dapat diatasi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sekali lagi minta laluan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya nak tanya Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, bahawa Malaysia mengeksport bahan-bahan yang berasaskan kayu, khususnya *furniture* ataupun perabot-perabot bernilai lebih dari RM7 bilion. USD ke Malaysia? RM7 bilion. *[Ketawa]* Saya nak tanya Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sedar bahawa hari ini sudah ada kempen yang cukup hebat di negara Eropah, yang mengatakan Malaysia ini menggalakkan, menggalakkan pencurian ataupun pembalakan haram daripada negara jiran. Oleh sebab itu, kita menjadi pembeli kepada balak-balak haram ini, maka kita menjadi sasaran. Maka dengan adanya pembelian balak yang Yang Berhormat sebutkan daripada negara jiran, kita mencemarkan nama kita dan menjejaskan perniagaan kita di beberapa negara Eropah, bahkan di dunia sekalipun. Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat bagaimana untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang sebenarnya, apa yang diimportkan Malaysia melalui Pelabuhan Melaka, Batu Pahat dan Muar, kecil sahaja. Bot yang datang dekat Melaka itu, yang datang dekat Pelabuhan Kuala Linggi, muatannya 20 tan, 30 tan, 50 tan, paling besar 100 tan. Tetapi di Singapura, *nothing less* dengan izin, 500 tan, 1,000 tan. *Nothing less!!* Tidak pernah pula pelobi-pelobi Eropah, pelobi-pelobi ini menuduh Singapura! Saya takut, ini agenda-agenda Yahudi! Nak memburuk-burukkan negara kita. Saya pernah bercakap dalam Dewan yang mulia ini, Singapura tidak ada balak. Singapura tidak ada kayu. Tetapi oleh sebab balak Indonesia yang diseludup melalui Singapura, Singapura pula jual di negara lain, Singapura boleh adakan pula *certificate* bagaimana yang dikehendaki oleh Eropah. Dia nak sijil *Phyto, Government of Singapore, Phyto Certificate*. Cap!! Hendak apa? Kayu ramin? Singapore boleh keluarkan sijil '*psytist*' yang dikehendaki oleh pasaran ramin. Singapore keluarkan!! Tetapi yang pelobi-pelobi di Eropah, langsung tidak nampak Singapura. Yang dia nampak, Malaysia yang seto'et ini. *[Disampuk]*. Yang seto'et ini, yang kecil ini.

Beberapa Ahli: Ohh!!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang berniaga kecil-kecilan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang sekelumit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dan kalau kita tidak terima kayu, Singapura lah dapat semua. Habis kita nak kata, kita *trading nation*. Saya berharap supaya kerajaan, lebih-lah lagi kastam, untuk *barter trade* ini, pelabuhan-pelabuhan kecil *barter trade* di Melaka, Batu Pahat, Muar. Termasuk Pelabuhan Klang, *barter trade* ini janganlah nak ikut buku sangat. Tutuplah!! Janganlah nak ikut buku sangat. Pelabuhan besar import, eksport pakai kontena bolehlah ikut buku sangat. Tetapi *barter trade*Kita harus ingat pelabuhan *barter trade* ini memainkan peranan yang penting untuk ekonomi negara kita. Orang-orang Pulau Rupa, Pulau Bengkalis yang datang ke Melaka, yang datang ke Johor hanya mengambil masa dua - tiga jam sahaja belayar datang ke Melaka dan Batu Pahat. Bandar terbesar di Indonesia adalah Pekan

Baru, daripada tempat dia hendak pergi ke Pekan Baru 10 jam. Mana dia hendak datang? Jual barang dia di Batu Pahat ke Melaka ataupun hendak balik ke Pekan Baru yang 10 jam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Perlahan-perlahan *barter trade* di Melaka ini telah dipindah daripada muara Sungai Melaka ke Kuala Linggi dan satu lagi tapaknya di Sungai Rambai pada tahun 2000 kalau tidak silap. Saya terlibat semasa perpindahan itu. Yang Berhormat bagi Jasin, mungkin Yang Berhormat bagi Jasin boleh bantu untuk menjelaskan pelabuhan *barter trade* ini dia ada keunikan tersendiri di mana saya melihat sendiri bahawa tidak ada pertukaran wang, pertukaran barang dan kaedah ini telah dilaksanakan lebih 600 tahun di pelabuhan muara Sungai Melaka. Mungkin Yang Berhormat dengan pengalaman yang begitu luas dalam bidang *barter trading* ini boleh jelas sedikit kepada Dewan yang mulia ini. Di manakah sebenarnya yang menjadi tarikan kepada pembawa-pembawa barangan ini ke negeri Melaka dan kemudian bawa balik barang apa dan sebagainya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Bagi orang dekat kawasan Pulau Rupa sampai Bengkalis termasuk Selat Panjang, belah perairan di Indonesia, mereka di sana hendak buat kerja kahwin pun beli daging di Melaka ataupun di Batu Pahat. Dia hendak beli daging, daripada dia belayar kosong, dia bawalah kayu bakau, dia bawalah kayu yang dikehendaki papan, ikan kering, itu yang dia buat. Dan mereka ini datang bawa kayu macam contoh di Kuala Linggi dia datang bawa kayu. Bawa balik roti, biskut, Milo, barang makanan. Dengan adanya *barter trade* macam ini, maka hiduplah perusahaan-perusahaan SME kita yang buat biskut, yang buat kek, buat kuih-muih, roti. Ini yang ditukarkan kerana barang-barang keperluan di sana.

Jadi sudah kalau kayu sudah tidak boleh masuk, saya juga Tuan Yang di-Pertua, hendak minta kesempatan hari ini hendak jemput News Straits Times yang dahulu ambil gambar saya apa semua di pelabuhan Kuala Linggi, hari ini saya hendak minta dia datang pergi ambil balik gambar pelabuhan, sudah jadi padang jarak, padang tekukur Tuan Yang di-Pertua. Kompleks yang kita bina lebih kurang RM40 juta ada 10 kedai makan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu pernah jadi Tuan Yang di-Pertua Majlis Daerah di situ, sepuluh kedai, hari ini buka satu kedai sahaja. Pekerja dari 300-400 orang luar kampung yang kerja angkat kayu, angkat ini tukaran barang sudah tinggal 50 orang sahaja. Tahniahlah kepada mereka.

Tetapi, dalam sesi hari ini kita hendak bangunkan SME, kita hendak bangunkan usahawan bumiputera, wah, cakap. Kalau masa yang masa engkau tembak plak habis. Jadi kita berharap, itu kita minta supaya walaupun kita mempunyai rang undang-undang bagaimana yang

disebut yang akan kita bincangkan ini, tetapi pelaksanaan rang undang-undang ini, kita mengharapkan kebijaksanaan pegawai.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik dengan konsep yang dibangkitkan tadi. Saya melihat konsep yang lebih besar, saya hendak penjelasan. Saya terlibat dalam dunia sastera sedikit. Maka rumpun-rumpun Kemelayuan dan gugusan kepulauan yang telah menjadi landasan kepada terbinanya satu tamadun, yang telah dilaungkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa Bahasa Melayu akan menjadi bahasa rumpun seluruh Nusantara dan Nusantara menjadi induk kepada pembinaan satu tamadun bangsa yang boleh kemudiannya ditempiaskan kepada ekonomi dan juga politik ke arah memerangi anasir-anasir zon-zon lain. Dalam konteks itu, saya begitu sedih bahawa *barter trade* yang telah menjadi satu inti kepada perjuangan ekonomi tempatan yang dirumpunkan daripada rumpun yang dikatakan tadi telah tergugat di sini. Warisan Austronesia yang saya minta pandangan. Adakah ini perlu dikembalikan martabatnya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya bukan kata kembali *I'm fighting for it*, dengan izin.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini satu nasionalisme baru?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yes. Kerana *barter trade* ini orang pandang enteng. Tetapi, Singapura untuk makluman Dewan yang mulia ini *barter trade* di Pasir Panjang yang saya sebut semalam. Saya tidak mahu ulang lagi. Kita baru dalam lingkungan *barter trade* dalam lingkungan tidak lebih daripada RM1 bilion satu tahun. Tetapi, di Singapura Pasir Panjang, melalui *barter trade* sahaja tidak kurang daripada SGD20 bilion amaun di Singapura, yang kita dipersulit-sulitkan kenapa? Mengapa hendak dipersulitkan? Ini peluang pekerjaan dan lebih-lebih lagi kaum Bumiputera apabila sebut sahaja hendak jadi kontraktor Kelas F, akhirnya besok semua tidak ada kerja, salahkan kerajaan.

Ini peluang baru, pelabuhan banyak boleh kerja di sana, ramai orang kita ini tidak didedahkan soal ini, tetapi peristiwa yang baru ini apabila salah seorang daripada pembawa kayu dari Indonesia ditangkap, oleh kerana terlampau besar, diserahkan kepada kastam. Kastam pula tidak serahkan kepada MTIB, kerana melibatkan kayu biasanya diserahkan pada MTIB, kastam hadapkan pada mahkamah. Barangan kayu dibawa itu, berharga RM3,500, tongkang yang mempunyai empat orang itu kita hadapkan ke mahkamah. Empat, empat orang ini dijatuhkan hukuman satu tahun jel dan didenda RM35,000.

Cerita yang ini merebak ke Indonesia, semalam saya telefon orang saya di pelabuhan bagaimana reaksi pedagang-pedagang *barter trade* datang dari Indonesia dengan peristiwa yang kena tangkap jel satu tahun, denda RM35,000 ini, semalam pelabuhan Kuala Linggi, kosong tidak. Kosong, tidak ada satu lagi pedagang berani datang. Tahniah kepada Kastam. Jadi

besok kita minta Setiausaha Parlimen datang isytihar, tutup lebih baik pelabuhan yang RM40 juta. Apabila peristiwa sudah macam ini LKIM RM20 juta, kecil punya hal ikan pun tidak datang semalam. LKIM buat kemudahan di pelabuhan itu RM20 juta untuk menerima bot-bot ikan dari Indonesia, peristiwa yang semalam itu, apabila dihadapkan ke mahkamah kena jel, dan denda RM35,000, bot ikan pun tidak berani datang. Jangan main-main dengan Kastam Melaka, besok kita kena jel. Kita datang hendak berdagang, tetapi kita kena denda yang begitu besar kita akan kena jel.

Jadi kita kena harus dengan cara bijaksana, rang undang-undang ini untuk kita, untuk kebaikan negara kita. Tetapi, kalau kita salah tafsir, kita salah guna, akhirnya mudarat kepada ekonomi dan pekerjaan orang kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bagi saya peluang, kawan-kawan pun banyak telah menanya, saya pun sudah bercakap lebih kurang dua jam berkenaan dengan Kastam. Saya berharap apa yang saya perkatakan ini dan rakan-rakan diterima positif oleh Jabatan Kastam supaya harapan kita, supaya hasil negara ini jangan berkurangan, cukai jangan tertiris lagi sebagaimana yang berlaku pada hari ini dan insya-Allah kita sama-sama mendukung jabatan supaya kita dapat membangunkan negara bersama.

Dan saranan daripada sahabat saya tadi beberapa orang minta supaya Kastam datang ke Parlimen ini untuk bersama-sama dialog. Saya yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua telah dihubungi oleh pihak Kastam, dia pun hendak berbaik-baik dengan Dewan Rakyat. Berapa kali dia telefon saya, ajak keluar malam, ajak datang ke pejabat dia hendak berbaik-baik dengan Dewan Rakyat. Saya beritahu dengan dia, kalau hendak datang jumpa, jangan jumpa saya seorang. Yang menyuarakan soal Kastam ini bukan saya seorang, yang menyuarakan soal Kastam ini keseluruhan Wakil-wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Adalah lebih baik, Kementerian mengaturkan satu majlis dengan pihak Kastam di Dewan yang mulia ini untuk kita dapat penerangan dan banyak masalah di kawasan-kawasan yang melibatkan sahabat-sahabat kita, Ahli-ahli Parlimen di seluruh negara berkenaan dengan Kastam ini supaya lebih terang dan dapat penjelasan yang lebih lanjut.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sila Setiausaha Parlimen.

3.21 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Dalam ramai-ramai, yang paling hebat Yang Berhormat bagi Jasin lah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bincangkan ialah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Kastam. Ini berikutan daripada Akta Perlindungan yang telah pun dibentangkan oleh MITI di Dewan ini, maka Kastam *subsequence* daripada itu, maka Kastam kena pinda sikit Undang-undang Kastam untuk membolehkan Kastam mengutip duti perlindungan kepada barang-barang yang dibawa masuk.

Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan sikit antara *Anti-Dumping Law* dengan Perlindungan ini. *Anti-Dumping* ialah berkenaan dengan barang yang dibawa masuk dengan harga yang murah daripada negeri asalnya. Makna Akta itu dikenakan ke atas barang yang tertentu, oleh syarikat yang tertentu dan dari negeri yang tertentu. Tapi Akta yang dibentangkan di depan kita ini adalah berkenaan dengan perlindungan. Maknanya barang-barang, Kastam dibolehkan mengutip cukai ke atas barang-barang yang telah dibawa masuk secara berlebihan. Dia tidak mengikut mana-mana negeri, dia hanya mengikut pada barang yang dibawa masuk yang sama dengan barangan yang dikeluarkan di sini di Malaysia, ataupun yang hampir sama. Dan pihak yang *the injured party* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh membuat *partition* kepada MITI dan MITI akan siasat.

Dan kalau didapati memang ada kebenaran, dibawa masuk dengan cara banyak dan mendadak maka pihak MITI akan buat *recommendation* dengan izin kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan akan buat perakuan dan membolehkan Kastam untuk mengutip sama ada hendak tambah cukai ataupun mengenakan kuota ataupun kedua-duanya sekali. Ini cara untuk hendak menjaga ataupun hendak *protect* dengan izin industri tempatan. Sebab itu kita bawa Rang Undang-undang ini, bawa pindaan pada Akta Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong mahu tahu kutipan Kastam. Saya ada angka di sini iaitu cukai yang dikutip oleh Kastam. Pada tahun 2003 RM20.338 bilion, 2004, RM21.713 bilion dan tahun 2005, RM25.199 bilion. Saya ada perangkaan mengikut sektor tapi kalau saya hendak baca memang terlalu panjanglah, sektor berbagai-bagai, saya boleh bagi kepada Yang Berhormat bagi Santubong secara bertulis, panjang sangat kalau saya hendak membaca.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesan pada industri tempatan dan berkenaan dengan pengimportan *parts* ataupun barangan *spare parts* dari luar negara yang murah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap barang yang dimasukkan melalui mana-mana pelabuhan mestilah melalui Kastam dan memang Kastam mengenakan berbagai cukai. Ada cukai import, ada cukai, kalau negara-negara Asian dikenakan cukai CPT, 0%-5%. Maknanya, tiap-tiap barang yang diimport mestilah melalui Kastam dan dia tidak boleh lari daripada dikenakan cukai. Sama ada kalau luar dari ASEAN dikenakan cukai yang lebih tinggilah, duti import. Jadi memang tidak boleh lari dan tidak timbul masalah diimport secara tidak kena cukai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kerjasama dengan ASEAN Tuan Yang di-Pertua, sudah ada *arrangement* dengan negara-negara ASEAN iaitu yang disebut sebagai AICO

ataupun ASEAN Industry Corporation Scheme. Ini di mana ada *arrangement* dengan izin Tuan Yang di-Pertua antara negara ASEAN untuk membeli barangan keluaran masing-masing antara satu sama lain. Dan apabila barang-barang ini masuk dikenakan sedikit cukai di bawah CPT, cukainya antara 0% hingga 5%. Makna contohnya kerjasama antara Malaysia dengan Thailand misalnya memang sudah ada, berkenaan dengan komponen kereta contohnya. Makna, ada perkara yang dibuat oleh Thailand, ada benda yang dibuat oleh Malaysia, dan kita antara satu sama lain beli. Thailand beli yang keluaran Malaysia, dan Malaysia beli keluaran Thailand sebab itu sudah ada kerjasama.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2005 contohnya, *exchange* ini berlaku antara kedua negara pada kadar yang tinggi. Saya lihat di sini ada angkanya Tuan Yang di-Pertua, hampir ikut ini, dagangannya ialah nilai USD287 milion bagi tahun 2005 sahaja melibatkan 65 projek antara satu sama lain. Memang sudah ada kerjasama yang begitu di antara negara-negara ASEAN contohnya saya sudah bagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *local content* antara industri-industri automotif ini. Sebenarnya barang-barang ini dibenarkan import tetapi *parts* yang diimport ini tidak boleh dipasang terus, mesti ada komponen, mesti ada nilai *value added* kepada produk-produk ini. Maknanya kalau diimport barang pun, mesti dipastikan bukan terus pasang, tidak, tapi mesti diubah suai mengikut keperluan dan di mana ada unsur-unsur *value added* di situ. Bukan hanya import dan terus pasang, tidak. Jadi ini adalah peraturan dan mesti ada komponen begitu, makna ada nilai *value added* kepada barang-barang yang diimport. Jadi tidak timbul NAZA misalnya diimport dan terus pasang, tidak berlaku. Import barangan, mesti ada unsur-unsur tambahan nilai di situ barulah dibenarkan.

Maka saya kira ini maknanya boleh diwujudkan industri-industri ataupun peluang-peluang pekerjaan dalam industri ini Tuan Yang di-Pertua. Dan kalau Kastam tidak puas hati, maka Kastam akan buat *post audit*, maka mereka boleh melihat akaun-akaun di mana-mana syarikat untuk memastikan ada komponen *value added* dalam apa juga yang mereka import itu bagi industri automotif dan lain-lain industri.

Tuan Yang di-Pertua, disebut juga tentang lambakan, lambakan memanglah di bawah akta lain, tetapi saya sebut ini dah ada kes-kes yang telah pun dibawa ke mahkamah di bawah akta-akta ini ataupun di bawah Akta Lambakan ini. Dah ada lima kes yang telah dibawa contohnya kes *self-copy paper*, misalnya yang diimport daripada EU dan Indonesia dan kes *mountain bike* yang dibawa oleh China dan Hong Kong, kes *news sprint* yang dibawa dari Kanada, Indonesia, Korea, Filipina dan US.

Kes berkenaan dengan ini daripada Taiwan, Indonesia dan Korea dan kes PET. PET makna komponen yang buat botol plastik itu daripada Taipei, Indonesia, Korea dan lain-lain. Dan Thailand ya. Ini kes-kes yang telah pun dibawa ke mahkamah di atas anti lambakan. Dan saya sebut tadi, dia ada berbeza antara akta perlindungan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong juga tentang barang-barang yang diimport memanglah di bawah Kastam. Tetapi kalau manusia, orang. Ini di bawah Imigresen sebenarnya, ini tidak termasuk di bawah Akta Kastam. Jadi pihak Imigresen juga patut mengambil bahagian di dalam mencegah tentang hal manusia yang di bawah 'on transit' di Malaysia.

[Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *capability*, kemampuan Kastam untuk memeriksa *container-container*, barang-barang yang masuk melalui pelabuhan-pelabuhan, pihak Kastam memang ada pelbagai peralatan yang canggih-canggih, yang telah diletakkan di pelabuhan dan juga di *airport*. Saya ada perangkaannya di sini, pun panjang juga kalau saya hendak baca Tuan Yang di-Pertua, tapi memang ada yang lama, yang baru, yang akan diperolehi segera dan sebagainya. Dah ada dengan saya di sini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dato Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memang, maknanya kalau ikut peraturan *world convention* Tuan Yang di-Pertua, Kastam hendaklah *check* sekurang-kurangnya 10 peratus daripada *container* yang masuk. Jadi ini dipatuhi dengan menggunakan pelbagai peralatan yang canggih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang diakui bahawa banyak tempat pintu-pintu masuk sudah dilengkapi dengan peralatan-peralatan canggih seperti *scanner* dan sebagainya. Tetapi saya diberitahu oleh rakan-rakan *forwarding agency*, bahawa *scanner* dekat KLIA menjadi *white elephant*, tidak digunakan. Jadi kita hendak tahu mengapa, mengapa tidak digunakan? Dan kebanyakan daripada pemeriksaan *ten percent* ini dibuat cara manual, bukan menggunakan alat yang canggih ini. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini maklumat terkini yang saya terima hari ini tentang alat, peralatan yang ada di pintu-pintu masuk ini tidak digunakan tetapi digunakan cara lain, cara manual. Tuan Yang di-Pertua, memang alat digunakan tapi ada juga kes-kes yang *disuspect*, yang Kastam *suspect* maka mereka akan buat *hundred percent check*. Makna buka *container* dan diperiksa. Jadi bagi syarikat-syarikat yang *repeatable*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua biasanya *checked* melalui *scanner* sahaja dan dilepaskan.

Bagi kes-kes yang *disuspect*lah Tuan Yang di-Pertua, maka dibuat *hundred percent checking*lah. Makna maksudnya ada kes ada *container* ataupun yang dibawa masuklah yang digunakan *scanner* dan ada diperiksa dengan cara manual. Ini berlakulah Tuan Yang di-Pertua.

Dan tentang peralatan yang tidak digunakan, yang ini perkara baru dan pihak Kastam patut siasat baliklah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hanya menyentuh tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan hari inilah. Dengan pindaan akta yang telah kita bangkitkan hari ini. Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan dan lain-lain iaitu apa jadi dengan barang-barang rampasan, macam kain, kain dilelonglah tapi kalau rokok dihapuskan, dimusnahkan ya. Tapi maklumat terperinci tentang berapa banyak yang dihapuskan saya tidak dapat hari inilah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tentang jalan tikus yang ada di Sarawak. Dan bukan hanya Sarawaklah, di lain tempat pun ada di sempadan atau di perbatasan. Ini ditugaskan pada UPP tetapi oleh kerana sempadan kita ini panjang, sempadan Malaysia ini panjang di Sarawak, Sabah, di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Panjang, jadi kemampuan dari segi UPP pun agak terhad dari segi jumlah kakitangannya, maka tidak dapat dilihat keseluruhannyalah. Jadi perkara ini, saya harap dan saya yakin pihak Kastam akan meneliti dengan lebih mendalam bagaimana untuk meningkatkan pengawasan di perbatasan kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jadi dalam perangkaan terutama penyeludupan yang berlaku melalui jalan tikus, melalui pintu-pintu masuk ini pun saya tidak ada maklumat sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak dapat penjelasan tentang segala wang rampasan harta yang diperolehi oleh Kastam atau dimiliki oleh Kastam. Sama ada mungkin wang ini digunakan terus oleh pihak Kastam untuk tujuan-tujuan pencegahan. Sama ada kementerian setuju atau tidak. Seperti mana agensi penguat kuasa yang lain, polis umpamanya. Segala wang perolehan yang dilelong, yang kita dapat duit itu digunakan terus oleh Kastam untuk tujuan pencegahan dan meningkatkan lagi bahagian penguatkuasaan. Bagaimana? Adakah Yang Berhormat setuju?

Jangan dimasukkan dalam mana-mana *fund*, tapi untuk Kastam itu sendiri. Dan ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi, imej pegawai Kastam terutama peringkat yang di bawah ini, yang sentiasa terdedah kepada aktiviti pencegahan. Jadi apakah kementerian bersetuju supaya segala kutipan hasil lelongan, rampasan yang dijual yang dilelong, wang tersebut digunakan oleh Kastam terus untuk tujuan pencegahan. Meningkatkan lagi aktiviti penguat kuasa. Jadi apakah Yang Berhormat setuju ataupun juga boleh dijadikan sebagai wang sumbangan, wang *reward* bagi mereka yang difikirkan layak untuk memberi maklumat di luar daripada masa bertugas. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan daripada pihak Yang Berhormat bagi Larut. Memang ada logiknyalah. Oleh kerana seperti yang Yang Berhormat bagi Jasin sebut bahawa memang pampasan, imbuhan kepada *informer* memang ada tetapi kepada pegawai-pegawai Kastam tidak ada. Mereka cuma dapat elaun saya ingat dalam RM300 sebulan, itu sahaja. Jadi insentif tidak adalah. Jadi itu pandangan yang saya kira boleh diambil kiralah. Saya harap Kastam teliti perkara ini. Makna duit ini digunakan sebagai pencegahan, mungkin dibayar imbuhan kepada Kastam. Kepada pegawai yang terlibat dengan pencegahan ini. Tapi saya kata putus saya tidak dapat bagi pada hari inilah. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya telah mencelah Yang Berhormat bagi Santubong dalam satu isu yang saya rasa sangat penting yang ada kaitan dengan penguatkuasaan khususnya oleh pihak Kastam. Negara kita sebenarnya telah disebut sebagai kawasan transit dalam berbagai-bagai penyeludupan. Termasuklah penyeludupan manusia dengan izin *human trafficking*, dadah dan seumpamanya.

Dan nampaknya kita diam sahaja macam kita mengiktiraf bahawa kita menjadi sebahagian daripada lokasi itu. Jadi saya telah mencadangkan supaya dalam konteks penguatkuasaan ini supaya ditubuhkan suatu jawatankuasa khas, satu bentuk *taskforce* yang melibatkan bukan sahaja Kastam, polis tetapi juga jabatan-jabatan yang lain agar tindakan terhadap masalah penyeludupan yang kita dah sebut banyak mengenai rokok, dadah dan seumpamanya ini dapat dibendung dalam erti kata yang sebenar-benarnya kerana seperti yang telah kita bicarakan, kita sebenarnya tahu ataupun macam tahu laluan penyeludupan ini, tetapi nampaknya kita tidak dapat mengambil suatu tindakan yang khusus untuk membendungnya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Seperti kata Yang Berhormat setiausaha Parlimen kita mempunyai peralatan yang canggih tetapi saya berpendapat bahawa penyeludup ini akan mempunyai satu modus operandi yang lebih baik kerana kita dapati penyeludupan ini berterusan berlaku. Oleh kerana itu apakah pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen agar satu Jawatankuasa khusus bertindak ini diwujudkan. Yang Berhormat bagi Santubong ada menyatakan kepada saya supaya saya membuat satu bentuk kertas kerja sampai kepada Yang Berhormat. Saya ingat beri saya dua minggu saya akan sampaikan kertas kerja tersebut. Tetapi daripada asasnya apa pandangan Yang Berhormat mengenai Jawatankuasa khusus ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita lihat dari segi pengurusan kita di kastam terlibat, UPP ada dan pihak Marin Polis, Polis dan berbagai-bagai yang terlibat dengan pencegahan ini. Jadi masing-masing domain masing-masing dan kalau

kadang-kadang dia tidak setuju kalau orang lain ambil masuk ke dalam domain dia. Maka saya kira cadangan itu cadangan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam boleh sepatutnya diambil perhatian yang serius tahun ini. Kita *co-ordinate* dengan izin usaha-usaha pencegahan di seluruh negara kita melalui menggunakan *resources* yang ada dan *department* yang ada kita *co-ordinate* dan buat kerja sekali gus. Itu satu cadangan yang saya kira boleh diambil kira patut di ambil kira oleh pihak bukan kastam sahaja seperti yang saya sebut tadi. Ramai lagi...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua nak tambah sikit lagi. Saya ambil contoh umpamanya dalam konteks penyeludupan dadah ini yang melalui darat, laut dan udara. Sebenarnya sekarang ini pihak AADK sedang merancang untuk membeli *scanner* yang canggih supaya dapat mengesan umpamanya penyeludupan melalui Lapangan Terbang. Dalam masa yang sama kita juga diberitahu bahawa pihak kastam sendiri sudah memiliki *scanner* itu. Jadi nampak di situ tidak ada suatu koordinasi antaranya. Ini akan merugikan ataupun membebankan kerajaan dalam konteks perbelanjaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua memang peralatan ada, tetapi keberkesanan peralatan *it is a good as person using it*. Tuan Yang di-Pertua jadi mungkin perlu latihan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua saya hendak tambah sikit lagi tentang kewangan tadi. Peraturan kita sebenarnya ialah bila ada kutipan daripada pihak-pihak kastam sama ada rampasan ataupun kutipan biasa masuk kepada *consolidated fund*. Tetapi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi patut kastam gunakan kutipan daripada perampasan itu untuk pencegahan.

Itu satu cadangan dan mana kalau hendak dibuat mesti ada perubahan dari segi peraturan yang ada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan senarai yang beli kereta 159 buah itu sebenarnya telah dibentang pada Pengerusi Jawatankuasa Integriti. Saya ingat Yang Berhormat bagi Jasin tahu hal ini. Jadi saya ingat sudah dibentangkan dan nampaknya Pengerusi puas hati dalam tentang senarai itu. Jadi saya tidak bercadang hendak bagi lagi sekalilah. Mungkin Yang Berhormat Jasin dan ahli Yang Berhormat lain boleh melihat mendapat kebenaran daripada Pengerusi Integriti dahulu. Saya tidak berani bagi jaminan di sini, saya kena *consult* dengan Pengerusi Jawatankuasa Integriti Parlimen dahulu saya tidak tahulah kalau ... dan setakat ini Tuan Yang di-Pertua daripada laporan yang ada tidak ada mana-mana dalam senarai yang dapat dua buah kereta, tidak ada seorang pun yang mendapat dua buah kereta. Mungkin orang yang berkenaan itu bekerja di *state* di negeri dahulu dapat satu buah, kemudian datang ke Parlimen dapat satu buah mungkinlah. Tetapi dalam senarai yang telah dijual daripada perampasan kastam tidak ada seorang pun yang dapat dua kereta. Ini laporan yang saya terimalah.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyebut tentang banyak tentang kastam tetapi banyak yang keluar daripada apa nama perbincangan kita

tentang akta pindaan itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak bercadang untuk hendak mengulas lebih panjang lagi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (PINDAAN) 2006

Bacaan kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau ringkasnya LPPKN telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 iaitu Akta 352 dan mula beroperasi pada tahun 1966. Pada peringkat awal penubuhannya fungsi dan tugas LPPKN lebih tertumpu kepada aktiviti dan pelaksanaan program perancangan keluarga di negara ini.

Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 pada asalnya dikenali sebagai Akta Perancang Keluarga 1966 telah melalui beberapa proses pindaan dan semakan sejak pewartaannya pada tahun 1966. Pindaan pertama dibuat pada tahun 1976 yang menyaksikan beberapa pindaan kecil bersangkutan dengan istilah-istilah tertentu. Ini disusuli dengan pindaan kedua iaitu pada tahun 1984 yang telah membawa kepada pertukaran nama akta daripada Akta Perancang Keluarga kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga. Selaras dengan

pindaan tersebut, nama lembaga yang dahulunya dikenal sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditukar kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara iaitu LPPKN.

Pada tahun 1988, semakan telah dibuat ke atas akta ini bertujuan untuk penyeragaman, penyesuaian, penjelasan dan meringkaskan mana-mana peruntukkan dan mengemas kini istilah yang digunakan dalam akta 352. Tuan Yang di-Pertua, peranan dan tanggungjawab LPPKN untuk mewujudkan keluarga yang kukuh ke arah melahirkan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif cukup mencabar dan memerlukan komitmen yang jitu daripada semua pihak. LPPKN melalui pelbagai inisiatif sentiasa berusaha untuk mencapai hasrat tersebut dengan memperkenalkan kaedah dan pendekatan yang relevan dan efektif dari semasa ke semasa. Pada 13 Jun 2001, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan hala tuju dan pendekatan baru LPPKN selaku agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan *reproduksi* manusia.

Bagi mencapai matlamat tersebut, LPPKN turut memberi fokus kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta latihan dalam ketiga-tiga bidang teras tersebut. Selaras dengan hala tuju, pendekatan, peranan dan tanggungjawab baru LPPKN, maka Akta LPPKN perlu dipinda. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan fungsi, kuasa dan tugas LPPKN yang sedia ada diperjelas dan diperkukuhkan. Di samping itu beberapa peruntukan baru perlu dimasukkan supaya ianya mencakupi skop dan menepati tanggungjawab yang telah dimaknakan kepada LPPKN untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dicadangkan ialah dalam Fasal 2 iaitu petunjuk bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 352 untuk memasukkan dengan izin tarif *Board, Chairman, Deputy Chairman* dan *Fund*.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 352 untuk menyatakan dengan khusus bahawa Lembaga boleh berkenaan dengan harta alih dan harta tidak alih dan kepentingan dalam harta alih dan tidak alih bagi tiap-tiap perihal memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan bagi maksud awam atau sosial dan memegang. Menikmati, memindahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan janji, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan atau membuat urusan dengan harta atau dengan kepentingan itu yang terletak hak pada Lembaga. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 3(2) Akta 352 dengan memasukkan perkataan '*first*' sebelum perkataan *schedule* dalam subseksyen tersebut.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A, 3B dan 3C ke dalam Akta 352 untuk mengadakan peruntukan yang lebih spesifik tentang fungsi dan kuasa Lembaga. Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 352 iaitu untuk memasukkan Timbalan Pengerusi dan Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi penduduk dan pembangunan keluarga atau wakilnya sebagai anggota lembaga dan untuk memperuntukkan mengenai

pelantikan oleh menteri. Tidak lebih daripada sembilan orang anggota daripada kalangan anggota awam dan organisasi bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F dan 4G ke dalam Akta 352. Seksyen baru 4A bertujuan untuk memperuntukkan mengenai tempoh jawatan anggota lembaga yang dilantik di bawah perenggan 4(a) dan (e). Seksyen 4B yang dicadangkan bertujuan antara lainnya untuk memberi menteri kuasa berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(d) dan (e). Untuk melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri sebagai ganti anggota itu, Mesyuarat Lembaga yang anggota itu, atas apa-apa sebab tidak dapat menghadirinya.

Seksyen 4C yang dicadangkan memperuntukkan mengenai keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif Lembaga. Seksyen 4D yang dicadangkan memperuntukkan mengenai perjalanan sementara fungsi Pengerusi oleh Timbalan Pengerusi jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi. Seksyen 4E yang dicadangkan memberi menteri kuasa untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab dan juga memperuntukkan bahawa seseorang anggota Lembaga boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada menteri.

Seksyen 4F yang dicadangkan menyenaraikan keadaan di mana jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong. Seksyen 4G yang dicadangkan bertujuan untuk memberi perlindungan kepada mana-mana anggota Lembaga daripada menanggung liabiliti sendiri bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh sesuatu perbuatan dalam mentadbirkan hal ehwal Lembaga, melainkan jika kehilangan atau kerugian itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah yang diniatkan olehnya.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 352 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mewakilkan mana-mana kuasanya di bawah perenggan 3B (2)(a), (c) dan (d) dan perenggan 7A (1)(b) Akta 352 kepada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga. Ia juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Lembaga boleh mewakilkan kepada Ketua Pengarah kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan perkhidmatan Lembaga dan kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada kumpulan wang atau mana-mana wang lain yang terletak hak pada atau di bawah kawalan Lembaga sehingga apa-apa hak yang dinyatakan oleh Lembaga.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 352 untuk memberikan menteri kuasa untuk melantik seorang yang layak dan sesuai dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan sebagai Ketua Pengarah Lembaga atas terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh menteri. Ia juga menyatakan kewajipan Ketua Pengarah iaitu untuk melaksanakan dasar kerajaan yang berkaitan dengan penduduk, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia, dan

apa-apa dasar lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga. Ia juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah, jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara waktu atau tidak berupaya buat sementara waktu oleh sebab sakit atau atas apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajibannya atau jika jawatan Ketua Pengarah kosong buat sementara waktu itu.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A ke dalam akta 352 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan menteri. Untuk melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan perkhidmatan Lembaga, ia juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya. Pindaan kepada seksyen 8 Akta 352 sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 13 adalah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang dan untuk menyenaraikan kandungan kumpulan wang tersebut.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 352 untuk menetapkan perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada kumpulan wang.

Fasal 15, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A, 9B dan 9C ke dalam Akta 352 untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun, akaun dan laporan tahunan 1980, Akta 240 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 352. Ia juga bertujuan untuk membawa peruntukan tentang anggaran tahunan dan laporan tahunan ke bahagian tiga Akta 352.

Fasal 16 bertujuan untuk menggantikan bahagian 4 Akta 352 dengan peruntukan yang memperkatakan tentang kuasa fungsi lain Lembaga seperti kuasa untuk meminjam, kuasa untuk melabur, kuasa untuk memberi bantuan daripada peruntukan Parlimen bagi maksud yang berhubungan dengan fungsi Lembaga dan juga kuasa untuk mengambil kerja dan membayar agen dan sebagainya.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru 5 ke dalam Akta 352. Antara lain ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peraturan-peraturan yang menteri diberi kuasa untuk membuat di bawah Akta 352. Ia juga memperuntukkan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, Akta 198 bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota pegawai perkhidmatan atau agen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Seksyen 18 yang dicadangkan memberi menteri kuasa untuk meminda, menambah, atau menggubal jadual kepada Akta 352 melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan jadual baru kedua ke dalam akta 352 yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 352.

Fasal 20 bertujuan untuk memastikan penerusan pelantikan anggota lembaga dan ketua pengarah yang sedia ada dan penerusan perkhidmatan pegawai dan perkhidmatan lembaga dari tarikh akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam sesi pembentangan ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan serta tambahan peruntukan baru seperti yang dicadangkan bertujuan memberi lebih kuasa, fungsi dan tugas kepada menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menentu dan melaksanakan dasar yang berkaitan dengan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Pindaan yang dibuat juga akan membolehkan LPPKN menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap, telus dan sistematik serta dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.

Rang Undang-undang ini juga akan menjadikan LPPKN sebuah organisasi yang lebih mantap dengan peranan yang lebih luas serta mampu memenuhi kehendak semasa kerajaan kita dan wawasan negara untuk mewujudkan masyarakat berbudaya, penyayang dan berperibadi mulia. Selain daripada itu, ia juga akan dapat mengukuhkan lagi usaha LPPKN dalam melahirkan penduduk Malaysia yang berkualiti. Justeru adalah menjadi harapan kerajaan agar pembentangan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulai pada hari ini akan dapat merealisasikan aspirasi LPPKN untuk menjadi agensi utama dalam pengukuhan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang terhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

4.03 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat dalam perbincangan dan perbahasan tentang Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 ini. Pertamanya yang menarik perhatian saya ialah tentang luasnya bidang tugas dan skop seperti mana yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen Kementerian sebentar tadi. Seheingakan bila ianya terlalu luas ia menyebabkan masalah dari segi fungsi dan tugas melaksanakan segala cita-cita yang murni itu.

Kita tidak mahu berlaku bahawa akta ini daripada sebuah kementerian hanya bertindak sebagai *advocate* ataupun yang melancarkan idea dan pemikiran dengan fungsi-fungsi yang luas. Dan dia akan berdepan dengan masalah dari segi pelaksanaannya. Kerana, apa yang saya

lihat di sini berdasarkan kepada fungsi yang telah dinyatakan seperti dalam *function of the board* di sini ianya begitu luas sekali. Ia merupakan teras kepada pembangunan modal manusia. Ia adalah merupakan teras dan inti kepada pembangunan masyarakat, yang melibatkan kerjasama dan memerlukan kerjasama daripada pelbagai agensi dan pelbagai kementerian.

Saya hendak bertanya kepada kementerian ini sejauh manakah terjalannya dan wujudnya kerjasama di antara kementerian yang berkenaan ini dengan Kementerian Pelajaran terutamanya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan kebajikan dan Jabatan Perpaduan, kerana apa yang telah disebut dan dinyatakan dalam fungsi ini adalah begitu luas sekali.

Oleh yang demikian, apa yang telah saya sebut tadi jangan akta ini sekadar bersifat *advocate* ataupun mencadangkan dan mengesyorkan satu fungsi yang luas dan menimbulkan masalah dan implikasi yang berat dari segi pelaksanaannya. Maka ia memerlukan tindakan yang bersepadu dan *integrated*. Maka dalam konteks inilah saya mengharapkan dapat penjelasan dan saya juga melihat bahawa di luar negara, jawatankuasa dan fungsi yang telah disebut ini ditanggung ataupun diurus oleh agensi pusat yang dapat memainkan peranannya secara bersepadu. Sedangkan kita ini dalam konteks ini, kita hanya ditangani oleh satu kementerian sahaja sedangkan fungsinya seperti mana yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi adalah luas.

Yang keduanya adalah tentang aspek-aspek pendidikan yang cukup banyak disebut di sini. Di antaranya saya ingin menarik perhatian berhubung dengan fungsi *function of the board* dengan izin seperti mana dalam Akta Penduduk dan Pembangunan ini yang menyebut tentang usaha-usaha untuk menyebarkan luas pengetahuan, pendidikan, saya hendak baca di sini "*to disseminate knowledge and educate and promote positive behavior on population family development and human reproduction*". Ini adalah merupakan satu tugas yang begitu besar sekali dan ianya memerlukan kerjasama seperti mana yang saya telah sebut tadi daripada pelbagai agensi dan pihak.

Satu perkara yang saya kira perlu dilakukan di sini adalah untuk memperlengkapkan, kalau sekiranya ia dikendalikan oleh kementerian ini, dengan agensi-agensinya dengan jurulatih dengan pakar pendidik dan juga pakar penyelidik dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia ataupun dengan pembangunan *family* di sini. Lebih-lebih lagi apa yang disebut di sini, dalam fungsi badan ini adalah merupakan unit yang terkecil sekali dan terpenting sekali dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Kerana, apa yang dibicarakan ini bukan sahaja dari segi manusia itu pada peringkat dewasanya, bahkan saya memikirkan di sini apa yang hendak dibentuk di sini, apa yang hendak dicadangkan dalam akta ini adalah dari segi permulaan kejadian seorang manusia itu. Malah sebelum berlakunya persenyawaan lagi *fertilization* embrio ataupun fetus itu lagi. Maka dalam konteks ini pendidikan dari segi kekeluargaan dengan izin *sex education*, pendidikan mengurus keluarga itu perlu dilakukan,

kerana ini adalah merupakan perkara yang penting untuk pembangunan sesuatu masyarakat dan pembangunan sesuatu keluarga itu.

Maka dalam konteks ini ia memerlukan dari segi pemakanannya, dari segi persiapan satu keluarga ataupun satu kelamin, *family* itu menjalankan pelbagai jenis persediaan-persediaan. Dari segi zat pemakanannya, dari segi asuhan semasa si ibu mengandung, anak dalam kandungannya sehinggalah anak itu dilahirkan pada masa sembilan bulan sepuluh hari kiranya pada tempoh yang normal itu. Dan bagaimana pula proses merai dan menjaga seorang anak yang kecil sehinggalah dia membesar dan menjadi seorang yang sihat dan sejahtera.

Ini juga memerlukan satu pendidikan yang berterusan dan ini adalah menjanjikan satu pembangunan yang lestari dengan izin *sustainable development*. Sebab akta ini juga saya kira sedang memikirkan, sedang merancang satu proses pembangunan insan dan modal manusia secara seimbang dan secara lestari. Kita tidak mahu melihat pembangunan manusia terjejas kerana faktor-faktor seperti mana gejala sosial yang sekarang ini sedang mewabak dan juga masalah-masalah yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang penting dari segi kesihatan dan juga pemakanan. Demikian juga dari segi suasana dan pengaruh budaya yang sedang berlaku dalam masyarakat kita sekarang ini.

Saya juga ingin menyentuh dan menyebut dengan sedikit penekanan berhubung dengan unsur-unsur untuk menjayakan segala syor-syor dan fungsi-fungsi yang terdapat dalam akta penduduk ini. Saya ingin mencadangkan supaya kuasa yang dimiliki oleh kementerian ini diagih-agihkan kepada agensi-agensi yang lain terutamanya agensi negeri-negeri. Saya ingin mencadangkan kalau sekiranya dapat diwujudkan Yayasan Pembangunan Keluarga pada setiap negeri, di setiap negeri-negeri agar fungsi yang besar ini dapat dikongsi dan dilaksanakan secara bersepakat antara kementerian dengan agensi-agensi di peringkat negeri. Kalau sekiranya setiap negeri dapat membina dan membangunkan seperti apa yang disebut tadi, Yayasan Pembangunan Keluarga, maka saya kira keprihatinan dan usaha-usaha yang lebih konkrit dapat dilaksanakan.

Kalau sekiranya ia hanya tertumpu usaha-usaha ini hanya dikendalikan oleh satu kementerian maka saya kira dalam konsep yang begitu luas ini ia boleh menjanjikan kegagalan untuk mencapai matlamat. Seandainya setiap negeri memiliki Yayasan Pembangunan Keluarganya sendiri dengan pegawai-pegawai yang bertauliah, dengan pegawai-pegawai yang mendapat pengiktirafan daripada JPA misalnya dengan skim perkhidmatan yang ada. Maka saya kira jentera-jentera di peringkat negeri ini boleh memainkan peranan untuk menyokong, merealisasikan segala hasrat dan juga fungsi seperti mana yang disebut dalam Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga yang akan dipinda dan akan diperbaiki ini.

Satu lagi yang hendak saya sebut di sini ialah tentang usaha-usaha untuk memberi pendidikan dan juga penyelidikan agar membangunkannya atau terbangunnya satu keluarga yang kukuh, yang sihat dan yang sejahtera.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya cukup tertarik dengan organisasi ataupun cadangan Institusi Yayasan Pembangunan Keluarga. Ini saya menganggap sangat penting kerana dari segi peranan kementerian ini ia mengkhusus antara lain kepada keluarga-keluarga yang bermasalah. Jadi dengan wujudnya Yayasan Pembangunan Keluarga ini, *database* ataupun maknanya maklumat berkaitan dengan keluarga-keluarga bermasalah dengan jenis-jenis permasalahannya akan dapat dikumpulkan.

Seterusnya yang lebih penting ialah agenda untuk mengatasi permasalahan ini dan kita harus ingat pada ketika ini, keluarga yang dianggap tidak dapat mengawal keluarga dia sudah begitu banyak. Oleh sebab itu masalah gejala sosial termasuklah di kalangan murid ataupun pelajar-pelajar di peringkat sekolah sendiri kita dapati ramai ibu bapa yang tidak dapat mengawal anak mereka dengan memberikan alasan bahawa kalau anak mereka didapati ponteng dan dikesan mereka boleh memberikan jawapan bahawa anak saya sudah tidak mahu sekolah, anak saya sudah tidak dapat saya kawal. Ini kalau dibiarkan akan menimbulkan suatu kegawatan ataupun krisis kekeluargaan pada masa-masa akan datang.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu agar Yayasan Keluarga ini disegerakan pewujudannya supaya masalah keluarga yang disebutkan ini dapat diatasi dengan seberapa segeranya demi masa depan kita. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya kira itu boleh dijadikan sebahagian daripada usul kita pada petang ini iaitu disegerakan penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga ataupun disyorkan supaya setiap negeri mempunyai yayasan serupa ini sebab apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi saya amat sokong sekali dengan kegawatan, perkembangan semasa, dengan gejala sosial yang saya kira tidak termampu hanya kiranya dia beroperasi daripada pusat. Ia perlu menghadapi satu perubahan penganjakan dari segi punca kuasa itu supaya ianya berada di setiap negeri agar dengan dasar *decentralization* dengan izin, dengan pengagihan kuasa ini tindakannya adalah lebih berkesan.

Kita tidak dapat nafikan sekarang ini dalam keadaan dunia yang bergelora dengan pelbagai ancaman dan kita dengar juga dengan tersebarnya masalah-masalah anak luar nikah, masalah gejala sosial, lepak dan serba macam lagi itu maka ini adalah merupakan fenomena-fenomena semasa yang memerlukan tindakan secara bersepadu, secara berkesan daripada pelbagai pihak dan agensi.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Tadi dalam ucapan awal Yang Berhormat telah menyebut dengan panjang lebar

berkenaan dengan pembentukan keluarga itu bermula sebelum bayi itu keluar dari segi pemakanan yang betul, penjagaan dan sebagainya. Ini sebahagiannya mungkin boleh diterapkan di dalam sistem persekolahan di peringkat menengah dan universiti. Tetapi Yang Berhormat, yang lebih penting ialah pembangunan keluarga itu sendiri. Maksudnya kita hendakkan di mana harus kita latih bakal ibu bapa ini. Di peringkat mana harus diberi penekanan tentang untuk menjadi ibu bapa yang berkesan.

Tadi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada menyatakan kita hendak menyelesaikan masalah keluarga yang bermasalah tetapi saya rasa itu sudah bermasalah. Kalau boleh kita hendak melahirkan keluarga yang belum bermasalah. Jadi boleh tidak Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mencadangkan di peringkat mana agaknya, sebelum mereka berkeluarga kah atau macam mana supaya mereka ini menjadi ibu bapa yang berkesan tahu apa tanggungjawab, menjaga tingkah laku dan berkesanlah. Di peringkat mana agaknya Yang Berhormat boleh diterapkan dan bagaimana kita hendak merealisasikan program ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Parit. Itulah saya mengatakan bahawa tugas ataupun fungsi yang telah dinyatakan dan disebut dalam akta ini begitu luas sekali. Ia memerlukan dan mencakupi kerjasama daripada pelbagai pihak, daripada sektor pendidikan daripada sektor agama, daripada sektor-sektor sosial, budaya dan dalam nilai masyarakat. Maka dalam konteks ini saya kira juga kurikulum persekolahan kita ataupun di peringkat rendah lagi, menengah hatta di peringkat *tertiary* di peringkat IPTA dan IPTS harus dimasukkan juga dengan elemen-elemen pendidikan dan pembangunan keluarga ini kurikulum itu penting.

Sebab itu saya juga telah sebut dari awal tadi apa yang saya cadangkan kurikulum pendidikan keluarga ataupun *sex education* di sini, di mana seseorang yang masih belum berumah tangga harus tahu tentang adab nilai-nilai pemakanan, menjaga diri dan bagaimana pula dari segi hubungan kekeluargaan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ... perlu diwujudkan. Maka saya ingin - sekejap ya, saya ingin mencadangkan di sini dari segi kurikulum persekolahan itu barangkali perlu ditokok-tambah disepadukan dengan mata-mata pelajaran yang sedia ada misal kata dengan sains hayat, dengan biologi dan dengan elemen-elemen serupa itu. Ya silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara saya dari Kuala Terengganu. Menyentuh perkara yang diutarakan oleh saudara saya dari Parit berkenaan dengan Institusi Pembangunan Keluarga ini. Saya setuju pendapat beliau yang bahawa cadangan untuk membuat satu ko-kurikulum, kurikulum di peringkat pendidikan. Tetapi masalah-masalah ketika ini pelbagai jenis, ada yang tidak bersekolah.

Jadi saya tahu bahawa adanya kumpulan yang mengadakan dipanggil TOT (*trainers of trainers*) untuk *spastically* untuk pembangunan keluarga ini. Sebelum sepasangan itu membuat rumah tangga mereka diwajibkan menghadiri kursus sebelum dinikah bukan macam Siti dan Datuk K tidak tahu dia hadiri kursus atau tidak. Saya fikir Datuk K dikecualikanlah, saya rasa Siti harus menghadiri kursus bagaimana membangun rumah tangga ini. Jadi ini saya rasa sudah dibuat, jadi bagaimanakah di peringkat manakah perkara ini kursus yang diwajibkan sebelum pasangan itu dinikahkan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya kira di sini apa yang sedia adalah pernah ada kursus-kursus yang akan dikendalikan oleh pelbagai pihak dalam sistem kita ini sebelum perkahwinan itu beberapa adat istiadat dan juga kurikulum yang disediakan dari segi agamanya ada sebenarnya dan terpaksa bakal yang akan mendirikan rumah tangga itu membayar sejumlah yuran untuk menghadiri kursus itu.

Tetapi yang saya lihat di sini ialah perubahan-perubahan senario, budaya dan nilai masyarakat sedang berubah dengan begitu pesat. Maka sekarang ini sebab itu saya mengatakan bahawa perlu diwujudkan satu kurikulum yang lebih rapi difikirkan dengan cara yang lebih spesifik. Dan apa yang saudara sebut tadi ialah TOT ataupun *training of trainers* tadi saya kira ini perlu dilakukan. Dalam konteks ini juga kemahiran-kemahiran dari segi kaunseling, kemahiran-kemahiran dari segi bimbingan keluarga saya tidak tahu setakat manakah Kementerian yang mencadangkan Akta Penduduk ini benar-benar melihat dari segi kemampuan tenaga yang akan dapat memberi nasihat, yang dapat memberi runding cara, yang dapat memberi *treatment* kaunseling kepada bakal-bakal yang akan mendirikan rumah tangga itu. Maka dalam konteks ini sebab ini adalah merupakan perkara yang penting proses pengwujudan dan pembangunan sebuah masyarakat itu bermula daripada unit yang terkecil dan unit yang terkecil itu adalah sebuah keluarga. Dan kita harus membuat persiapan-persiapan yang rapi sebelum berlakunya proses penjalinan hubungan di antara suami dan isteri ini.

Maka sebab itulah saya mengatakan bahawa fungsi yang terdapat dalam akta ini begitu luas sekali yang memerlukan tindakan kerjasama kesepakatan daripada pelbagai agensi dan daripada pelbagai pihak. Sebab itu juga saya telah mencadangkan tadi supaya di setiap negeri ada agen-agensinya ataupun seperti mana yang telah saya cadangkan tadi Yayasan Pembangunan Keluarga untuk menyokong sama matlamat yang terdapat di sini. Kita tidak mahu wujud apa yang disebut sebagai *execution gap* dengan izin iaitu indah dari segi akta, indah dari segi undang-undang yang ada tetapi dari segi pelaksanaan dari segi penguatkuasaan dan kelancarannya tidak dapat kita jamin.

Di sini juga saya ingin menyebut tentang beberapa perkara lagi iaitu usaha-usaha untuk kita memantapkan pendidikan pembangunan keluarga ini. Dalam akta ini iaitu muka surat tiga dengan izin, bahagian G disebut di sini dalam bahasa Inggeris saya baca ya, "to provide services based on current and emerging needs due to changes affecting population family development

and human reproduction.” Ini adalah satu perkara yang penting iaitu untuk kita menangani dan memberi perkhidmatan berdasarkan kepada perubahan-perubahan dan senario sosial semasa yang begitu pesat berlaku di sekitar masyarakat kita. Maka dalam konteks ini sekali lagi saya kira pelbagai pihak perlu bertanggungjawab. Dalam konteks ini saya kira unit-unit yang terkecil dalam masyarakat kita seperti mana yang telah saya sebut tadi di peringkat akar umbi kita perlu dibangunkan agen-agen yang dapat mengawal sama tentang unsur-unsur yang boleh membawa kepada gejala-gejala masyarakat dan gejala-gejala sosial ini. Seperti mana yang kita lihat dalam keadaan semasa masalah gejala penyalahgunaan dadah, masalah remaja-remaja liar kita sekarang ini, mat rempit dalam perlumbaan di jalan raya yang cukup berbahaya itu.

Ini adalah merupakan elemen-elemen baru. Demikian juga dengan senario dunia sekarang ini dengan konsep *liberalization, globalization* dengan pengaruh daripada budaya yang luar dan asing bagi anak-anak kita, bagi remaja-remaja kita. Dalam konteks ini pula bagaimanakah usaha-usaha kita untuk menanganinya. Sebab ini adalah juga penting dalam membina budaya kehidupan sesuatu *family* untuk *family-family* ini mengawal dan menyelia anak-anak muda itu supaya tidak terjebak dalam kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada keluarga. Sebab itu saya lihat sekarang ini.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya mendengar Yang Berhormat menyebut tentang bagaimana unit terkecil di dalam sistem masyarakat kita boleh mempengaruhi terlaksananya akta-akta yang indah ini di peringkat akar umbi. Dan unit terkecil yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah keluarga itu sendiri. Saya suka membuat perbandingan Yang Berhormat Kuala Terengganu suatu ketika dahulu mungkin kita letakkan 30 tahun dahulu ataupun 40 tahun dahulu ketika Yang Berhormat masih anak-anak kecil kita mempunyai satu sifat kejiranan yang begitu mempertahankan nilai-nilai kekeluargaan. Umpamanya slogan ketika itu ialah “Anak orang anak kita.” Jika kita dapat lihat jiran ibu bapa kita atau jiran datuk nenek kita boleh menegur anak ibu bapa kita ataupun cucu kepada datuk nenek kita.

Sifat ini ataupun senario ini fenomena ini tidak lagi berlaku pada hari ini di mana semangat kekitaan semangat kepunyaan satu keluarga itu kepada generasinya amat tinggi. Apabila ada jiran cuba menegur anak jiran yang lain maka akan berlaku perbalahan di antara keluarga yang mungkin akan berpanjangan hingga ke generasi. Jadi adakah ini pada pendapat Yang Berhormat yang baru hendak menyebut tentang fungsi-fungsi unit-unit kecil ini tadi.

Apakah pandangan Yang Berhormat tentang berlakunya perubahan cara hidup di peringkat sistem masyarakat di peringkat akar umbi ini? Apa pendapat Yang Berhormat daripada mempunyai semangat kekitaan yang kurang menegur anak jiran seolah-olah menegur anak kita dan hari ini apabila kita tegur anak jiran, jiran mengatakan kita musuh mereka. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih rakan saya daripada Tangga Batu. Memang dahulu dalam satu masyarakat yang agak *simple* yang tidak sofistikated seperti sekarang ini kita saling tegur-menegur. Tetapi sekarang pula ada amaran jangan jaga tepi kain orang. Ertinya itu adalah merupakan masalah kamu jangan diusik jangan diambil hal jangan dihiraukan. Sedangkan kalau dahulunya kita sama-sama sepakat sambil kita menjaga bukan sahaja hak kita keluarga kita malah saling nasihat menasihati. Namun dalam keadaan sekarang ya dalam keadaan masyarakat semakin sofistikated semakin kompleks dan rasa keegoan itu semakin menebal, aku dan aku aku kamu kamu hidup yang terlalu individualistik ini. Saya kira ini juga merupakan satu senario baru yang boleh mengancam kerukunan kehidupan dan rasa kemesraan di antara satu sama lain.

Maka saya setuju tadi iaitu untuk kita kembalikan sekali lagi sifat dan rasa kekitaan rasa sepunya dan muafakat yang boleh mendatangkan berkat kepada sesuatu masyarakat dan komuniti itu. Dan di sini juga.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sekejap satu minit lagi ya Yang Berhormat ya. Di sini juga saya rasa kita harus menekankan kepada setiap unit keluarga itu sedar bahawa unit yang terkecil *family* ini harus insaf bahawa rumah itu adalah merupakan tempat terbaik untuk mengasuh mendidik si anak, rumah itu syurga ku, rumah ku syurga ku. Maka konsep ini saya rasa perlu diterapkan untuk kita mempasti dan menjamin kehidupan unit terkecil keluarga itu dapat dibangunkan dengan keadaan yang sebaik mungkin. Silakan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya rasa di sini ialah kita membincang dengan perubahan masa dan perubahan kepada struktur keluarga. Dahulu ialah keluarga yang besar dan semua duduk bersama tetapi sekarang sudah menjadi keluarga nuklear dan menjadi urbanisasi. Di dalam urbanisasi kita *industrialize* jadi kita kehidupan adalah tidak sama. Dengan pendek katanya ialah pada waktu sekarang keluarga sudah tidak mampu lagi khasnya keluarga di bandar tidak mampu lagi menjaga anak-anak mereka dengan secara sendiri. Dan di sinilah saya rasa adalah perubahan ialah dasarnya mesti berubah. Pada waktu sekarang saya tidak nampak ada satu dasar keluarga yang dilaksanakan oleh Kerajaan, tidak ada.

Kita mengatakan kita hendak hukuman ibu bapa kerana tidak mampu menjaga anak-anak mereka tetapi saya rasa konsep kita mesti diubah sekarang iaitu daripada hendak hukuman mereka kepada membantu keluarga untuk menjaga anak-anak kita dengan mengadakan sistem *support* - sokongan *family* kalau ibu bapanya kedua-duanya kerja, anak mereka mesti ada pusat penjagaan tetapi sampai hari ini kita tidak ada kalau ada pun ialah swasta yang begitu mahal. Jadi, di sini adakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bersetuju dengan saya bahawa kita harus ada dasar untuk keluarga supaya ibu bapa dapat atau mampu menjaga anak-anak mereka, kita mesti mengadakan sistem bantuan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan bantuan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya kira dalam pembentangan yang akan datang ada satu Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak, saya kira ini juga merupakan satu perkara yang berkaitan dengan apa yang sedang kita bincangkan sekarang iaitu memerlukan kepada sokongan daripada pihak kerajaan, kalau tadi saya cadangkan pihak Yayasan Pembangunan Keluarga untuk sama-sama memberi keprihatinan bagaimana dalam keadaan kesibukan kedua orang ibu dan keluarga ayah dan ibunya sibuk bekerja, apakah anak-anak ini ada tempat di mana mereka mendapat membangunkan dirinya. Misal kata kita ada pusat-pusat latihan ataupun pusat-pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja.

Mungkin di tengah bandar, di Kota Raya sudah ada tempat-tempat ini dan bagaimana pula di kawasan pinggir bandar? Sekiranya ini perlu dengan penjaga yang cermat, yang baik dengan keadaan kesihatan dengan kualiti asuhan didikan yang baik di peringkat asas ini saya rasa proses pembangunan modal manusia, modal insan ini akan jadi lebih baik. Oleh hal yang demikian saya kira dasar untuk memastikan kecerdasan dan pembangunan satu unit yang penting ini perlu disegerakan memandangkan suasana dunia sekarang ini semakin hari semakin canggih, rencamnya, kompleksnya...

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...memerlukan perhatian yang begitu serius sekali, ya silakan Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat kata-kata daripada Mahatma Gandhi. Dia kata setiap manusia yang lahir ini menanggung hutang iaitu hutang si bapa terhadap ayahnya dengan cara mendidik anak-anaknya sebagai menjelaskan hutang. Begitu juga kepada kita, hutang kepada bapa kita ertinya mendidik anak-anak kita sebagai membayar hutang. Tetapi hari ini saya tengok bukan sahaja yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi menceritakan masalah yang berlaku di kawasan bandar (*urban*).

Tetapi kita tengok masalah sosial remaja hari ini berlaku juga di kampung-kampung yang sepatutnya terikat dengan nilai-nilai tradisi yang mana kalau kita melihat satu ketika dahulu, bapa mendidik anak semasa bekerja dia bawa anak-anak dia bersama. Hari ini kalau si ayah pergi menoreh anaknya entah ke mana, tidak sebagaimana dahulunya yang akhirnya generasi remaja hari ini seolah-olahnya terumbang-ambing dan tugas mendidik hari ini kita lihat terletak kepada pihak sekolah. Guru-guru di sekolah perlu mendidik anak mereka dan saya rasa sudah melencong jauh daripada senario dahulu dengan nilai tradisi dengan apa yang berlaku pada hari ini. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, itu yang saya lihat dan saya memang bersetuju. Perkara yang paling penting setiap keluarga dan ibu bapa itu harus bertanggungjawab kepada pewaris dan zuriatnya. Dia tidak boleh lepas begitu sahaja. Oleh yang demikian setiap unit keluarga itu harus ada ilmu untuk mengasuh, mendidik anak-anaknya. Paling tidak dia tahu bagaimana untuk mengajar anak-anaknya, kalau sekiranya anak-anaknya normal Alhamdulillahlah. Bagaimana kalau sekiranya anak-anaknya adalah anak-anak istimewa? Anak-anak yang mempunyai masalah kecacatan dari segi pendengaran. Saya kira sebagai seorang ibu bapa dia harus belajar tentang bahasa-bahasa isyarat itu. Maka dalam konteks ini saya kira satu keluarga itu harus didedahkan dengan pengetahuan dan keilmuan secara profesional tentang bagaimana mengasuh anak-anak mereka iaitu bagaimanakah proses *nurturing the nature*, membangunkan anak yang semula jadi fitrahnya itu bersih dan untuk dikekalkan fitrah yang baik ini.

Maka ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang besar. Sebab itu saya lihat sekarang ini akta yang akan dipinda sekarang ini dengan tajuk Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga ini adalah begitu penting sekali dan sebab itu saya mengatakan bahawa ia memerlukan tindakan secara bersepadu. Kata kunci saya yang awal tadi ialah tindakan yang *integrated* bersepadu mungkin tidak cukup hanya kepada hanya satu kementerian sahaja. Sebab itu saya lihat juga di peringkat antarabangsa negara-negara lain akta serupa ini adalah merupakan tanggungan daripada agensi pusat yang begitu besar sekali yang mencakupi pelbagai agensi dan kementerian sebab ini adalah merupakan cabaran utama bagaimanakah anak-anak dan bagaimanakah kita ini orang dewasa hari ini sebenarnya ia bermula daripada satu unit keluarga dan ini adalah merupakan unit asas kepada sesuatu bangsa dan masyarakat itu.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh di sini tentang tugas-tugas yang akan dipikul, apa yang disebut "*the powers of the board*" ini. Saya ingin mencadangkan kepada badan pihak pengurusan ini supaya dapat memilih warga kerja yang benar-benar yang mempunyai kepakaran. Bukan hanya sekadar mengambil berdasarkan kepada kenalan *know who* tetapi tidak pula kepada *know how*. Harus dipilih daripada kalangan orang-orang yang benar-benar tahu, pakar dari segi proses asuhan dan pendidikan ini malah daripada pakar-pakar *psychology*, *counselor* untuk menduduki dalam *board* ataupun dalam lembaga pengurusan di sini. Saya kira

kuasa-kuasa yang telah di beri dalam akta ini cukup banyak dan luas sekali yang memerlukan kepada orang-orang yang benar-benar tahu dan ada kepakaran, *know how* itu. Bukan sekadar *know how* itu tetapi dari segi minatnya *the want to* - keinginan untuk melakukan sesuatu yang penting dan memberi kesan yang hebat kepada merealisasikan perubahan Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 ini. Sekian saya mohon menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

4.37 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bahawa skop kepada lembaga ini adalah sangat luas dan saya rasa ia tidak boleh dilaksanakan oleh satu kementerian sahaja. Saya rasa lembaga ini adalah penting dan ia hanya perlu tumpukan kepada membuat dasar serta program-programnya yang mesti dilaksanakan oleh pelbagai kementerian umpamanya terlibat juga Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Oleh yang demikian saya rasa ahli lembaga ini komposisinya dia mestilah terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan agama dan juga berbagai latar belakang *expertnya* dan dia mesti juga mempunyai perunding yang pakar dalam *gender studies*, ini yang pertamanya.

Yang keduanya ialah kita mengatakan yang salah satu fungsinya ialah pembangunan keluarga tetapi pada sampai hari ini saya rasa kerajaan tidak mempunyai satu dasar yang mesra kepada keluarga umpamanya hendak meminda kaki tangan kerajaan. Seperti baru-baru ini memindahkan atau menukarkan tempat kerja cikgu. Dia sudah berkeluarga dan anaknya dalam persekolahan, dia ingin menukar cikgu ini dari Pulau Pinang ke Johor tetapi suaminya tidak boleh mengikut. Jadi ini akan memisahkan ahli-ahli keluarga. Saya rasa adalah penting juga kita mempunyai dasar keluarga untuk mesra keluarga di mana kalau hendak menukar salah seorang suami atau isteri dia mesti mempertimbangkan keadaan keluarganya. Ini barulah dikatakan satu dasar yang mementingkan atau utamakan keluarga. Saya rasa sekarang kita masih dalam tahap banyak slogan, kita kata ada keluarga bahagia ataupun 'semakin lama semakin cinta', ini bagaimana ia hendak dilaksanakan? Macam mana dia boleh berfaedah kepada keluarga? Ini setakat publisiti dan slogan sahaja. Jadi saya rasa kita perlu melaksanakan dasar yang betul-betul boleh mendatangkan faedah kepada keluarga, yang betul-betul utamakan keluarga. Saya rasa kita ada seperti LPPKN di setiap negeri dan kalau tidak salah saya, LPPKN di negeri Pulau Pinang, mereka menjalankan program yang agak berjaya iaitu *Youth Life Education Program* di mana mereka, pemuda pemudi diberi *workshop* mengenai juga pendidikan keluarga dan juga pendidikan seksual.

Tetapi saya rasa kita perlu juga memberi pengetahuan ini kepada generasi yang sudah menjadi ibu bapa iaitu mereka yang tidak melalui kursus sebelum perkahwinan mereka. Jadi saya rasa adalah mungkin kita boleh bekerjasama dengan universiti atau kolej komuniti untuk mengadakan modul kursus-kursus *parenting*. Ataupun saya rasa *parenting* hari ini bagaimana hendak mengeratkan hubungan di antara ibu bapa dan anak-anak mereka ialah *communications skills* kerana dulu adalah lain. Dulu ibu bapa hanya memberi arahan sahaja dan anak hanya mengikut arahan.

Tetapi pada zaman sekarang ialah ibu bapa tidak boleh menjadi *authoritarian* lagi. Ibu bapa mesti menjadi kawan kepada anak. Jadi penilaian ini sudah berlainan. Ibu bapa juga perlu tahu bagaimana hendak berkomunikasi dengan anak mereka. Mungkin ada perlunya kita memberi kursus komunikasi kepada ibu bapa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata cara ibu bapa dahulu mendidik anak *authoritative* dan mungkin ada sedikit *dictatorial* dahulu. Kemudian hasilnya ialah jika dibandingkan dengan hari ini, angka masalah sosial itu lebih rendah daripada sekarang. Hari ini kita pula, ibu bapa dinasihatkan supaya lakukan anak itu seperti rakan dan angka masalah sosial ini pula melambung tinggi.

Jadi Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat bagi satu kesimpulan, huraian, yang mana cara *authoritative* atau *dictatorial* itu lebih berkesan di dalam pendidikan anak-anak ini daripada melakukan mereka seperti rakan. Jadi ini mungkin ada masalah pertimbangan di sini. Cuba Yang Berhormat beri sedikit saya penjelasan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ini susah hendak membuat kesimpulan macam itu, kerana anak dan keluarga berlainan. Jadi saya rasa ibu bapa mesti masing-masing tahu apakah cara yang terbaik untuk anak mereka. Tetapi untuk membuat *judgment* seperti itu, ibu bapa memerlukan pengetahuan. Saya rasa ramai ibu bapa pada waktu sekarang kurang pengetahuan, kurang ilmu untuk menjadi ibu bapa kerana kalau jadi doktor, kita melalui latihan; kalau menjadi guru, kita melalui latihan; tetapi menjadi ibu bapa, kita tidak melalui latihan.

Saya rasa ramai yang kurang ilmu untuk mengendalikan sebuah keluarga dan juga bagaimana hendak cari ibu bapa, khususnya kerana pada masa ini sudah berlainan. Dahulu adalah lain, sekarang adalah lain. Cara dahulu mungkin tidak boleh digunakan sekarang, kerana dahulu ialah hanya ibu bapa dan kurang ada TV dan tidak ada *internet*. Anak-anak kurang

expose kepada dunia yang luar. Tetapi hari ini anak-anak kita *expose* kepada dunia yang lebih daripada ibu bapa mereka. Mereka mungkin lebih berpengetahuan dalam sesuatu aspek.

Umpamanya dalam memainkan *computer game*, dalam *internet*. Mereka mungkin lebih berilmu daripada ibu bapa mereka. Jadi saya rasa pindaan akta ini ialah untuk mengemaskinkan dasar kita supaya ia bersesuaian dengan masa kini, bagaimana kita hendak merancang untuk pembangunan keluarga. Tetapi saya rasa, sepanjang masa ini, kerajaan telah cuai ataupun tidak memberi tumpuan yang sepatutnya kepada pembangunan keluarga, tidak memberi sokongan kepada keluarga.

Umpamanya beberapa tempoh hari itu, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengatakan kalau anak melanggar undang-undang, ibu bapa juga turut harus dihukum. Ini dia kata mengikut Antisocial Behavior Act di England. Saya pun telah *download* akta ini, Antisocial Behavior Act 2003 (England) yang dibaca. Sebenarnya ia tidak mengatakan menghukum ibu bapa di mana kalau anak mereka melanggar undang-undang atau anak mereka mempunyai kelakuan yang antisosial.

Yang dikatakan ialah kalau akta ini bertujuan untuk mencegah anak-anak yang di bawah 16 tahun mempunyai *antisocial behavior*. Kalau dia mempunyai satu *team*, satu pasukan untuk kawalan, kalau mereka membuat kawalan dan mendapati bahawa anak ini *decline* menjadi *antisocial*, ada tingkah laku antisosial, maka mereka akan *identified*, kenal pastikan dan menjemput ibu bapanya untuk berbincang bersama-sama, apakah tindakan yang boleh diambil. Ini dapat membantu ibu bapanya untuk menangani masalah iaitu mungkin ibu bapanya mesti bersetuju untuk mengikuti kursus kaunseling, kursus *parenting* dan bukan untuk menghukumnya.

Saya rasa kita di sekolah ataupun dalam masyarakat selalunya yang difikirkan pertama, ialah hukum mereka seperti masalah disiplin di sekolah. Dahulu ialah bagaimana hendak disiplin mereka, hendak sebat mereka. Saya rasa....

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit, Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Boleh Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya rasa Yang Berhormat, satu daripada masalah kita ialah keupayaan ibu bapa untuk mendapat dengan izin, *quality time* dengan anak-anak, masa yang berharga. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa dalam zaman kita mengejar pembangunan ini, ramai di antara keluarga ini, ibu dan bapa bekerja. Kalau kita ambil di Lembah Klang umpamanya, ada ibu bapa yang bekerja, keluar rumah 6.30 pagi, balik 7.30 malam. Kadang-kadang 8.00 malam, kedua-duanya. Jadi bagaimanakah ibu bapa ini dapat mempunyai masa yang berkualiti dengan anak-anak?

Kalau pun ada misalnya pusat jagaan yang dibuat oleh swasta dan kerajaan, tentu tidak sama dengan penjagaan ibu bapa sendiri kepada anak-anak mereka. Jadi ini satu dilema, Yang Berhormat, saya rasa perlu kita lihat bagaimana hendak mengatasi masalah ini, supaya ibu bapa ini mempunyai masa yang cukup di samping mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan anak-anak seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, saya memang bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Di sini kita ada dua jenis ibu bapa. Yang pertama, ibu bapa yang mampu, yang mungkin pendapatan mereka lebih tinggi dan salah seorang daripada ibu bapanya tidak bekerja dan kita menggalakkan bahawa keluarga dan anak-anak adalah lebih penting. Kalau anak-anak kecil mungkin salah seorang daripada ibu bapanya jangan bekerja. Tetapi ada keluarga yang di mana pendapatannya tidak begitu tinggi dan kedua-dua ibu bapa dipaksa bekerja. Di sini macam mana kita hendak tolong mereka. Di sini kita perlukan dasar keluarga kerajaan untuk kerajaan membantu mereka itu mengadakan pusat jagaan kanak-kanak. Ada pusat sebelum pergi ke sekolah dan selepas lepasan sekolah. Kita perlukan adakan banyak kemudahan atau *facility* untuk *sports* untuk komuniti supaya mereka ada tempat untuk pergi dan bukan pergi ke *shopping complex* sahaja ataupun ke *video game centre*.

Itulah yang saya katakan bahawa dasar kerajaan sangat penting. Sudah sampai masanya ada sesetengah atau sebahagian kecil keluarga tidak mampu melaksanakan semua tugas keluarga dan ibu bapa dan di sini keluarga jenis ini mesti diberi bantuan atau diberi sokongan dari segi dasar. Bukan ibu bapa sahaja, saya rasa guru di sekolah pun mereka tidak dapat melihat bahawa murid-murid atau pelajar-pelajar sekarang pun sudah berubah. Dahulu guru bersifat diktator juga kerana tidak boleh soalkan apa yang dicakapkan oleh guru.

Tetapi sekarang zaman sudah berubah dan berlainan dan mungkin dalam aspek-aspek yang tertentu mungkin pelajarnya lebih berilmu daripada gurunya. Tetapi cara disiplin di sekolah masih tidak berubah. Ada sesetengah atau sebahagian kecil murid atau pelajar tidak boleh menerima cara disiplin yang dilakukan ke atas mereka.

Di akhbar *Star* pada Julai 2000 menyatakan '*canning won't solve disciplinary problem*'. Mereka lebih *retaliate*. Kalau guru mendisiplin mereka dengan cara menyebat mereka di hadapan semua orang, mereka akan bertindak lebih ganas. Tentulah mereka menaruh perasaan dendam ke atas guru disiplin sampai merosakkan keretanya, sampai membakar. Saya bukan kata ini adalah tingkah laku yang sewajarnya dilakukan tetapi ini adalah cara mereka menunjukkan ketidakpuasan hati mereka.

Kita sebagai orang dewasa, kita mesti faham psikologi mereka supaya kita dapat mengajar mereka dan bukan sentiasa hendak menghukum mereka sahaja. Saya rasa ini adalah fungsi ataupun kerja lembaga yang hari ini kita bincangkan. Kita lihat bahawa *juvenile delinquent*, mereka yang terlibat dalam jenayah pun telah umurnya lebih muda lagi. Pada tahun

ini juga dari akhbar *Star* dengan izin, *the police court 5,083 Juvenile for crime between January and June this year. Last year, the figure for 4,063.*

Dia berkata bahawa semakin bertambah dan ini bukan *figure* yang sebenarnya kerana ada ramai lagi yang melakukan jenayah tetapi tidak ditangkap. Apakah kita hendak buat dengan kumpulan seperti ini. Saya rasa masalah disiplin di sekolah ataupun masalah *juvenile delinquent* adalah berkaitan dengan masalah keluarga.

Kalau kita boleh membantu keluarga dan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak maka saya rasa kita boleh mengurangkan masalah seperti ini. Kalau kita boleh memberi pengetahuan kepada ibu bapa, saya rasa mereka boleh menjadi ibu bapa yang lebih efektif.

Baru-baru ini di dalam NST menyatakan satu *survey* telah dijalankan di universiti dan didapati bahawa pemuda pemudi yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun ada 50% adalah *sexually active*. Tetapi mereka tidak menggunakan apa-apa *protection*. Dia tidak menggunakan *contraceptive* dan juga menjalankan hubungan sek dengan tidak mengambil apa-apa *safety measure*.

Kita tidak hairan kalau perkara ini terdapat di kalangan pelajar-pelajar universiti. Bagaimana dengan mereka yang lebih rendah lagi? Dia ada sering mengatakan bahawa ada budak lelaki yang semuda sembilan tahun sudah ada hubungan sek dan perempuan 11 tahun. Saya rasa ini bukan bilangan yang ramai tetapi ada. Jikalau kita ada pergi ke sekolah dan juga LPPKN ataupun *women crisis centre* untuk memberi pengetahuan mengenai *sexuality*, kita akan dapat.

Dalam *From Three* pun, *lower secondary* pun ada di antara mereka sudah ada pengetahuan dalam hubungan sek dan kita anggap mereka semua tidak tahu. Di sinilah pentingnya kita patut memberi pendidikan kepada mereka supaya mereka dapat membuat keputusan secara waras ataupun *inform choice* sama ada mereka ingin mengadakan perhubungan sek sebelum kahwin, kalau mereka ingin mereka tahu bagaimana mengambil *safety measure*. Adalah lebih baik daripada mereka tidak tahu langsung bagaimana mereka boleh mengandungi, bagaimana mereka boleh dapat HIV ataupun penyakit-penyakit kelamin.

Ramai yang bimbang bahawa kalau kita memberi pengetahuan kepada mereka mungkin mereka akan lebih senang mengadakan hubungan sek. Tetapi kajian-kajian yang telah dibuat di negara-negara seperti di England, Amerika Syarikat sudah menunjukkan bahawa mereka yang melalui kursus seperti ini, mereka melambatkan kelakuan mengadakan hubungan sek.

Berbanding kepada mereka yang tidak melalui kursus seperti ini dan mereka lebih berwaspada untuk melindungi diri sendiri. Saya rasa adalah pada waktu sekarang, kalau kita tidak memberi pengetahuan seperti ini kepada mereka, mereka juga akan mendapat pengetahuan yang mungkin salah daripada sumber-sumber yang lain dan saya rasa kalau mereka mendapatkan pengetahuan daripada sumber-sumber yang lain seperti *pornography*,

saya rasa itu adalah lebih teruk lagi kalau dibandingkan dengan tidak memberi kerana selalunya nilai-nilai yang diberikan adalah tidak bertanggungjawab.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Setiu hendak juga.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya dahululah ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti, ya, Tangga Batu dahulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ramai orang minat sama Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tajuk, tajuk lah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tajuk lah. Saya baru hendak cakap. Mungkin Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam punya tajuk, saya belum habis cakap lagi sudah cakap.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kurang pastilah tetapi yang saya sedar ketika saya di Tingkatan 1, ada satu tajuk syllabus Sains Panduan. Dalam Bahasa Inggeris dipanggil apa? Sains Panduan lah.

Seorang Ahli: *Integrated.*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Integrated, ya. Integrated Science.* Tajuk yang akhir sekali di dalam Tingkatan 1 ini – *lower secondary* atau Menengah Rendah, kita belajar tentang sek. Kita belajar tentang hubungan sek. Saya masih ingat lagi bahawa guru yang mengajar itu Tuan Yang di-Pertua, dia beritahu, dia kata ini saya ajar.

Guru yang mengajar ini pula, saya ingat lagi dia kata inilah masa-masanya jika melakukan hubungan seks maka tidak akan berlaku persenyawaan dan sebagainya, tapi akhirnya menyerahkan kepada pelajar, kalau kamu lakukan maka tanggunglah apa juga hukuman, keputusannya sama ada di dunia ataupun *hereafter*. Jadi ini yang saya ingatlah, dan kami menerimanya dengan baik dan hasilnya saya kira dalam kelas tersebut, masing-masing begitu berhati-hati apabila ada hubungan, sama ada dalam bentuk hubungan perbualan ataupun suasana dengan pelajar-pelajar perempuan di dalam kelas. Apa komen Yang Berhormat, kerana gaya Yang Berhormat cakap tadi seolah-olah tiada langsung pengajian ini di dalam menengah rendah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiu

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Setiu...nanti ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti hujah daripada

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai pembelajaran seks kepada anak-anak. Tapi saya melihat kepada Rukun Negara, yang pertama ialah Percaya Kepada Tuhan. Saya percaya di antara pelajaran seks dengan kepercayaan kepada agama, saya rasa nilai-nilai agama ini, penghayatan agama ini saya rasa lebih penting daripada mempelajari seks, kaedah-kaedah seks selamat dan sebagainya, kerana dengan pemakaian seks secara selamat ini mengurangkan ataupun kurang daripada kesan dari segi jangkitan HIV dan sebagainya. Tetapi kalau kita kembali kepada penghayatan agama, saya percaya konsep hukuman hari akhirat *hereafter* tadi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, saya rasa sekiranya ada *religious conscience* dengan izin kepada anak-anak muda pada hari, yang saya percaya sudah melencong jauh daripada ajaran agamanya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, penekanan kepada memahami dan menghayati ajaran agama yang termaktub di dalam Rukun Negara kita yang pertama, Percaya Kepada Tuhan. Saya percaya semua agama tidak membenarkan bukan setakat kita kata hubungan yang tidak selamat, hubungan yang selamat pun tanpa nikah ini adalah dilarang oleh agama. Pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya faham dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu dan Tangga Batu. Memang adat kita dan juga agama kita melarang apa yang dikatakan perhubungan seks sebelum kahwin, tetapi dia berlaku juga. Dari dahulu hingga sekarang dan masa yang akan datang, akan ada sebilangan yang melakukannya. Agama dan adat bukannya jawapan kepada semua soalan. Saya rasa adalah lebih baik kalau kedua-duanya kita juga beri ajaran agama kepada anak kita dan juga pada waktu yang sama memberitahu mereka ilmu-ilmu berkaitan dengan seks.

Di sini, kerana saya rasa khasnya di dalam kalangan gadis-gadis Melayu yang datang dari luar bandar ke bandar, mereka sangat senang ditipu, dengan itu berlaku banyak dikatakan *date rape*. Mereka dikenalkan lelaki satu dua kali, keluar dengan lelaki ini dan selepas itu mereka dirogol, kerana mereka percaya sangat kepada orang lain. Mereka, *simple minded* mereka sendiri sangat jujur, tetapi mereka tidak tahu ada orang yang tidak jujur dan boleh ambil kesempatan ke atas mereka.

Jadi saya rasa kalau kita memberikan pengetahuan kepada mereka, mereka boleh lebih melindungi diri sendiri. Tapi saya rasa kedua-duanya adalah penting, seperti apabila kita mengatakan pendidikan seksual, selalunya kita memikirkan tingkah lakunya. Tetapi di sini, iaitu di *women agendas for change* di Pulau Pinang, mereka mengajar pelajar-pelajar darjah 5 dan 6 mengenali sentuhan yang ok dan sentuhan yang tidak ok. Bagaimana hendak membezakannya? Ada beberapa bahagian di badan kita, yang dikatakan *private* dan tidak boleh disentuh, bukan senang-senang boleh disentuh oleh sesiapa dan itu saya rasa adalah penting.

Di sini, walaupun kita mengatakan bahawa keluarga adalah syurga kita, tapi ada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku di dalam keluarga dan di dalam rumah. Kita mesti mengajar

anak muda kita bagaimana cara membezakan tingkah laku ataupun sentuhan yang tidak baik dan berniat jahat, atau sentuhan yang boleh diterima kerana ada ramai dan banyak kes rogol ataupun sumbang mahram dan mereka yang menjadi perogol adalah orang yang dikenali ataupun saudara kepada anak-anak ini. Jadi, bukan hanya berwaspada kepada orang-orang yang tidak dikenali sahaja, tetapi berwaspada dan tahu, anak-anak mesti tahu apakah kelakuan-kelakuan yang mereka mesti berwaspada. Apakah sentuhan mereka yang mesti berani mengatakan tidak. Ini adalah pendidikan seksual dan bukan kita selalu takut kalau mereka tahu semua ini mereka akan lakukan.

Kajian telah pun mengatakan bahawa bukan seperti ini, bukan seperti yang kita khuatiri. Mereka yang kurang berpengetahuan lebih senang melakukannya. Di sini ada juga dalam keratan akhbar NST mengatakan dari tahun 2000 hingga 2005 nombor *of unwed mothers*, ibu yang tidak berkahwin tetapi menjadi ibu semakin bertambah. Pada tahun 2000 ialah 202 orang, pada tahun 2005 ialah 388 orang. Saya rasa ini hanya *tip of the ice-berg* kerana ramai mereka yang menjadi ibu yang tidak berkahwin tidak diketahui. Mereka selesaikan masalah sendiri ataupun tidak pergi ke mana-mana pusat, jadi kes mereka tidak didaftar. Mengapa ada bayi yang dibuang? Setiap tahun ada bayi dibuang, mengapa ini berlaku? Kerana masyarakat memandang bahawa kalau wanita tidak berkahwin tetapi ada bayi, ini dipandang sebagai satu perkara yang begitu memalukan sehingga wanita seperti ini tidak berani untuk meminta pertolongan. Adakah itu yang kita mahukan? Oleh kerana itu adalah satu perkara yang memalukan, maka kita tidak mahu memberi pertolongan. Adakah ataupun patutkah kita menukar fikiran?

Tiada seorang pun wanita yang ingin terjebak ke dalam keadaan yang sedemikian, menjadi ibu dan tidak mendapat kebahagiaan. Menjadi ibu, tetapi itu menjadi satu tekanan yang begitu berat. Tekanan itu sendiri sudahpun menjadi hukuman yang sangat berat kepada wanita ini kerana membuat kesilapan mempercayai lelaki yang tidak bertanggungjawab. Saya rasa kita patut menukar cara berfikir supaya kita boleh memberi bantuan kepada wanita yang mengalami krisis seperti ini. Ini merupakan satu krisis dalam kehidupan beliau. Sekiranya kita memberi bantuan kepada wanita atau ibu yang tidak berkahwin ini, sekurang-kurangnya kita mungkin boleh menyelamatkan bayi itu. Jadi kita perlu ada pusat-pusat yang boleh memberi bantuan kepada ibu yang tidak berkahwin. Sekiranya Kementerian tidak boleh melaksanakan kerana nilai agama, jadi saya rasa boleh memberikan *grant* kepada NGO supaya NGO boleh melakukannya.

Mengapa kita hukum bayi yang belum dilahirkan? Walaupun kita tahu ini sepatutnya tidak berlaku tetapi dalam realitinya ia berlaku. Orang dewasa pun membuat kesilapan, orang dewasa pun berzina. Bagaimana dengan anak-anak yang belum dewasa, kita patut lebih berkemanusiaan terhadap mereka yang buat kesilapan. Seperti sekolah, kalau pelajar perempuan yang mengandung, dia masih dalam sekolah, apakah sekolah buat? Dia disuruh berhenti dan tidak boleh kembali ke sekolah lagi. Adakah itu penyelesaian yang terbaik? Saya

rasa adalah sampai masanya kita memberi alternatif kepada pelajar seperti ini, kepada pelajar yang melanggar peraturan ataupun dikatakan mereka digolongkan pelajar yang bermasalah. Saya rasa kita perlu memberi peluang kepada mereka. Sekurang-kurangnya kalau boleh habiskan persekolahan mereka.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, lama lagikah? Banyak lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Panjang lagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Panjang lagi, okey. Panjang lagi saya tanyalah, kalau tidak panjang saya tidak tanya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Okey, kita boleh terima kelakuan anak-anak muda ini mungkin tersalah langkah di peringkat muda dan kita boleh maafkan, tetapi kita terpaksa bertolak ansur dengan tanggapan masyarakat yang mempunyai ketebalan yang begitu tinggi terhadap masalah-masalah sosial yang melanda ini.

Bagaimana pula pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tentang kesilapan yang dilakukan berkali-kali sehingga tidak menyedari yang ia satu kesalahan. Umpamanya, ibu-ibu yang terpaksa melayan, yang terpaksa menjadi pelanggan kepada kaum lelaki kemudian waktu itu anaknya dibiarkan di luar bilik, menunggu perkhidmatan ibu tadi. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat? *[Disampuk]* Ibu ini dia ada otak, dia boleh fikir tetapi dia kata nanti kejap, mak hendak layan pelanggan ini sekejap, engkau tunggu di luar. Tiga, empat minit nanti emak keluar balik dan mencari pelanggan lain dan sebagainya. Jadi, sikap ibu ini pula, adakah ini perlu kita bebankan kepada kementerian? Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya rasa tidak ada. Kalau boleh, kalau ada alternatif yang lain, tidak ada seorang ibu hendak buat begitu, tidak ada seorang perempuan hendak buat begitu. Itu desakan kehidupan, dia mesti hidup juga.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedar atau tidak sekarang ini ada satu NGO yang akan digagaskan ataupun dipelopori oleh pelakon kita, Tiara Jacquelina, yang menyatakan hendak menubuhkan satu NGO yang memberikan perhatian kepada anak-anak yang terpaksa menunggu ibunya ketika menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan. Ibunya ini pelacur, jadi anak-anak ini – Tiara ini hendak buat satu NGO untuk memberikan perhatian kepada anak-anak yang terpaksa menunggu ibu memberi perkhidmatan. Yang Berhormat sedar atau tidak perkara ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa itu adalah cadangan yang baik. Sekurang-kurangnya ada dua cara, satu cara ialah membantu ibunya keluar daripada pekerjaan

seperti itu. Yang kedua kalau tidak boleh kita membantu anaknya. Saya rasa Yang Berhormat bagi Tangga Batu pun berpendapat bahawa tidak baik, tidak elok anaknya *expose* dalam keadaan seperti itu. Jadi, kalau kita tidak boleh mengubah ibunya, kita selamatkan anaknya. Saya rasa golongan ini yang perlu diberi bantuan dan bukan dipandang rendah ataupun *distigmatize*, golongan inilah yang perlu diberi bantuan.

Salah satu fungsi yang penting lembaga ini ialah *human reproduction*. Dalam *human reproduction* kita mesti tahu, saya rasa semua patut ada pengetahuan mengenai *human reproduction*. Yang dikatakan *sexual education* itu adalah kalau kita tidak mahu panggil ia *sexual education*, kita panggil dia *human reproduction education*. Ini supaya mereka tahu. Yang tadi saya katakan ialah *survey* yang dijalankan ialah ia menyatakan, "*the Malays are more ignorant about sexuality than the non-Malays*". Saya rasa ini mungkin kerana masyarakat Melayu lebih konservatif, lebih kurang cakap tetapi bukan kita tidak mahu bincang, kita tidak mahu cakap ia tidak wujud, ia wujud juga.

Yang saya khawatir ialah *dead rape* ini semakin banyak kes, ia pergi *dating*. Bukan *dating*, ia hanya keluar dengan lelaki yang dia kenali sahaja dan dia dirogol dan kes seperti ini dikatakan oleh polis semakin bertambah. Apakah kita hendak buat? Kita katakan mereka cuai atau kita menyatakan bahawa mereka ini kurang berhati-hati. Salah mereka ialah mereka tidak di*expose*, mereka tidak diberitahu bahawa ada ramai kaum lelaki di luar sana menunggu mengambil kesempatan ke atas mereka.

Jadi, di sini saya rasa pandangan ataupun nilai terhadap hubungan seks kaum lelaki juga mesti diubah, mereka mesti dididik supaya lebih bertanggungjawab, supaya mereka juga menghormati kehendak kaum wanita, menghormati tubuh badan orang lain. Jangan ambil kesempatan. Kalau mereka jantan, kalau mereka lelaki, jangan ambil kesempatan. Saya rasa itulah fikiran yang patut kita semaikan dan bukan seperti sekarang, mereka menunggu sahaja mengambil kesempatan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Pasal dua, tiga kali saya dengar tadi orang lelaki sahaja yang kena. [*Ketawa*] Orang perempuan tidak kena sebab itu dalam Quran dia sebut, [*Membawa sepotong ayat*] - Jangan hampiri zina. Jangan hampir, kalau hampir mesti jadi. Saya pun kalau hampir, jadi. [*Ketawa*] Apakah yang – itu *joke* sahajalah.

Seorang Ahli: *Joke* sahaja.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam setuju Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga ini kita perketatkan sedikit

kawalannya. Datuk Bandar buat taman bunga, cukup elok sudah untuk tempat kita rehat. Kerja penat, balik Parlimen penat, bawa anak hari minggu, boleh. Tetapi dia duduk di pokok-pokok palas, dia berkhalwat, tidak berkhalwat pun, dia *berdating*, jadi, ini kalau boleh kita kena ada satu pasukan khas. Zaman nabi dahulu diberi nama 'syurtah'. 'Syurtah' ini bukan polis, dia jaga bab-bab orang *berdating*, orang berkhalwat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Mat Skording*.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ha, itu dia *Mat Skording*, dengan izin. Jadi, sebab itulah kalau setuju, kita buat, tidak kira Islam, tidak Islam. Kalau dia duduk bukan muhrim, bukan isterinya, kita jalankan hukuman. Bagi saya hukuman sudah ada, bagi enam sebatan, jangan bagi dia bayar. Bayar, saya boleh bayar. Beri sebatan, biar perit.

Yang keduanya pembangunan keluarga ini sama kita hendak bangunkan rumah, hendak bangunkan Parlimen ini, mesti konkritnya kuat, kalau tidak ada *foundationnya* kuat, maka *foundation* keluarga tidak sama dengan bangunan ini. Kita hendak biarlah kita ada nilai-nilai murni, kita tanamkan melalui satu yayasan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya bersetuju. Yang Berhormat pun sendiri penyebut nilai-nilai murni *because the physical development, spiritual development, emosi development* adalah penting, dengan izin. Jadi, terima kasih. Setuju atau tidak dengan pandangan saya tadi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah yang saya sudah katakan tadi, kita selalunya fikir untuk hukum. Saya rasa yang lebih penting ialah *self-discipline*.

Mengapa Yang Berhormat tidak buat, mengapa orang lain buat. Lebih ramai yang tidak buat yang tahu batasannya. Jadi, adalah penting saya rasa ialah untuk memberi pendidikan, memberi nilai-nilai semasa kecil - yang mereka dijaga sewaktu kecil untuk memberitahu mereka bahawa di tempat yang mana boleh berlaku dan apa yang mereka boleh lakukan. Saya rasa tidak sampailah hendak menghukum mereka, hendak sebat mereka kerana mereka berasmara sikit. *[Ketawa]* Kalau mereka hanya berpegang tangan saya rasa tidak perlu. Itu kita katakan hendak 'tunjuk perasaan'.

Bagaimana kita hendak membezakan 'tunjuk perasaan' dan juga hendak mengatakan bahawa itu kelakuan yang lucu. Jadi, jangan kita hanya melihat - ha, ini kelakuan yang tidak baik. Hukum dia. Jadi, bagaimana mereka hendak menunjukkan perasaan kasih sayang? Saya rasa adalah lebih baik kita lebih menghormati cara individu. Ini kerana kita sudah ada *indecent law*. Kalau asasnya dia tidak melanggar undang-undang *indecent* sudah bolehlah. Tidak payah kita hendak hantar pasukan itu untuk membuat kawalan. Saya rasa ini sudah balik ke zaman yang dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya setuju yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti membina keluarga bahagia. *Baiti Jannati*, itu

bahasa Arab, dengan izin. Bahasa Orang Putihnya, *My home, My heaven*, dengan izin.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Heavenly home.*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Heavenly home*, dengan izin
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan jadi 'horn' sudahlah. Jangan jadi tanduk.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya. Kalau kita hendak bina keluarga bahagia mestilah kita mula dengan asasnya pendidikan Tadika itu sendiri, hendaklah dengan nilai-nilai yang baik. Jangan kita besarkan menari sahaja. Menari itu boleh. Menyanyi pun boleh, bukan tidak boleh. Tetapi kita masukkan nilai-nilai sifat yang murni bermula daripada pendidikan Tadika. Kalau kita hendak bentuk buluh mestilah daripada rebung. Jangan buluh baru kita hendak bentuk. Dia patah.

Maka dengan sebab itulah bagi saya, saya bersetuju sangat tadi. JAKIM pun ada buat pra perkahwinan. Jangan kata Siti Nurhaliza dengan Datuk K hendak kahwin, saya keluar gambar untuk Jurunikah 3 hari bulan dalam Astro - Harian Metro. Saya keluar gambar. Tengok lah - untuk nikah Datuk K - Siti Nurhaliza. Tetapi pra perkahwinan itu tidak cukup mesti ada selepas kahwin satu *syllabus* lagi. Bagaimana hendak membina kekukuhan kekuatan dalam rumah tangga yang bahagia barulah kita katakan *baiti jannati*. Kalau selepas kahwin dengan kerja masing-masing, dengan kesibukan masing-masing, artis dengan cara artisnya, *businessman* dengan *bussinessnya*, kita rasa tidak akan bahagia. Sebab saya tengok pendapatan RM10,000 mari jumpa saya semasa saya jadi Pengarah JAWI dulu, hendak bercerai kerana tidak *sporting*, RM10,000 seminggu, bukan sebulan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi, apakah penting kita wujudkan satu *syllabus* sahaja. Di sekolah Cina, di sekolah Melayu pun satu *syllabus* dari segi pra tadi biar kita ada dan dari kaum lain juga pra perkahwinan itu mesti ada., dan juga peningkatan kepada *syllabus* pra perkahwinan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa nilai-nilai ini pun sudah ada, bukan tidak ada. Sudah ada. Sebahagian daripada pendidikan seperti 'Kesihatan *Reproduction*' itu pun sudah ada. Tetapi bukan untuk semua yang dapat menerimanya ataupun ia menjadi jawapan kepada semua. Masih ada segelintir atau sebahagiannya yang perlu menggunakan pendekatan yang lain. Kalau kita hendak sebuah keluarga yang bahagia, saya rasa keluarga itu mesti ada pendapatan yang minimumnya. Tetapi kita tidak memastikan bahawa setiap keluarga mempunyai pendapatan yang minimum.

Jadi satu daripada dasarnya ialah dia mesti adakan gaji minimum untuk sebuah keluarga. Kalau pendapatannya tidak cukup, dia akan menghadapi banyak masalah. Jadi, salah

satu dasar yang perlu ada ialah gaji minimum. Ia juga berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Panjang lagikah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Panjang lagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, saya minta kepada Yang Berhormat kalau boleh, adakah mana-mana kajian ataupun penyelidikan yang mengatakan masalah sosial keluarga itu berpunca daripada pendapatan. Adakah mana-mana badan yang membuat kajian tersebut dan bolehkah Yang Berhormat nyatakan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ada satu peribahasa Inggeris yang mengatakan, "*The poverty is the twin brother of a crime*". Semasa ekonomi meleset lebih banyak masalah keluarga. Itu menunjukkannya. Kalau suaminya menganggur dan tidak dapat memberi rezeki kepada keluarganya, ada isteri yang ingin menceraikan. Ada. Ini menunjukkan bahawa pendapatan adalah sangat penting untuk sebuah keluarga yang stabil. Kalau tidak ada pendapatan yang stabil, pendapatan yang minimum yang cukup, pelbagai masalah akan timbul.

Jadi, saya rasa selain daripada dasar mesra keluarga, Lembaga ini juga harus melihat krisis-krisis yang boleh mencabar kestabilan keluarga. Krisis-krisis ini umpamanya, kalau suami mempunyai wanita kedua di luar atau ada *mistress* dan dia tidak mahu menjaga keluarganya, isteri dan anaknya, ia menjadi satu krisis ...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]* Boleh, Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Saya tertarik dengan Yang Berhormat bercakap tadi pasal dasar pendapatan keluarga. Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan keluarga. Misalnya kalau petani sekurang-kurangnya RM1000. Yang Berhormat sebut dasar pembangunan keluarga, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya suami, khususnya, yang hendak berkahwin itu mempunyai pendapatan yang minimum. Kalau ini yang Yang Berhormat cadangkan, adakah ia praktikal, boleh dilaksanakan misalnya. Kerana bukan semua orang mempunyai masalah yang sama misalnya di bandar sekian banyak, di luar bandar mungkin RM1000 sudah cukup. Jadi, adakah ke arah itu maksud Yang Berhormat supaya pasangan yang hendak berkahwin mesti mempunyai pendapatan yang minimum begini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ini pertanyaan yang sangat praktikal. Saya rasa pasangan yang hendak menjadi ibu bapa mereka mesti faham dan tahu *what they are in for*. Mereka mesti tahu kalau ada seorang anak berapakah perbelanjaan yang akan terlibat. Kalau mereka tahu, saya rasa mereka akan lebih berhati-hati dan merancang. Apabila mereka mampu mereka akan merancang untuk anak pertama dan anak kedua. Itu harapanlah. Walau

bagaimanapun, sudah tentu kita tidak boleh mengehadkan begini, kalau tidak sampai tahap pendapatan ini tidak boleh ada anak. Saya rasa itu kita tidak boleh. Itu *infringe on human rights*. Tetapi kalau kita boleh memberitahu apakah maksudnya menjadi ibu bapa, apakah tanggungjawab dari aspek ekonomi.

Yang saya katakan tadi krisis-krisis yang boleh mencabar kestabilan keluarga, selain daripada pendapatan dan juga jodoh pasangan - suami atau isteri yang tidak jujur kepada pasangannya yang mempunyai perhubungan di luar perkahwinan. Di sini saya rasa Kementerian-kementerian yang lain patut memainkan peranan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biar saya habiskan ini. Umpamanya di waktu sekarang ini, banyak keluarga telah dicabar oleh wanita-wanita dari luar negeri seperti dari China, dari Indonesia,....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Taiwan dan Indonesia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Lebih daripada Indonesia dan China dan saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak terus habiskan atau hendak sambung esok?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sambung esok.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bagi Tangga Batu sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Esoklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Esoklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Esok you bagi saya, ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Esok saya bagi. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 5.30, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.